

DOKUMEN INI BELUM DI SEMAK

[Senarai Ahli-ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Majlis Dewan Rakyat pada 15 Mac 2000- Tiada Persidangan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa dengan persetujuan Jemaah Menteri, Majlis Dewan Rakyat tidak akan bersidang pada hari Rabu, 15 Mac 2000 sebagaimana yang telah dijadualkan kerana Hari Raya Korban jatuh pada hari esoknya Khamis, 16 Mac 2000. Kesemua pertanyaan lisan yang telah dijadualkan pada 15 Mac 2000 akan diberikan jawapan bertulis menurut Peraturan Mesyuarat 22(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungei Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL yang telah diambil tindakan oleh Suruhanjaya Sekuriti berhubung dengan salahlaku yang berlaku dan apakah bentuk salahlaku yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat tersebut dan tindakan yang telah diambil; dan
- (b) apakah peraturan-peraturan baru yang akan diperkenalkan untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur kecil yang mana

semakin yakin dengan lonjakan indeks harga-harga pasaran saham di BSKL.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hasim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mengambil tindakan ke atas 17 syarikat-syarikat tersenarai di BSKL termasuk satu syarikat tersenarai telah didakwa dan dituduh di bawah Seksyen 86, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 kerana kesalahan membuat pernyataan yang mengelirukan dalam butir material yang berkemungkinan mendorong orang-orang lain membeli sekuriti di mana pesalah patut dengan munasabahnya tahu bahawa pernyataan itu adalah mengelirukan.

Bagi 16 syarikat tersenarai lain SC telah mengenakan celaan awam ke atas syarikat tersebut dan pihak lain yang berkenaannya termasuk para pengarah disebabkan oleh antara lain perkara-perkara berikut:

- (i) ketidakpatuhan kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh SC sewaktu meluluskan cadangan korporat yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat tersenarai berkenaannya;
 - (ii) ketidakpatuhan kepada keperluan-keperluan lain yang ditetapkan oleh SC oleh syarikat-syarikat tersenarai; dan
 - (iii) lencongan yang besar mengenai pencapaian sebenar keuntungan syarikat berbanding dengan ramalan keuntungan yang dikemukakan kepada SC dan dizahirkan dalam pekeliling atau prospektus kepada pemegang-pemegang saham.
- (b) Perlindungan kepada pelabur telah dipertingkatkan dengan mengukuhkan lagi peraturan membabitkan urusan pihak yang berkaitan dan yang berkepentingan dan mengawal selia aktiviti pengambilan dan percantuman SC dan beberapa pihak berkuasa yang berkenaannya telah mengambil beberapa langkah

untuk memastikan kepentingan pelabur terjamin termasuklah mempertingkatkan penzahiran dan pertanggungjawaban melalui peralihan beransur-ansur ke arah kawal selia, berteraskan penzahiran ataupun Disclosure Base Regulation (DBR) melaksanakan 70 perakuan, laporan, tadbir urus korporat untuk meningkatkan penghayatan tadbir urus korporat (coporate governance) di kalangan syarikat-syarikat. SC juga dan pihak berkuasa yang berkenaan juga telah meningkatkan kapasiti dan sumber yang mencukupi dalam bidang penyeliaan dan penguatkuasaan dengan meminda kuasa perundangan untuk membolehkan SC dan BSKL mempunyai kuasa yang lebih dalam penyiasatan dan pemeriksaan berkaitan dengan perdagangan dalaman serta ketika berurusan dengan pegawai pegawai syarikat. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Untuk menjaga kepentingan para pelabur yang mana kita dapati banyak pelabur kecil ini tertipu salah satunya puncanya adalah daripada salahlaku remiser yang mana kadang-kadang perhubungan cuma dapat dilakukan melalui telefon sahaja untuk satu-satu kontrak pembelian saham, kemudian kadang-kadang pelabur kecil ini dengan tidak membuat tempahan membeli saham, kemudian disebabkan oleh salahlaku remiser benda ini berlaku. Jadi, saya ingin tahu apakah garis panduan dan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap remiser-remiser yang mana melibatkan kerugian bagi pihak pelabur-pelabur kecil. Sekian, terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedar tentang berlakunya penipuan di pihak remiser ataupun wakil peniaga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dan pihak kementerian mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana keprihatinan beliau terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Peraturan-peraturan BSKL yang sedia ada, wakil-wakil penjual sama ada remiser ataupun pat dealer yang salahlaku seperti di antaranya yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Antara lain membuat pernyataan palsu mengenai pembelian sekuriti;

juga menggunakan muslihat untuk menipu dalam pembelian sekuriti; dan membenarkan orang yang tidak mempunyai lesen untuk menjalankan fungsi wakil peniaga ataupun membuat kenyataan palsu dalam permohonan pembaharuan lesen dan lain-lain bentuk penipuan dan penyelewengan akan diambil tindakan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL, iaitu selain daripada digantung perkhidmatan mereka, dikenakan teguran, amaran, didenda ataupun dikeluarkan daripada senarai wakil peniaga ataupun akan didakwa di mahkamah.

Setakat ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 622 orang wakil peniaga (remiser) telah digantung daripada menjalankan perkhidmatan mereka kerana salah laku tersebut. Dengan itu, adalah jelas peruntukan undang-undang yang sedia adalah mampu mencegah salah laku di kalangan wakil-wakil peniaga dan sekali gus meyakinkan para pelabur terhadap kewibawaan pasaran BSKL kita. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana kah kedudukan tokoh korporat MCA, Dato' Soh Chee Wan yang dikeluarkan waran tangkap oleh Suruhanjaya Sekuriti pada tahun yang lalu, sehingga kini masih belum ada berita lagi dan kedudukan empat kaunter yang masih belum dibuka iaitu kaunter Klamas, Redbox, Rekabag dan Promet. Apakah tindakan kerajaan ke atas empat kaunter yang tadi saya sebut bagi kebalikan keyakinan para pelabur? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Kes tokoh korporat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah masih dalam penyiasatan dan jikalau beliau didapati melanggar Akta Sekuriti yang saya sebutkan tadi maka beliau akan dihadapkan ke mahkamah dan akan dihukum sewajarnya.

Tentang empat kaunter yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, pihak BSKL sedang memantau kes ini dan kaunter ini setakat ini digantung dan dalam proses penstrukturan semula. Saya rasa dalam masa yang singkat nanti kemungkinan BSKL ataupun SC dapat menyelesaikan kes keempat-empat kaunter Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih.

2. **Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menebusguna tanah bekas lombong bagi tujuan pertanian bagi meningkatkan produktiviti bahan makanan di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, tanah bekas lombong yang dianggarkan seluas 200,000 hektar di Semenanjung Malaysia telah disenaraikan sebagai tanah yang bermasalah untuk kegiatan pertanian kerana mempunyai kandungan pasir yang tinggi. Kawasan ini tidak dapat menampung tanaman dengan baik disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan tanaman yang sempurna. Walau bagaimanapun, berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan oleh MARDI masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan kaedah-kaedah berikut:

- (i) penggunaan bahan-bahan organik seperti najis haiwan, afluen kilang kelapa sawit dan tandan kelapa sawit kosong untuk menampung kekurangan neutrion dan mengurangkan sifat larut besar tanah;
- (ii) penggunaan bahan organik seperti tandan kelapa sawit kosong untuk menyerap air bagi tanaman;
- (iii) pengawalan suhu tanah yang tinggi dengan kaedah siraman dan sungkupan;
- (iv) meratakan permukaan tanah yang curam.

Dengan menggunakan bahan-bahan buangan organik daripada industri pertanian MARDI telah berjaya menghasilkan tanaman buah-buahan seperti belimbing, betik dan ciku, sayur-sayuran semua jenis, tanaman ladang, keledak dan jajung manis dan tanaman rempah seperti serai di atas tanah pasir bekas lombong.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat seolah-olah ada paradox di sini, dengan izin. Pada satu masa yang sama kita juga berminat untuk membangunkan tanah-tanah lombong yang jumlahnya 200,000 hektar tadi tetapi pada masa yang saya, Tuan Yang di-Pertua, ada tanah-tanah terbiar yang luasnya 400,000 hektar. Jadi, dari segi usaha, dari segi kos mana lebih baik kita tumpukan perhatian kita seluruhnya kepada membangunkan tanah yang 400,000 hektar tanah terbiar dengan kita pula beralih kepada tanah lombong membangunkan sebagaimana Yang Berhormat kata tadi memang sukar untuk dibagunkan atas beberapa sebab ya ng disebutkan tadi.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan membangunkan tanah lombong. Saya ceritakan jumlah tanah lombong. Kalau kita

hendak bangun inilah tindakan yang perlu kita buat. Sebenarnya fokus kita ialah untuk memulihkan tanah-tanah terbiar. Ini berterusan, sedang berjalan melalui aktiviti yang dibuat oleh Jabatan Pertanian. Sebenarnya keluasan tanah terbiar telah pun dapat dikurangkan. Di rata-rata tempat keadaan tanah terbiar ini telah dapat dikurangkan melalui peningkatan infrastruktur yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi tujuan supaya pertanian kita dapat mengusahakan tanah pertanian ini dengan cara yang lebih baik dan harapan kita hasil tanaman mereka pengeluarannya akan lebih tinggi dan akhirnya mereka akan mendapat tambahan pendapatan yang lebih.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan Menteri Pertanian akan mengambil mengenai hal ini sebab banyak terbiar walaupun tanah lombong, bekas lombong atau tanah kerajaan sedang ditamam oleh peladang yang rajin dan hasilnya adalah memuaskan. Adakah Menteri Pertanian memberi cadangan kepada negeri-negeri supaya tanah diberi kepada peladang yang sedang mengerjakan tanah tersebut?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelupusan tanah, ini dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Saya ingat para petani yang sedang mengusahakan tanah-tanah berkenaan boleh mengemukakan permohonan untuk mendapat tanah tersebut kepada kerajaan negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, selain daripada aktiviti tanaman di kawasan-kawasan lombong ini boleh dijalankan aktiviti seperti aktiviti akuakultur, aktiviti ternakan itek ataupun dijadikan sebagai taman-taman rekreasi yang boleh menarik orang ramai untuk berkunjung dan beristirehat di tempat berkenaan.

3. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah langkah telah diambil untuk mengatasi masalah antara tuan punya dan lembaga pengurusan (management corporation) bangunan bertingkat mengenai penyelenggaraan bangunan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Hakmilik Strata mengandungi beberapa mekanisme yang boleh digunakan oleh pemilih hakmilik strata atau perbadanan pengurusan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi mereka menangani penyelenggaraan bangunan. Pertama,

mereka boleh memohon penyelesaian dengan bantuan dan khidmat nasihat daripada Pengarah Tanah dan Galian negeri berkenaan mengenai perkara-perkara yang tertentu. Kedua, mereka boleh memohon penyelesaian dengan tindakan mahkamah.

Walau bagaimanapun, kerajaan kini sedang menyemak semula undang-undang berkenaan untuk memudahkan lagi urusan penyelesaian masalah-masalah dalam penyelenggaraan dan pengurusan bangunan yang dihadapi oleh pemilik hakmilik strata dan perbadanan pengurusan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan mereka yang menerajui perbadanan pengurusan yang tidak ahli atau mahir dalam pengurusan bangunan, mereka sering mempersalahkan oleh pemilik bangunan tentang ketidakcekapan mereka. Jika sedar, apakah langkah kementerian untuk memastikan mereka yang berkeelayakan dan mahir sahaja boleh menerajui perbadanan tersebut?

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk menggubal undang-undang baru iaitu Akta Bangunan dan Harta Bersama untuk mengendali pelbagai masalah penyelenggaraan dan pengurusan. Seorang pesuruh bangunan yang dilantik di bawah akta ini bertanggungjawab untuk mengawal selia pengurusan bangunan dan menyelesaikan masalah-masalah pengurusan bangunan dan yang mungkin timbul. Pesuruhjaya Bangunan akan menyelia bangunan-bangunan bertingkat sama ada belum lagi dikeluarkan hakmilik strata atau telah pun dikeluarkan hakmilik strata.

Di samping itu, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi juga bercadang untuk memperkenalkan suatu mekanisme iaitu Lembaga Hakmilik Strata yang bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang serius antara pemilik hakmilik strata dan perbadanan pengurusan. Penubuhan Lembaga Hakmilik Strata ini akan dibuat melalui pindaan kepada Akta Hakmilik Strata.

Dato' Yap Piau Hon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pernah disebutkan pada sebelum pilihan raya beberapa kali telah dikatakan untuk mengadakan akta baru untuk mengatasi masalah management corporation di mana telah berlaku persengketaan

antara pemilik dan pemaju. Tetapi apa yang ini akan datang, waktu ini beberapa tahun yang lalu hingga sekarang masih belum ada satu cara daripada kementerian untuk mengatasi masalah antara pihak pemilik strata title dan pemaju kerana tidak ada satu formula selama itu untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi mereka kerana ada tuduh-menuduh antara satu sama lain di mana pembersihan tidak dapat dilakukan dan pemaju katakan tidak ada kutipan bayaran. Oleh kerana itu, apa garis panduan pada waktu ini akan dilaksanakan oleh kementerian untuk mengatasi masalah buat waktu ini dahulu?

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah beri jawapan. Kita akui ada masalah-masalah tentang perkara ini. Di antara masalah-masalah penyelenggaraan bangunan iaitu saya tidak mahu beri butir-butir yang spesifik. Bagi kegagalan pemilik tidak menyelesaikan bayaran penyelenggaraan. Kedua, penyelenggaraan akaun khas atau minta izin, sinking fund. Ketiga, penyelenggaraan atau minta izin, imposition bayaran penyelenggaraan yang tinggi.

Sekarang juga ada beberapa tindakan boleh diambil oleh tuan punyanya. Tetapi tadi saya sudah jawab kedua-dua kementerian, iaitu kita dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh buat cadangan. Kita akan bercadang akta baru ini menyediakan tidak lama lagi. Terima kasih.

4. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana beliau ketika menjadi Penasihat Ekonomi kepada kerajaan dapat memisahkan tanggungjawab penting sebagai penasihat ekonomi dengan urusannya dalam dunia perniagaan umpamanya dalam pembelian Hock Hua Bank yang kini dikenali sebagai International Bank oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara yang meliputi Utara Semenanjung Malaysia, Selatan Thailand dan Sumatera Utara pada bulan September 1992. Kemudiannya, tugas beliau diperluaskan kepada Pengerusi Bersama Lembaga Pembangunan Langkawi, mPengerusi Lembaga Pembangunan Labuan dan Pembangunan Segi Tiga Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina. Jelas sekali tugas-tugas beliau tidak termasuk menasihati kerajaan berkenaan bank-bank atau hal kewangan. Selain daripada

melibatkan diri dalam urusan yang berkaitan dengan pembangunan Segi Tiga Langkawi dan Labuan perjanjian pelantikan beliau dengan kerajaan tidak menghalang beliau untuk terlibat dalam urusan perniagaan yang lain.

Dalam hal pembelian Hock Hua Bank keputusan berkenaan dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara berdasarkan peruntukan akta dan peraturan berkaitan. Pembelian itu diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu. Yang Berhormat Menteri Kewangan kini tidak pernah terlibat dalam proses membuat keputusan oleh kerajaan mengenai pembelian tersebut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tentang pembelian Hock Hua Bank, saya hendak bertanya ini adakah kerajaan yang punyai saham Hock Hua Bank ini atau pembelian di antara pihak swasta dengan pihak swasta. Ini saya hendak bertanya kalau – hendak bertanya ini kadang-kadang masyarakat kurang jelas. Ini bukan pembelian satu syarikat kepunyaan kerajaan saya kira tetapi saya minta pengesahan daripada Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pembelian Hock Hua Bank ini adalah di antara pihak swasta dengan pihak swasta.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu mengenai arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini supaya penggabungan di antara bank-bank dibuat termasuk Hock Hua Bank. Adakah ini tidak bercanggah ataupun dalam Akta Ordinan Darurat di mana menyebabkan penyalahgunaan kuasa mengarahkan syarikat-syarikat termasuk yang beliau sendiri mempunyai kepentingan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang dilantik menyertai Jemaah Menteri. Beliau telah melakukan apa yang harus dilakukan di bawah peraturan perlantikan Ahli Jemaah Menteri. Ertinya, beliau tidak mempunyai apa jua kepentingan dalam apa-apa bank sekarang.

5. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah syarat asas pendaftaran dan peraturan menjalankan kegiatan Pusat atau Rumah Jagaan Orang-orang Tua Swasta. Berapakah pusat sedemikian telah mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, semua pusat jagaan orang-orang tua, kanak-kanak dan remaja, orang kurang berupaya atau wanita sama ada ianya swasta atau NGO, adalah diwajibkan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993.

Akta tersebut menggariskan syarat-syarat asas sebelum sesebuah pusat jagaan diberikan perakuan pendaftaran. Syarat-syarat tersebut ialah:

- perlu menyertakan salinan sijil pertubuhan atau perniagaan dan senarai kakitangan berserta sijil-sijil berkaitan;
- perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- perlu menyediakan pelan lantai bangunan pusat jagaan, jadual aktiviti dalam seminggu dan senarai menu mingguan; dan
- perlu menyediakan bayaran memproses sebanyak RM10.

Manakala peraturan-peraturan menjalankan pusat jagaan adalah seperti berikut:

- (a) pengendali mesti memastikan bahawa penjaga yang diambil bekerja adalah terlatih dan berpengalaman dalam aspek memberi jagaan;
- (b) pengendali perlu memastikan semua rekod mengenai penghuni dan penjaga diselenggarakan dengan sempurna;
- (c) pengendali perlu memastikan program dan aktiviti harian yang disusun adalah memenuhi keperluan sosial, emosi, fizikal dan intelektual penghuni; dan
- (d) pengendali perlu memastikan bahawa penghuni diberi jagaan dan pengawasan yang rapi dan mencukup. Sekiranya berlaku kematian seseorang penghuni di pusat jagaan berkediaman pengendali perlulah membuat satu laporan polis memberitahu waris yang terdekat, memindahkan dan mengasingkan mayat

itu dengan segera supaya ia tidak membawa ketidakselesaian kepada penghuni lain. Sekiranya pengendali atau penyelia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa terdapat sesuatu kes penganiayaan fizikal atau seksual seseorang penghuni, maka dia hendaklah melaporkan kepada pihak polis, Pengarah Kebajikan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat terdapat 26 buah Pusat Jagaan Orang-orang Tua swasta yang berdaftar di seluruh Malaysia setakat ini. Keseluruhan pusat jagaan yang berdaftar adalah berjumlah 81 buah. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi itu telah beri jelas kepada masyarakat tetapi saya minta penjelasan lebih lanjut lagi berkaitan dengan sama ada kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Memantau untuk menyiasat kebersihan atau apa-apa aspek di dalam rumah jagaan orang-orang tua swasta ini di mana untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku di pusat-pusat tersebut.

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat dari masa ke semasa melawat rumah-rumah orang-orang warga tua ini supaya menjaga kebersihan, menentukan rumah-rumah ini adalah bersih dan juga mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan itu dan juga bagi NGO-NGO yang mengadakan pusat-pusat seperti ini, kementerian saya juga memberi peruntukan kepada mereka untuk menentukan semua aspek dasar itu dikuat kuasa. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian menetapkan nisbah di antara penjaga dan penghuni, seorang penjaga boleh menjaga berapa orang penghuni?

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tetapkan nisbah tetapi sebelum kita mengeluarkan lesen, menerima sesuatu pendaftaran kita menentukan ada cukup kakitangan untuk ramai penghuni akan berada dalam pusat-pusat kebajikan ini dan juga kita menentukan bahawa semua yang menjaga pusat-pusat ini adalah orang-orang yang terlatih dan yang ada pengalaman. Terima kasih.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) tidak hadir]

7. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada rancangan untuk menghantar para imam bertauliah di negara ini melalui program pertukaran dengan imam negara-negara Islam yang lain bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka, selain usaha membawa masuk imam-imam dari masjid Mekah dan Madinah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji untuk menghantar para imam bertauliah di negara ini melalui program pertukaran imam dengan negara-negara Islam yang lain.

Walau bagaimanapun, kerajaan ada menghantar para imam negara ini berkursus di Universiti Al-Azhar, Mesir selama tiga bulan setiap tahun. Kursus ini adalah anjuran Kerajaan Mesir bertujuan meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan para imam. Kerajaan juga melalui Forum MABIMS iaitu pertemuan tahunan tidak rasmi Menteri-menteri Agama Negeri Brunei Darussalam, Republic Indonesia, Malaysia dan Singapura telah mengadakan lawatan ulama atau imam dan pegawai pentadbiran agama Malaysia ke Republik Indonesia bagi meningkatkan lagi pertukaran pengalaman dan maklumat.

Di samping itu, kerajaan juga membenarkan imam-imam jemputan dari luar negara untuk menjadi imam sembahyang terawih dalam bulan Ramadhan di masjid-masjid di negara ini, setelah mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Imigresen.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu imam memainkan peranan penting di peringkat kampung-kampung untuk menyatukan lagi masyarakat Islam.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Setiausaha Parlimen sama ada bilangan yang dihantar imam-imam untuk mendapat latihan, pengalaman, pengetahuan di luar negara itu akan ditambah sejajar dengan alaf baru yang kita lalui pada hari ini supaya pihak-pihak yang kurang ataupun sengaja menyebarkan perkara-perkara negatif di kampung-kampung dapat kita perkemaskan lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini JAKIM pernah menghantar imam hafiz untuk mengimamkan solat terawih di USA, di Australia dan juga di Mauritius. Imam-imam hafiz yang dihantar terdiri daripada pelajar-pelajar Darul Al-Quran iaitu di bawah tajaan JAKIM.

Sementara itu pegawai-pegawai JAKIM sendiri telah dihantar ke Jepun seramai 12 orang dan di Korea Selatan dari kalangan mereka untuk mengimamkan solat terawih di negara-negara tersebut.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu program yang dibuat untuk imam-imam sebelum pilihan raya baru-baru ini, di mana mereka dibawa ke masjid di Putrajaya dan di sana mereka ditunjukkan dengan video-video lucu mengenai fitnah yang kononnya dilakukan skandal seks Anwar Ibrahim.

Jadi, imam-imam ini ramai yang was-was dengan apa yang berlaku dan ramai bertanya kepada ulama-ulama dan ramai ulama berpendapat bahawa sekiranya benda ini adalah fitnah dan mereka percaya akan fitnah ini, maka mereka sebagai imam akan terbatal sebagai imam. Sekian.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada soalan Saudara Yang Berhormat fitnah ataupun benda ini fitnah sebab saya sendiri dahulu bersama-sama dengan imam-imam daripada kawasan saya. Saya ikut daripada mula sampai habis, tidak adapun ditayangkan video sebagaimana Yang Berhormat nyatakan. Kita [*Tepuk*] diberikan taklimat mengenai pembangunan Putrajaya sebabnya pembangkang yang memutarbelitkan isu Putrajaya ini [*Tepuk*]

Jadi, kita terpaksa bawa imam-imam ini untuk melihat, memberi pandangan dan juga mereka melihat sendiri bagaimana konsep Putrajaya ini dibangunkan sejajar dengan konsep pembangunan bandar Islam yang mana dahulu mula-mula Nabi berhijrah ke Madinah, dia buat masjid dahulu. Ini yang kita buat falsafahnya, kita buat masjid dahulu di Putrajaya dan kemudian benda-benda yang lain.

Jadi, kalau ada Yang Berhormat menyatakan ada pula tayangan gambar video ini, kalau betul ada harap dapat laporan yang betul dan mustahil kalau di masjid kita boleh buat tayangan-tayangan seperti Yang Berhormat nyatakan. Sedangkan kita – untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk meningkatkan lagi peningkatan imam-imam ini program-program sedang dan telah disusun iaitu kita telah mengadakan kursus peningkatan imam-imam seluruh Malaysia modul satu dan dua. Kita juga telah mengadakan muzakarah imam-imam besar masjid negeri seluruh Malaysia. Kita juga telah mengadakan muzakarah imam-imam surau seluruh negeri Selangor

dan Wilayah Persekutuan. Rancangan tahun 2000, Program Khidmat Imam-imam peringkat negeri dan kawasan akan diadakan. Sekian, terima kasih.

8. **Dr. Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah wujud satu pengkalan data pemilikan rumah bagi setiap negeri untuk tujuan pemantauan, perancangan dan rujukan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa pengagihan rumah kos rendah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, data pemilikan rumah ada disimpan oleh tiap-tiap negeri untuk kegunaan mereka sama ada untuk memantau, merancang atau rujukan. Kerajaan Persekutuan khususnya Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian saya ada menyediakan garis panduan bagi Sistem Pendaftaran Terbuka untuk diguna pakai oleh kerajaan negeri. Sistem ini akan membolehkan pemohon untuk pengagihan rumah dibuat secara lebih teratur. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kementerian saya bercadang untuk membangunkan satu Pengkalan Data Pusat mengenai pemilikan rumah kos rendah. Ini akan membantu kerajaan negeri membuat penyemakan antara negeri terutama untuk memastikan sama ada seseorang pemohon rumah kos rendah sudah pun mempunyai rumah kos rendah di negeri lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang menggalakkan penubuhan satu pengkalan data untuk rumah kos rendah dan saya berharap sekiranya itu pengkalan seumpama ini diadakan kita dapat menguatkuasakan dengan berkesan. Cuma saya nampak "Lain di mulut lain di hati" [*Sorak*] 'angguk bukan geleng' ya dan Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun kita ada pusat-pusat data ini di setiap negeri, masih wujud kekurangan atau penyelewengannya termasuk saya diberitahu dan walaupun senator kata bahawa ini akan diberitahu sahaja tidak ada bukti.

Walau bagaimanapun, masih ada 'wang bawah meja' diperlukan untuk para pembeli rumah mendapat rumah kos rendah. Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara yang masih berlaku dan termasuk pengagihan kuota kepada parti-parti pemerintah. Adakah Yang Berhormat sedar dan hendak berikhtiar menjalani dan untuk menyudahi, untuk menyelesaikan masalah itu kuota dan penyelewengan kuota misalnya, Tuan Yang di-Pertua, memang Tuan Yang di-Pertua, pun pernah dengar.

Dia ada kuota, bila dia bina rumah kos rendah ini, kuota kepada UMNO sekian-sekian banyak, kuota kepada MCA sekian-sekian banyak. Kuota kepada MIC sekian-sekian banyak dan juga kuota kepada Gerakan dan sebagainya. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila, sila kemukakan pertanyaan. Ya, sila-sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa masalah sekarang, kita hendak bersama-sama menyelesaikan masalah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat itu *[Disampuk]*.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dah soalan dah tu, belakang tu ya, ya. Cukuplah, cukuplah. *[Disampuk]* Ya, Yang Berhormat Menteri sila jawab ya.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong dah kata 'Lain di mulut lain di hati'. Itu selalu dia punya sangkaan yang tidak betul *[Disampuk]* sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional selalu ada perancangan yang baik dengan niat yang baik tetapi dilayan dengan sangkaan yang tidak baik. Itu masalah pembangkang. *[Disampuk]*

Jadi, mengenai kuota parti pemerintah ini sebenarnya apa yang berlaku pada peringkat bawahan yang benar-benar sehari-harian ialah parti Barisan Nasional selalunya beri perkhidmatan dan didatangi dengan begitu ramai orang miskin dan orang miskin ini kurang mampu hendak beli rumah yang kos tinggi. Mereka bantu kita punya wakil rakyat, wakil rakyat kita rekomen kepada kerajaan negeri. Kalau kata pembangkang dia tidak ada membantu dia punya penyokong yang dikatakan miskin, itu satu perkara yang tidak tepat.

Baru-baru ini apa yang berlaku di Terengganu yang sudah diagih kepada pembeli yang layak kos rendah pun mereka tarik balik *[Disampuk]* dan naik pula harga. *[Tepuk]* Harga daripada apa yang ditetapkan naik pada RM28,000 tarik balik itu apa dia, apakah niat itu? Saya rasa janganlah kita ada

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]* Keluar soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting:saya belum

Beberapa Orang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu bukan peraturannya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Ong Ka Ting: Jadi, saya ingin sekali lagi menegaskan Kerajaan Barisan Nasional selalunya pegang kepada prinsip keadilan dan ingin membantu orang yang kurang berada *[Tepuk]* dan pada akhirnya kita hendak semua orang yang miskin, yang kurang berkemampuan dapat rumah kos rendah. Itu kita punya usaha jadi bantulah kita sama-sama jayakan.

Tuan Mah Siew Keong: Adakah kementerian bercadang bahawa data-data semua skim perumahan baru seperti bilangan, unit, harga yang diluluskan dan juga lokasi disenaraikan di dalam satu web page kementerian dan supaya pemaju dan pembeli rumah dapat mengguna pengetahuan ini kerana dengan maklumat ini pembeli-pembeli rumah dapat buat bandingan dan ini juga akan mengurangkan masalah over building, dengan izin, dalam kalangan pemaju. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini satu pandangan yang baik. Sebenarnya, dalam dua bulan yang lebih ini merupakan satu perkara yang saya ambil perhatian berat di mana kita tidak hendak mist-max dengan izin, di mana tempat yang tidak sepatutnya ada banyak rumah telah terdiri dengan banyak rumah semua jenis di mana perlu sangat tetapi tidak ada.

Ini memang satu perkara kementerian saya masih cuba mengatasi sama ada dari segi mengagihkan maklumat dengan baik dan website itu memang merupakan salah satu usaha yang kita hendak jadi tetapi dia ambil sedikit sebab hendak membina website dan mendapat maklumat daripada semua kerajaan itu ambil sedikit masa. Saya memang setuju prinsip itu.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dato' Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

10. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pihaknya ada cadangan bagi mewujudkan jawatan Kaunselor di Wilayah Persekutuan sebagai menggantikan konsep ADUN sebagaimana terdapat di setiap negeri selari dengan pertambahan penduduk yang semakin meningkat di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada rancangan atau cadangan untuk mewujudkan jawatan kaunselor seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat. Ini disebabkan pada masa ini urusan berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur diletakkan di bawah pentadbiran Datuk Bandar dengan dibantu Oleh Ahli-ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan tahun 1960 didapati sesuai dan berkesan sekali.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Wilayah Persekutuan Labuan, pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan ada membuat perlantikan jawatan kaunselor iaitu ahli-ahli majlis selaras dengan peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah 1961.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat, soalan asal saya bercadang untuk menolong ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan untuk membuat kerja, ini disebabkan pengundi-pengundi telah bertambah dan ahli-ahli Parlimen di luar kawasan Wilayah Persekutuan iaitu di negeri ada Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN untuk menolong mereka secara rasmi untuk menyelesaikan masalah rakyat. Sebagai contoh Wangsa Maju sekarang ini kita ada 92,000 pengundi yang telah didaftarkan, ini tidak termasuk 200,000 penduduk di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap panduan kasar bagi jumlah pengundi untuk mewujudkan setiap kawasan Parlimen tidak kira di Wilayah Persekutuan atau di negeri, sekurang-kurangnya 50,000 pengundi sahaja. Soalan saya, bolehkah pihak kerajaan melantik satu atau dua pembantu kepada Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan dengan secara rasmi bagi meringankan beban dalam tugas-tugas harian atau cadangan saya untuk pengundi-pengundi dalam sesuatu kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan pada sekurang-kurangnya 40,000 pengundi sahaja. Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju ini ialah untuk menggubal

dasar kerajaan yang sedia ada iaitu mungkin meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, itu adalah soal yang paling besar sekali. Pada ketika ini kita mendapati bahawa pentadbiran di KL ataupun Wilayah Persekutuan, pentadbirannya licin dan memadai. Tetapi walau bagaimanapun, sekiranya ada cadangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Wilayah Persekutuan ini yang difikirkan boleh melicinkan lagi pentadbiran DBKL ataupun Wilayah Persekutuan di samping membantu tugas-tugas Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu wakil rakyat Parlimen, kerajaan akan sentiasa berfikiran terbuka dan menimbang cadangan-cadangan yang baik untuk memanfaatkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi saya, permohonan itu ialah semata-mata untuk membantu meringankan tanggungjawab besar Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan sebab yang disebut tadi ialah oleh kerana penduduk bertambah dan soalan asal itu ialah kalau boleh konsep ADUN di negeri-negeri ini diaplikasikan juga di Wilayah Persekutuan dan ini soal berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, ADUN di negeri-negeri ialah kita memilih ADUN lepas itu ADUN ini pula akan menjadi sebagai pentadbiran negeri itu dan kalau kita buat seperti konsep begitu maka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini, kita juga mesti mempunyai Parlimen, itu soalan asal.

Tetapi seperti yang saya katakan tadi kalau itu boleh meringankan beban kerajaan akan menimbangkan, tetapi di Wilayah Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan bahawa ada semua rata-rata kawasan walaupun penduduknya ramai tetapi segala infrastruktur ada, bangunan pesat, litaran jalan raya, sistem baik, air ada, cuma sekali sekala kesesakan jalan raya, itu pun akibat daripada pembangunan. Lepas itu banjir kilat, itu pun akibat daripada pembangunan dan semua ini akibat daripada pembangunan. Yang bermasalah ini ialah kawasan-kawasan luar bandar, itulah makanya rakyat di dalam bandar ini oleh kerana pembangunan sudah ada, rakyat sebilangan kecil bukan banyak, memilih pembangkang umpamanya Kepong, Seputeh, Bukit Bintang dan satu lagi di Cheras. Kalau di Bukit Bintang itu, saya nampak tidak ada masalah sekali, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang harus berbangga oleh kerana sekarang 'Bintang Walk' adalah satu

pembangunan yang begitu canggih dan boleh diumpamakan seperti apa yang ada di Singapura. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi Bandaraya DBKL di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, oleh kerana akta ini telah diwujudkan begitu lama dan Kuala Lumpur telah begitu pesat dan makmur dan akan dijadikan commercial center of international, maka adakah pihak kerajaan akan meminda akta ini untuk diselaraskan dengan pembangunan yang begitu pesat yang akan diadakan selepas pemindahan kementerian-kementerian ke Putrajaya pada masa yang akan datang.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cadangan dari kerajaan untuk meminda akta Ibu, Ibu Kota 1960. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita dapati bahawa pentadbiran DBKL Wilayah Persekutuan adalah efisien, kita nampak berkesan oleh sebab dengan akta inilah sekarang KL berkembang maju, sememangnya bumi mana yang tidak ditimpa hujan, lautan mana yang tidak bergelora, tetapi kalau Yang Berhormat mempunyai cadangan terperinci, klausa mana yang harus dipinda, kerana yang selalu disentuh di sini saya perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, ditanya beberapa kali, adakah lembaga penasihat ini dipinda, sebut sebenarnya ahli-ahli kaunselor kalau di majlis perbandaran dan ahli-ahli lembaga penasihat kalau dalam kes DBKL adalah sama, fungsinya adalah sama, cuma ahli-ahli lembaga penasihat DBKL ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, manakala ahli-ahli kaunselor di negeri-negeri ataupun di majlis perbandaran dilantik oleh negeri masing-masing dan fungsinya adalah sama, mereka ini juga dilantik sebagai ahli penasihat-penasihat jawatankuasa yang tertentu. Tidak ada beza, jadi kalau ada Yang Berhormat merasai bahawa ada klausa-klausa tertentu dalam akta Ibu yang perlu dipinda untuk melicinkan lagi pentadbiran DBKL, kemukakan kepada kerajaan dan kerajaan akan memberi pertimbangan, kalau boleh setelah saya meneliti cadangan itu, saya akan bawa kepada Kabinet untuk dibuat perubahan. Terima kasih.

11. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) berapakah kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan dan swasta bagi menghadapi Y2K; dan

- (b) berapakah kes Y2K yang berlaku dan berapa kos kerugian yang dialami.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Arau, jumlah peruntukan kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk menangani masalah Y2K di sektor kerajaan adalah sebanyak RM850 juta. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Disember 1999, hanya sebanyak RM224 juta telah dibelanjakan. Bagi sektor swasta dianggarkan sejumlah RM1,000 juta telah dibelanjakan untuk menangani isu Y2K.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Arau juga, secara keseluruhannya Malaysia telah berjaya melangkah ke tahun 2000 tanpa ancaman gangguan Y2K. gangguan yang dilaporkan berlaku adalah gangguan-gangguan kecil khususnya di sektor kesihatan yang hanya melibatkan perbezaan tarikh manakala peralatan secara keseluruhan masih berfungsi dengan baik. Oleh kerana gangguan-gangguan kecil itu tidak mengganggu fungsi peralatan yang berkenaan secara langsung, tiada apa-apa kerugian yang dialami.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong tahu atau tidak Y2K? Pakai komputer pun tidak erti! *[Ketawa]*

Y2K – syabas kepada kerajaan yang meneliti tentang isu ini dan perbelanjaan yang besar tetapi saya hendak bertanya juga, ada sedikit tanggapan di kalangan industri IT bahawa sebenarnya Y2K ini diperbesar-besarkan oleh Barat dan kalau kita lihat bahawa sekarang ini sudah tidak ada dengar cerita Y2K ini, dia buat isu lain pula kerana mereka hendak menjualkan perkhidmatan mereka dalam bidang ini, yang sebenarnya Y2K tidak ada apa-apa, dia kata tidak ada apa-apa hanya diperbesar oleh Barat sahaja supaya menjualkan perkhidmatan mereka kepada kita, saya hendak bertanya apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengikut pandangan saya anggapan bahawa masalah Y2K ini diperbesar-besarkan atau ditokok tambah sehingga mengakibatkan lebih banyak wang dibelanjakan oleh sektor swasta

atau sektor awam, mengikut pendapat saya ini memang tidak benar sama sekali kerana apa yang dikenal pasti sebagai tindakan pemulihan adalah berdasarkan penilaian mengikut piawaian antarabangsa yang tertentu dan kerja-kerja varifikasi ke atas sektor-sektor yang kritikal yang dikenal pasti perlu dijalankan untuk memastikan bahawa tindakan diambil dan hasilnya mengikut apa yang dipatuhi dijalankan. Sekian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berterima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya sendiri pun pada awalnya memang memikirkan sebagaimana yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rompin seolah-olah Y2K ini adalah isu yang dibesar-besarkan oleh sesetengah pihak. Dan saya merasakan ia seolah-olah sebagai satu isu gimmick business untuk mendapat keuntungan tetapi Yang Berhormat tadi telah pun menjelaskan dan juga menyatakan pandangan dari pihak kementerian. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, selain dari kita memantau dalam negara kita, bagaimanakah kesan Y2K di negara-negara lain, adakah mana-mana negara yang menghadapi masalah yang besar mengenai kesan daripada Y2K sebagaimana yang digembar-gemburkan sebelum ini, ada mana-mana negara yang menghadapi masalah, kalau kita naik kapal terbang waktu 31 Disember yang lalu hingga ke 1 haribulan, kita merasa bimbang, ada atau tidak berlaku di negara-negara lain kesan yang serius mengenai Y2K? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar mungkin tidak terjadi, tetapi kalau kita menganggapkan apakah masalah jika tiada persiapan dibuat berkenaan dengan masalah Y2K, berkenaan dengan keinsafan tentang masalah Y2K dan jika tiada persediaan yang dijalankan seperti pemeriksaan alat-alat komputer ataupun perisian atau software berkenaan dengan di sektor perbankan atau financial institution, mungkin ramai orang kluatir dan mungkin tiada orang berani naik kapal terbang ke mana-mana. Sekian, terima kasih.

12. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa Jabatan Penjara membenarkan hanya tiga orang peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim menemui beliau semasa berada dalam Penjara Sungai Buloh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu, adalah tidak benar sama sekali bahawa Jabatan Penjara Malaysia hanya membenarkan tiga orang sahaja peguam menemui Datuk Seri Anwar Ibrahim di penjara Sungai Buloh. Berdasarkan kepada rekod semenjak ditahan dan menjalani hukuman penjara tersebut mulai 14 Oktober 1998 sehingga 12 Februari 2000 ini seramai 23 orang peguam telah dibenarkan menemui Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan kekerapan sebanyak 348 kali perjumpaan. Jumlah peguam dan juga kekerapan tersebut tidak mengambil kira perjumpaan yang berlaku di mahkamah.

Adalah dimaklumkan juga bahawa kemudahan lawatan oleh peguam untuk Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga lain-lain banduan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Peraturan Penjara 1953. Terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan, cuma saya ingin tahu mengikut bilangan yang telah diberikan sebanyak 348 kali dalam tempoh yang telah dinyatakan tadi, daripada 14 Oktober 1998 hingga 12 Februari 2000, kita dapati masa yang diberikan kepada peguam-peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim ini banyak waktunya di mahkamah, tetapi masa terlalu terhad diberikan kepada peguam-peguam semasa melawat beliau semasa berada di penjara Sungai Buloh. Jadi, sedangkan kalau kita lihat beliau lebih memerlukan masa di dalam keadaan ketenangan dan sebagainya waktu berada di penjara Sungai Buloh untuk berbincang sesuatu dengan peguam-peguam yang terlibat. Saya minta penjelasan mengenai perkara ini.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, peluang untuk peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim berjumpa antara mahkamah dan juga di penjara adalah dalam situasi yang berlainan kerana di penjara kita berpandukan kepada ketetapan yang telah ditetapkan oleh Peraturan Penjara 1953. Terima kasih.

13. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan akan mengkaji untuk melantik bekas ahli politik seperti wakil rakyat untuk memegang jawatan Yang di-Pertua, Majlis Daerah Tempatan kerana jawatan Yang di-Pertua yang dipegang oleh Pegawai Daerah

Tempatan mempunyai tugas harian yang sibuk dan dikehendaki mempengerusikan banyak mesyuarat jawatankuasa.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan pada 15 Mac tahun ini berhubung dengan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Ong Ka Ting: Terima kasih. Jawatan Datuk Bandar bagi sesebuah bandar raya dan jawatan yang di-pertua majlis-majlis perbandaran dan daerah adalah merupakan jawatan terbuka, ianya boleh diisi oleh pegawai-pegawai kerajaan ataupun ahli-ahli politik. Walau bagaimanapun, terdapat dasar di mana yang di-pertua majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah yang jumlah hasilnya adalah lebih daripada RM10 juta setahun, pengisian jawatan yang di-pertua adalah perlu diisi secara sepenuh masa. Manakala bagi lain-lain pihak berkuasa tempatan yang di bawah hasil RM10 juta setahun itu, yang di-pertuanya hendaklah diisi secara tidak sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan yang di-pertua majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah adalah ditentukan oleh kerajaan negeri selaras dengan peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Datuk Goh Siow Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, oleh kerana ahli-ahli politik boleh dilantik selaku yang di-pertua, saya cadangkan supaya kerajaan memilih satu atau dua majlis daerah atau majlis perbandaran melantik wakil rakyat selaku yang di-pertua supaya kita dapat melihat prestasi daripada mana satu pihak yang lebih berkesan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan itu terpulang kepada kerajaan negeri seperti mana yang saya telah sebutkan tadi. Tetapi satu perkara yang harus kita ingat, kalau wakil rakyat jadi yang di-pertua, wakil rakyat itu pun orang yang sibuk, kalau wakil rakyat yang bertanggungjawab, ia ada banyak kerja-kerja perkhidmatan, jadi kalau dia sudah jalankan tugas sebagai yang di-pertua, mungkin ada juga masalahnya. Walau bagaimanapun, kita serah kepada kerajaan negeri.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sistem perlantikan ini sebenarnya ia dilakukan selepas akta kerajaan tempatan dipinda dan sampai hari ini telah menunjukkan bahawa sistem perlantikan ini sebenarnya kurang berkesan kerana

terdapat banyak masalah yang berhubung dengan perkhidmatan yang kurang memuaskan di kerajaan tempatan dan banyak pihak telah menyeru supaya pilihan raya kerajaan tempatan dipulangkan. Kerana kalau sistem sekarang merupakan satu sistem demokrasi yang 'tercacat' kerana tidak ada pilihan raya kerajaan tempatan.

Pihak Gerakan pun ada mengatakan bahawa perlunya mengadakan pilihan raya dan juga ADUN dari pihak MCA juga telah menegur bahawa sistem ini tidak bekesan. Maka selalunya kita dengar banyak pihak yang mengatakan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Soalan?

Puan Chong Eng: Ya, akan sampai. Banyak pihak yang menyeru supaya kerajaan meminda balik akta kerajaan tempatan supaya pilihan raya tempatan boleh dijalankan, adakah kerajaan berhasrat membuat demikian untuk memuaskan permintaan pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafi bahawa terdapat kelemahan kadangkala di tempat-tempat yang tertentu terutamanya dari segi pentadbiran pihak berkuasa tempatan, akan tetapi adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan untuk membaiki dan membetulkannya. Mengenai sistem demokrasi yang 'tercacat', Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sendiri telah katakan ADUN Gerakan dan ADUN MCA mereka juga berhak bersuara untuk bercakap sesuatu yang mungkin tidak semestinya disetujui oleh pihak pimpinan, itulah merupakan kita ada demokrasi di dalam Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Akan tetapi apa yang penting ialah selepas sesuatu pandangan itu disuarakan, pucuk pimpinan akan menimbangkan baik buruknya kemudian kita laksanakan suatu sistem yang dikatakan baik dan sesuai. Dalam pada itu sistem perlantikan ini masih dianggap sebagai satu sistem yang sesuai dan praktikal, kerana bukan semestinya seseorang yang popular itu yang pandai memancing undi itu boleh jadi yang di-pertua yang baik, dia boleh setiap hari pergi menyanyi, berpidato bercakap baik-baik manis-manis kemudian dipilih. Apabila serah satu pihak majlis daerah atau perbandaran bagi orang itu, mungkin dia langsung tidak tahu macam mana mentadbirkannya.

Jadi, segala faktor itu kita kena timbangkan dan pemilihan Kerajaan Barisan Nasional pada peringkat kebangsaan dan negeri itu telah pun merupakan satu sistem

yang baik daripada pilihan itu pucuk pimpinan yang telah dipilih oleh rakyat itu akan menentukan, siapa yang akan jadi yang di-pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.5, 9 dan 14 hingga 19 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud

Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempadan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan” [9 Mac 2000].

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertanian, sila.

11.08 pagi.

Menteri Pertanian [Datuk Effendi bin Norwawi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa isu Kementerian Pertanian dan lebih lagi saya ingin mengucapkan penghargaan saya kepada mereka yang telah membuat syor supaya kementerian ini diberi peruntukan yang lebih serta membuat perlongjakan yang besar di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Ahli Yang Berhormat bagi Padang dan Padang Terap juga Selangau telah membuat cadangan-cadangan berkaitan dengan peruntukan dan berkaitan meningkatkan lagi pengeluaran pertanian, saya dengan sukacitanya memaklumkan kepada mereka yang saya memang bersetuju dengan cadangan-cadangan ini dan kami sedang membuat perancangan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga di mana kita mengharapkan mendapat peruntukan yang lebih tetapi yang lebih penting ialah mendapatkan penglibatan pihak swasta di mana dengan demikian perbelanjaan untuk sektor pertanian akan berlipat ganda.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah, Lumut dan Parit Buntar yang telah menimbulkan isu-isu semasa mengenai pertanian, maka hasrat kerajaan dan strategi Kementerian Pertanian pada masa depan ini khususnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah untuk meningkatkan produktiviti, daya saing sektor ini dan dengan demikian dengan menggunakan teknologi moden dan pengetahuan-pengetahuan yang terkini dan tujuan kami ialah untuk mengurangkan import dan meninggikan eksport di sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian akan mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan import bahan makanan. Program-program yang akan dilaksanakan meliputi satu keluasan kawasan tanaman, pengeluaran, pengurangan kos

import pertanian, peningkatan kecekapan pemasaran, kualiti dan produktiviti dan memberi tumpuan kepada jenis-jenis tanaman tertentu sahaja. Penggalakan penglibatan dan pelaburan sektor swasta, peningkatan kecekapan, pemindahan teknologi, mempergiatkan lagi pembangunan sumber manusia dan pembangunan infrastruktur serta menggalakkan industri hiliran makanan. Usaha-usaha akan juga dibuat untuk merasionalisasikan keutamaan aktiviti institusi-institusi sokongan pertanian dan mendapat sumber-sumber bekalan strategik-strategik 'sourcing'. Orang awam dan institusi-institusi awam juga akan di....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa makanan yang diimport itu sebahagian besar ialah untuk ternakan termasuk soya, kacang soya dan sebagainya dan saya pun seronok juga dengan usaha-usaha termasuk Taman Teknologi yang mewujudkan sistem ataupun mengadakan makanan untuk ternakan dan sebagainya. Setakat mana usaha seperti Taman Teknologi dapat menjayakan mengeluarkan makanan untuk ternakan dan adakah praktikal, adakah ekonomi bagi pihak negara untuk menanam jagung misalnya, ataupun kacang soya untuk menggantikan makanan ternakan yang diimportkan itu – termasuk ikan juga, kalau tidak silap saya yang diimport untuk ternakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana seringkali pihak Kementerian Pertanian mengatakan bahawa pihaknya sudah berikhtiar untuk menggantikan import makanan ternakan tetapi bagi saya sekiranya pihak kementerian tidak keluarkan satu formula ataupun satu rumusan yang boleh dilaksanakan, saya tidak nampak bagaimana pihak negara ini dapat mengurangkan import ternakan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, saya minta Yang Berhormat bagi Kepong bersabar. Insya -Allah, dalam lima tahun ini kita akan dapat menunjukkan langkah-langkah yang sedang dalam rancangan Dasar Pertanian Negara Ketiga ini dilaksanakan. Rancangan mengurangkan makanan feed-meal ataupun bahan-bahan makanan untuk ternakan ialah satu masalah yang besar di negara ini kita mengimport tidak kurang daripada mungkin RM2 bilion jagung. Jadi, beberapa strategi yang sedang dikajikan termasuklah bagaimana untuk menanam jagung lebih berdaya saing di negara kita dengan kos yang rendah dan kalau ini tidak dapat

dilaksanakan, mungkin terpaksa kita mencari jalan menanam jagung di luar negara di mana kosnya lebih rendah dan dibawa ke negara ini. Kita sedang membuat beberapa kajian strategi mengenai hal isu pada masa ini. Jadi, begitu juga dengan soya bean, Yang Berhormat – sama juga, strategi sedang dikaji masa ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat tentang stand kerajaan tentang pengeluaran padi – padi yang akan menghasilkan pengeluaran beras negara kita kerana ini merupakan makanan asasi dan saya melihat bahawa wujud macam pengurangan seolah-olah ada pengurangan kepada tanah-tanah kawasan-kawasan bendang akibat daripada pengambilan-pengambilan tanah yang dibuat oleh pihak berkuasa tanah negeri untuk projek-projek industri dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengeruskan Mesyuarat*]

Dan ini juga walaupun saya akui bahawa Dasar Pertanian Negara yang sempat saya baca sedikit menunjukkan bahawa agenda Kementerian Pertanian untuk mewujudkan pertanian permakanan dalam negara khususnya pertanian permakanan asasi tetapi mungkin Yang Berhormat tidak sedar bahawa sikap kerajaan sendiri juga khususnya Perdana Menteri yang pernah satu ketika dahulu, apabila timbul isu pengambilan tanah kawasan sawah padi di Kerpan, di kawasan Jerlun di negeri Kedah. Bila berlaku pertikaian akibat masalah harga tanah dan sebagainya iaitu kerajaan negeri memberikan harga tanah yang agak rendah berbanding dengan tuntutan yang dibuat oleh para petani. Keluar satu kenyataan Perdana Menteri di dalam akhbar, Perdana Menteri mengatakan bahawa harga yang ditawarkan kerajaan itu sudah pun mencukupi, sudah pun tinggi kalau berbanding dengan pendapatan mereka, hasil pendapatan mereka di sawah padi. Maksudnya membayangkan Perdana Menteri berkata bahawa kalau buat bendang pun pendapatan tidak seperti itu, seolah-olahnya ada satu pemikiran dalam pemikiran Perdana Menteri bahawa tanaman padi ini tidak boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada petani.

Saya bimbang bahawa kalau inilah pemikiran yang ada kepada Perdana Menteri, saya bimbang nanti bahawa Dasar Pertanian Negara itu akan melencong ke lain hanya berasaskan kepada pemikiran Perdana Menteri. Ini saya hendak

mendapatkan kepastian supaya kebimbangan ini dapat dihakis dan keselamatan negara kita pada masa yang akan datang, apatah lagi menjelang WTO ini, satu kebimbangan yang amat besar bahawa apabila nanti kita akan bergantung kepada import beras yang lebih besar iaitu saya difahamkan bahawa Amerika akan menjadi pengeluar beras dalam dunia antara yang terbesar apabila sebahagian besar daripada padang golf di Mississippi sekarang ini sudah bertukar menjadi sawah padi dan kita bimbang bahawa negara kita juga khususnya negeri Kedah yang terkenal sebagai jelapang padi akan beralih kepada bukan jelapang padi dah, Amerika akan menjadi jelapang padi. Minta penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya pandangan-pandangan Yang Berhormat itu memang betul dari segi betapa pentingnya negara ini memberi perhatian yang serius mengenai pembekalan padi di negara kita tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini yang adalah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya semua jelapang padi yang ada pada masa ini, khususnya lahan jelapang padi yang ada dikekalkan, malahan kita akan membuat strategi-strategi baru untuk mempertingkatkan penanaman padi ini dengan beberapa cara. Yang pertama sekali ialah mengeluarkan benih-benih yang lebih bermutu tinggi yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih tinggi dan juga lebih tahan dari segi penyakit dan kami juga sedang mengkaji bagaimana untuk menanam padi ini secara skala komersial dan skala lebih ekonomi, skel lebih besar dan saya mengambil perhatian pandangan Yang Berhormat tadi.

Sebenarnya negara kita pada masa ini ialah dalam keadaan kita mempunyai dasar padi yang menentukan kita harus mempunyai sekurang-kurangnya 65% padi untuk keselamatan negara sara diri. Walaupun demikian pada masa ini negara kita telah mengeluarkan 75% padi untuk keperluan kita sendiri dan kita akan mengkaji supaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini kita tidak mengkompromi diri kita dari segi sekuriti atau keselamatan negara dari segi bekalan padi.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta jalan..

Datuk Effendi bin Norwawi:kerajaan sememangnya sedang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri mengambil kira pandangan Ketua Menteri Sabah yang mengatakan kemiskinan meningkat di Sabah hasil daripada Kerajaan Barisan Nasional dahulu tidak mengambil berat tentang pertanian di Sabah sehingga kemiskinan begitu meningkat di negeri Sabah.

Datuk Effendi bin Norwawi: Satu daripada tumpuan kami dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga ialah melihat di Sabah dan Sarawak apakah komoditi-komoditi, pengeluaran-pengeluaran yang khususnya boleh sesuai dan dipertingkatkan di Sabah dan di Sarawak. Saya tahu misalnya di negeri Sabah dan Sarawak satu daripada sektor penekanan kita dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah dari segi hasil penangkapan ikan di mana pada masa ini 70% daripada hasil sumber ikan di negara kita adalah daripada Sabah dan Sarawak dan kita harus mempertingkatkan usaha-usaha ini. Sama juga, kita akan mengenal pasti komoditi-komoditi di mana Sabah dan Sarawak mempunyai daya saing yang tertentu. Komoditi-komoditi ini akan diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Kita rasa bersyukur kerana kali inilah kali pertama kita mendapat menteri seorang korporat, at least pertanian boleh dalam bentuk business sedikit, dilihat ya. Jadi, saya ingin bertanya, pada satu ketika Yang Berhormat Menteri Pertanian yang dulu pernah mengwarwarkan dan sampai tahap mana untuk mengusahakan ladang padi secara besar-besaran di Guan Dong, China, tidak silap saya. Kemudian menteri berikut telah memberi cadangan supaya menanam padi di atas bumbung. Jadi, saya hendak bertanya setakat mana ilham tanam padi secara besar-besaran secara ladang di Guan Dong di peringkat sekarang pelaksanaannya. Yang pertama.

Yang kedua, saya agak bersetuju dengan rancangan kerajaan supaya kita akan cuba melebarkan penglibatan kerajaan dan juga negara dalam usaha-usaha hendak memajukan sektor pertanian negara bila mana kita melabur di dalam bidang pertanian di negara-negara luar. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Dewan sekalian, kalau tidak silap saya, import terbesar negara adalah tenusu dan kos ini tidak termasuk dalam perkiraan kadar inflasi negara tetapi seluruh rakyat tahu bahawa kenaikan harga susu menaik dengan begitu mendadak

sekali. Jadi, adakah kerajaan bercadang – oleh kerana tadi bercadang untuk di negara-negara lain – bercadang untuk melibatkan diri dalam sektor ternakan dan tenusu, umpamanya di New Zealand di mana itu adalah hak kerajaan, milik kerajaan untuk memastikan kita tidak menghadapi suasana diboikot dan sebagainya dari segi tenusu, makna hasil-hasil susu, susu bayi dan sebagainya. Apakah kerajaan bercadang untuk melebarkan penglibatan kerajaan di New Zealand dan sebagainya dalam sektor ini kerana ini merupakan import yang terbesar dalam sudut pertanian bagi negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cadangan-cadangan inilah yang saya mengalu-alukan kerana pada masa ini kita mencari satu paradigma yang baru, mindset yang baru dalam mengatasi masalah import barangan makanan di negara kita dan satu daripada strategi dan strategi ini adalah saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami sendiri yang kita harus melihat di manakah ada peluang kerajaan Malaysia ataupun melalui pihak swasta kita melabur reverse investment di negara-negara asing di mana pengeluaran barang-barang tersebut lebih murah, lebih kos rendah dan lebih berdaya saing dan dapat dibawa ke negara kita dan saya akan menyusuli cadangan ini sama ada selain daripada soya bean dan jagung tadi kita melihat di negara di New Zealand juga. Kalau ini membawa faedah dan membawa ekonomi yang lebih baik kepada negara kita sudah tentu ini akan dapat disusuli nanti.

Jadi, mengenai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Rompin, bangun.

Datuk Effendi bin Norwawi: Boleh saya habiskan jawapan ini dahulu. Mengenai tanaman di Guan Dong dan atas bumbung ini, ini termasuk dalam satu kajian menyeluruh. Kalau kita dapati yang tanaman ini lebih berekonomi, lebih berdaya saing, lebih viable, kita akan susuli. Kalau tidak, kita akan mencari cara-cara yang lebih viable. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya, Tuan Yang di-Pertua, hendak bawa sikit balik tentang isu industri padi ini, takut sebelah sana (pembangking), takut *Harakah* lain cerita keluar pulak.

Ini tentang masa depan industri padi, saya rasa Perdana Menteri kita tetap merasakan bahawa industri padi ini ada masa depannya tetapi perlu satu pendekatan yang baru sebab apa, kita perlu bela masyarakat Malaysia, orang-orang luar bandar yang dalam bidang pertanian ini, tanam padi atau sawah padi ini. Tetapi saya hendak bertanya adakah masalah yang ada ini kerana lot yang kecil, bermakna kalau usaha kita digabung supaya diusahakan secara yang besar, kemungkinan yang mempunyai lot-lot itu masih lagi mendapat pendapatan yang lebih tinggi kerana dari segi konsep kerana saiz itu memberikan satu kos yang lebih rendah. Kalau kata hendak pakai mesin itu sekali dibaja, sekali dituai, mungkin dengan pendekatan itu dapat ditingkatkan lagi produktivitinya, tetapi saya hendak bertanya juga adakah ini dari segi pandangan atau hasrat kerajaan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, tentang bendang. Di Pahang, isu Pahanglah, sebab sebelah sana pun dia kata target dia hendak ambil alih Pahang. Orang kata kalau dulu Karpal Singh kata '*negara Islam – over dia punya dead body*', ini '*over dead body*' saya jugalah kerana hendak masuk Rompin dan Pahang.

Ini saya hendak balik kepada isu jelapang padi, kalau ada kawasan-kawasan diusahakan oleh kerajaan-kerajaan negeri, tetapi kawasan-kawasan itu tidak dianggap jelapang padi masalah yang dihadapi di kawasan Rompin, Sepayang sebagai contoh, oleh kerana tidak diletak dibawah jelapang padi, mereka ini tidak boleh mendapat subsidi padi. Adakah kerajaan dalam menyusun kembali strategi untuk memastikan industri padi itu penting untuk negara, kita membea rakyat Malaysia juga isu tempat-tempat yang tidak ditauliahkan sebagai jelapang padi ini juga mendapat bantuan.

Satu kes di Sepayang, dan saya sendiri juga telah membawa pemimpin masyarakat di Rompin untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri yang dahulu tetapi ini masih belum diputuskanlah. Dapat Yang Berhormat melihat juga tentang perkara ini. Saya minta sedikit penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini ialah satu daripada perkara yang mendapat penumpuan yang khas dalam isu komoditi padi iaitu bagaimana kita dapat mengubah corak tanaman padi daripada tanaman secara berkecil-kecilan kepada secara lebih komersial dan kalau pada masa ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, arahan kami ialah supaya MADA dan KADA memberi tumpuan yang khusus kepada mengelompokkan, mengumpulkan semua tanah-tanah ini supaya tanah-tanah ini

dapat, daripada masa ini tanah-tanah ini juga sedang mempunyai masalah kerana apabila meninggahnya seseorang petani, tanah itu dibahagi-bahagi, lagi kecil, lagi kecil, jadi sekarang ini usaha KADA dan MADA ialah bagaimana berunding dengan semua petani-petani, pemilik-pemilik tanah supaya bersetuju kita menggabungkan tanah ini dan kita memajukan tanah yang beribu-ribu ekar ini secara estet dan boleh menggunakan cara lebih komersial dengan automation, machanization dan sebagainya. Ini sedang mendapat tumpuan kami dan saya mengharapkan bantuan dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri, kerajaan-kerajaan negeri untuk membantu kami dalam memujuk petani-petani atau pemilik-pemilik tanah untuk bersama-sama dalam usaha ini.

Mengenai subsidi padi kepada kawasan bukan jelapang padi, ini akan saya teliti. Sepatutnya mereka ini diberi pertimbangan yang sama. Patutnya pengusaha-pengusaha padi yang layak dan mengeluarkan padi patutnya diberi pertimbangan yang sama dan saya akan menyusuli hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, beberapa Ahli Yang Berhormat bangun. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima kasihlah di atas kesudian Yang Berhormat Menteri memberi laluan kepada kami terutamanya dapat kita membincangkan soal tanaman padi yang merupakan tanaman utama bagi negara kita. Pandangan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah tepat tetapi saya ingin menyatakan kekecewaan saya di sini di mana hasrat yang telah pun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan estet padi ini sebenarnya telah lama, saya rasa telah pun hampir mencecah, hampir-hampir 10 tahun dan ini saya rasa menolak pandangan yang disebutkan oleh wakil daripada Pokok Sena tadi yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melihat sebagai sektor tanaman padi ini mempunyai masa depan. Namun, yang kita rasa kecewa apabila pandangan Perdana Menteri supaya padi ini dijalankan dalam bentuk estet yang lebih luas tetapi tidak dapat menjadi kenyataan hingga ke hari ini. Saya harap Kementerian Pertanian dapat mengkaji dengan seluas-luasnya dan juga dapat menjadikan hasrat ini sebagai satu kenyataan yang segera.

Pada pandangan saya yang pernah, saya sebenarnya ialah seorang pegawai yang pernah bekerja dengan MADA saya dapati bahawa institusi petani-petani itu sendiri, pertubuhan-pertubuhan peladang tidak dapat menjalankan peranan sepenuhnya untuk mencapai hasrat ini dan mereka tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Saya difahamkan dan saya juga melihat kertas-kertas kerja yang telah dikemukakan kepada kerajaan untuk mendapat peruntukan-peruntukan daripada pihak kerajaan bagi mereka dapat menjalankan usaha tanaman secara lebih luas dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian kepada perkara ini kerana petani-petani yang menanam padi sekarang ini ialah petani-petani yang telah lanjut usia. Dan keseluruhan kawasan tanaman padi itu telah menggunakan mekanisasi.

Kalau mengikut laporan, cuma 165 jam sahaja masa petani turun ke sawah dan ini sebenarnya menimbulkan satu masalah lagi di mana penduduk-penduduk yang ada dalam kawasan rice bowl ini mereka tidak mempunyai pekerjaan dan mereka tidak lagi turun ke sawah. Kita berharap bukan sahaja Kementerian Pertanian tetapi kementerian-kementerian yang lain juga harus memikirkan bagaimana kita dapat menggunakan, dengan izin, utilize tenaga yang ada di situ supaya produktif dan boleh menampung kepada pendapatan petani-petani. Ini saya harap pihak Kementerian Pertanian dapat beri perhatian dan satu lagi saya ingin menyampaikan juga di dalam Dewan yang mulia ini, dari segi dasar kerajaan itu sendiri.

Dasar kerajaan yang memberikan subsidi baja padi dan subsidi harga padi, cuma 8 ekar. Ini menyebabkan – membantutkan usaha-usaha untuk mengadakan perusahaan yang lebih besar kerana dasar kita sendiri memberikan subsidi baja padi terhad kepada 8 ekar sahaja. Jika ada usaha-usaha mana-mana pihak untuk mengusahakan sawah dengan lebih luas maknanya dia contradict dengan dasar yang dibuat sendiri oleh kerajaan. Saya harap kerajaan dapat mengkaji kembali dasar ini.

Dan yang ketiganya, saya ingin menyatakan kebimbangan saya dari segi *quality of production*, dengan izin, pengeluaran tanaman padi kita dan beras yang dihasilkan itu, kita tidak mampu bersaing dengan negara-negara lain walaupun negara Thailand. Yang ini saya bersetuju dengan Pokok Sena apabila WTO nanti, telah pun diamalkan dan proses liberalisasi ini berlaku, saya amat bimbang pengaliran beras daripada negara jiran yang tidak ada kawalan ini akan menjejaskan industri padi di negara kita. Dan amat malangnya dari segi R&D itu sendiri yang sekarang ini

peranannya dijalankan oleh MARDI nampaknya kita tidak mampu untuk mengeluarkan beras yang berkualiti, yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Saya rasa ini perkara yang harus dilihat dengan lebih teliti dan juga saya difahamkan bahawa pihak MARDI tidak dapat peruntukan R&D sebagaimana pada masa-masa yang lalu kerana peruntukan R&D sekarang ini berada dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ini juga saya rasa ada dasar-dasar, dan masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu diteliti dan dikaji oleh pihak kementerian supaya industri tanaman padi di negara kita ini dapat mengeluarkan pengeluaran yang berkualiti dan dalam masa yang sama, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan yang berhormat ini ialah tanaman keselamatan untuk negara. Yang Berhormat kita harus juga sebagai Barisan Nasional kita harus meletakkan kebimbangan kita kerana saya tengok di mana kawasan tanaman padi ini nampaknya pembangkang ini banyak isu yang dia orang boleh ambil kesempatan. Dengan itu sebab saya nampak ramai yang hendak beri pandangan tetapi kita menghargai, setengah-setengah pandangan itu ialah pandangan yang constructive. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh menggulung jawapan saya sendiri [*Ketawa*] pandangan Yang Berhormat tadi memang betul, banyak pandangan-pandangan yang tepat dan sebenarnya adalah selaras dengan rancangan-rancangan di bawah DPN-3 kita. Saya harap dalam masa 5 tahun ini kita harap kita tidak merasa sama kecewalah, rasa bimbang, kecewa, saya ingat insya-Allah kita ada keinginan, sekarang ini kita ada kesungguhan, kita ada rancangan, yang perlu ialah kerjasama dan kerjasama bukan sahaja pihak kementerian tetapi yang perlu juga ialah kerjasama dan sokongan tiap-tiap peringkat pemimpin di negara ini misalnya memujuk petani-petani untuk mengalih, mengubah kepada pertanian secara lebih luas. Ini memerlukan satu penukaran minda yang begitu besar dan memerlukan sokongan semua dan saya harap dari segi ini saya mendapat sokongan yang baik dari semua yang ada di sini. Insya-Allah kalau kita dapat sama-sama kerja mungkin kita akan merasa kurang kecewa atau lebih gembira di masa depan mengenai hal ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh saya minta laluan sedikit Yang Berhormat. Dari segi memujuk petani, saya setuju, inilah masalah yang besar tetapi ini saya bukan hendak tujukan pada Yang Berhormat, saya hendak tujukan

pada rakan-rakan saya ni, rakan-rakan daripada barisan pembangkang kerana sebagaimana saya sebut, saya pernah bekerja di Jabatan MADA. Yang jadi masalah kita ni, kadang-kadang bukanlah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tetapi yang di bawah tu, yang di bawah pembangkang, [*Ketawa*] penyokong-penyokong ni, mereka kadang-kadang menjadikan satu penghalang kepada usaha-usaha kerajaan untuk menjayakan satu program yang baik untuk rakyat. Yang ini yang kita hendak minta kalau boleh biarlah dapat kerjasama daripada semua pihak sebagai kita yang bertanggungjawab sebagai wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, oleh kerana program yang dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk kebaikan rakyat, kalau dapat komitmen ini, saya rasa salah satu daripada punca utama kita gagal itu dapat diatasi. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi:kita ialah untuk menggambarkan dan untuk meyakinkan dengan perubahan ini mereka akan mendapat pendapatan yang lebih lumayan, kerja mereka lebih senang, pasaran lebih baik dan ini – saya ingat cabaran kita ialah kita terpaksa bekerja lebih keras dahulu dari segi meyakinkan mereka. Insya-Allah kalau ada persetujuan dalam isu meyakinkan rakyat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Effendi bin Norwawi: Maaf, sekejap. Saya ingat yang penting ialah kita memikirkan kepentingan rakyat, mereka-mereka yang terlibat dengan penanaman padi kalau kita sama-sama jujur, ikhlas dari segi untuk memberi khidmat kepada penanam-penanam padi dan kita tahu yang penukaran, perubahan ini ialah baik untuk mereka, penting untuk mereka, insya-Allah kalau kita sama-sama setuju kita akan berjaya dalam memujuk mereka dan mengubah – mendapatkan perubahan ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak balik kepada soal keluasan tanah, ekoran dan kenyataan saya tadi tentang kenyataan yang pernah dibuat oleh Perdana Menteri. Apa yang disebut oleh Rompin tadi menyatakan bahawa mungkin kenyataan Perdana Menteri itu dilihat kepada aspek keluasan tanah yang mungkin agak kecil, yang menyebabkan pendapatan yang berkurangan tetapi saya hendak balik kepada pengambilan tanah di Kerpan iaitu pengambilan sawah padi di Kerpan, yang sehingga sekarang masih belum selesai, yang saya harap walaupun itu soal bidang kuasa kerajaan negeri dalam membayar balik tuntutan harga tanah dan sebagainya tetapi sebagai Menteri Pertanian

seharusnya mengambil tindakan kerana itu adalah kepentingan petani yang sehingga sekarang ada yang kena masuk lokap, kena pukul, berkelahi dengan tauke kolam udang, sampai hari ini tidak selesai. Dan kerugian-kerugian mereka tanggung itu masih belum dibayar ganti rugi. Mereka sudah naik mahkamah, turun mahkamah, itu satu.

Satu perkara lagi saya hendak sebut, di waktu pengambilan tersebut, bagi saya tidak timbul masalah keluasan tanah sebab beberapa orang daripada tanah mereka yang diambil itu ialah satu jumlah keluasan tanah yang besar, kadang-kadang sampai 20, 30 relong. Maknanya tidak timbul masalah pendapatan mereka kecil, pendapatan mereka agak rendah kerana keluasan tanah mereka yang sempit ataupun yang kecil. Jadi, ini saya hendak tekankan bahawa saya sangat bimbang bahawa kenyataan Perdana Menteri itu lebih melihat kepada negara kita ini harus dibangun dengan sektor industri perkilangan umpamanya, industri yang lebih berat, tidak kepada industri pertanian, apatah lagi saya sangat bimbang dalam peruntukan belanjawan ini, bagaimana peruntukan kepada MADA sendiri sudah berkurangan berbanding dengan belanjawan pada tahun yang lalu, jadi, saya bimbang bahawa kepentingan para petani khususnya di kawasan MADA kerana kawasan MADA ini menyumbang kepada keperluan beras negara kita hampir 60%, kalau tidak silap ingatan saya daripada rekod yang telah dikenal pasti. Jadi, saya minta penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Biarlah saya jamin di sini yang sektor pertanian ini adalah menjadi satu tumpuan yang penting dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan apabila saya menerima jawatan ini '*brief*' yang diberikan kepada saya oleh Perdana Menteri ialah supaya sektor pertanian ini menjadi satu sektor yang utama menyumbang kepada ekonomi negara dan menyumbang kepada daya saing negara. Jadi, jangan bimbang dari segi keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada sektor pertanian, beliau akan memberi segala peruntukan yang perlu, perhatian yang perlu supaya sektor pertanian dapat dibangunkan semula. Dan, saya menerima jawatan ini atas adanya persefahaman ini dan apa jua hal berkaitan dengan hal kepentingan rakyat....

Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]: [*Bangun*]

Tuan Hassan bin Mohamed [Besut]: [*Bangun*]

Datuk Effendi bin Norwawi: Sebentar. Apa juga hal berkaitan dengan kepentingan rakyat misalnya pengambilan tanah di Kerpan ini, saya akan, saya kalau ada maklumat yang terperinci saya akan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya kita dapat sama-sama dengan kerajaan negeri mengatasi masalah ini. Tetapi saya ingin menjelaskan di sini, apa juga hal kepentingan rakyat dan khususnya berkaitan dengan petani, nelayan dan penternak, ini akan menjadi tumpuan kami supaya kepentingan mereka tidak terjejas. Jadi, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat itu saya akan melihat perkara ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat, ini ada surat daripada petani Kerpan, bertarikh 24 Disember 1999, baru lagilah, saya rasa dalam 3 bulan, kepada Menteri Besar Negeri Kedah, walaupun ini soal kerajaan negeri, tetapi saya hendak sebut di sini bahawa masalah mereka itu sehingga sekarang sudah berapa tahun, sudah berapa kali Hari Raya mereka menanggung, ada wanita yang masuk penjara dan sebagainya, ini masalah yang kita hadapi.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya berjanji kepada Yang Berhormat, saya akan lihat perkara ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya

Datuk Effendi bin Norwawi: Dan saya akan selesaikan secepat yang mungkin.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, saya minta penjelasan, sebab

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya juga minta kerjasama kerajaan negeri, kita sama-sama.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab Negeri Kedah ini sudah 3 orang Menteri Besar sudah, tidak selesai lagi.

Datuk Effendi bin Norwawi: Insya-Allah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sampai dah bertukar tanam padi atas bumbung, pun ada dah. *[Ketawa]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Insya-Allah, *[Ketawa]* kita akan selesaikan, terima kasih.

Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed [Besut]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada 3 Ahli Yang Berhormat lagi.

Datuk Effendi bin Norwawi: Bolehkah saya jawab Yang Berhormat yang tadi mengenai MARDI kerana ini jawapannya, ini soalan yang penting iaitu adalah penting kita menentukan supaya penanaman-penanaman padi ini mendapat benih yang paling terbaik, terkini.

Sebenarnya pada masa ini ada 2, 3 jenis padi yang telah dikeluarkan oleh MARDI yang boleh bersaing dengan beras misalnya beras Bismati, cuma kita terpaksa bekerja lebih keras dari segi promosi dan marketing. Tetapi kita akan meminta peruntukan yang lebih dalam Rancangan Malaysia Kelapan supaya kapasiti MARDI ini dapat dipertingkatkan. Begitu juga dengan kapasiti pihak MADA dan KADA itu tetapi selain dari meningkatkan kapasiti mereka ialah dari segi kejayaan kita berkomunikasi atau berhubung dengan mereka menunjukkan yang perubahan ini adalah baik untuk mereka.

Puan Sukinam Domo: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, mana satu hendak beri laluan. Saya cadangkan Batang Sadonglah sebab banyak kali beliau bangun. *[Ketawa]*

Puan Sukinam Domo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi telah banyak dikatakan tentang beras dan kawasan saya pun ada juga, ucapan terima kasihlah kepada BERNAS kerana telah membuka komersial planting padi. Ini berhubung dengan padi bermutu tinggi, seperti Yang Berhormat sendiri tahu Tanah Tinggi Bario di Sarawak mengeluarkan beras yang bermutu tinggi, beras Bario dan saya difahamkan kalau tidak silap oleh pihak BERNAS pada suatu ketika dahulu bahawa beras ini mempunyai khasiat perubatan tetapi saya tidak tahu di aspek mana khasiat perubatan. Saya ingin hendak tahu walaupun pertanian ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya ingin tahu apakah kerajaan pusat mempunyai rancangan untuk membantu meningkatkan dari segi pengeluaran dan pemasaran kerana seperti Yang Berhormat sendiri tahu, Tanah

Tinggi Bario ini susah dari segi perhubungan komunikasinya, jadi saya ingin mendapat penjelasan, apakah perancangan kementerian untuk membantu Sarawak khususnya petani di Bario dalam aspek ini supaya beras bermutu tinggi ini dapat dipasarkan dan dinikmati oleh semua. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Cara kita ini, kita ada 6% permintaan beras-beras yang niche seperti Bario ini dan dalam lawatan saya dan taklimat saya dengan pihak BERNAS, kita ada membuat satu penemuan di mana kita akan memberi kajian viability beras Bario ini dan saya akan bekerja rapat dengan rakan saya di Kementerian Pertanian di negeri Sarawak supaya kita dapat menyusun satu strategi yang baru dari segi mengatasi masalah transportation dan juga bagaimana kita dapat mempertingkatkan promosi dan advertising mengenai beras ini. Tetapi ini ialah satu daripada kegiatan Bernas pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh sambung.

[Beberapa orang Ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tiga ahli Yang Berhormat bangun lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kepada Datuk Menteri. Saya tertarik dengan konsep baru dan pendekatan baru Kementerian Pertanian iaitu tidak berkronfrantasi dengan para petani. Ini adalah satu perkara yang penting, mereka mesti diambil kira untuk sama-sama terlibat dalam merancang. Dalam konteks ini saya suka memberi pandangan kepada Yang Berhormat. Masalah di Kelantan sekarang ialah petani padi ini pada masa mula-mula kita menang dulu tahun 1990, Kementerian Pertanian telah memberikan baja subsidi dalam guni dacing. Ini saya hendak sebut pun malu. Sampai hari ini tiap-tiap petani yang dapat baja padi menerima baja dalam guni dacing menyebabkan berlaku perpecahan dalam masyarakat sehingga kerajaan negeri terpaksa menampung subsidi sendiri sejumlah lebih daripada RM3 juta setahun. Adakah dengan spirit ini dalam alaf baru ini kita baru habis pilihan raya guni dacing itu ditukar jadi guni biasa dan subsidi baja yang terpaksa ditampung oleh kerajaan negeri diambil sepenuhnya oleh kerajaan pusat. Saya rasa ini adalah satu pemberian yang ditunggu-tunggu oleh rakyat kita sebagai menggambarkan konsep baru petani mesti diberikan keadaan yang selesa untuk mereka membangun.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang d-Pertua, sebenarnya perkara ini telah pun dibangkit dan saya akan menjawab isu ini sebentar lagi tetapi biar saya jawab sekali masa ini iaitu pada masa ini kita sedang mengemaskinikan pendaftaran kumpulan sasar yang layak menerima subsidi di seluruh negara dan kerana pendaftaran yang dahulu ialah 1979 – lama. Jadi saya sedang mengusahakan supaya kita dapat mengemaskinikan pendaftaran ini supaya mengambil maklumat yang mutakhir dan insya-Allah dalam usaha ini kita akan dapat mengatasi masalah-masalah yang lama. Tetapi adalah tujuan kerajaan dan ini arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada saya supaya kita tentukan semua kumpulan sasar menerima subsidi ini secara adil.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya pun sebenarnya berasa begitu gembira dengan kehadiran Yang Berhormat yang dipilih sebagai Menteri Pertanian yang saya yakin Yang Berhormat akan banyak memberikan perkara-perkara baru dari segi pandangan dari segi pendapat. Tetapi ada beberapa perkara Yang Berhormat saya pun dipilih daripada dua jelapang padi di Parit Buntar dan juga di Sungai Burung, Tanjong Karang di sana yang hampir penduduknya, rakyatnya hampir sama 70%, 80% bahkan 90% lebih adalah terdiri daripada petani-petani dan petani-petani padi. Kita ada 296,000 manusia petani padi ini. Bilangan yang sangat besar dan mempunyai implikasi yang besar kepada perkembangan sosiopolitik dan geopolitik negara. Sebab itu macam yang disebutkan oleh orang Arau tadi yang kita bangun hendak bercakap ramai hendak bercakap sebab ini melibatkan orang yang ramai dan ini perlu dibela. Dan kerajaan telah pun membela sebenarnya sudahpun puluhan tahun membela dan Yang Berhormat dengan azam yang baru dengan DPN-3 cuba hendak menggariskan perkara-perkara yang dapat dijalankan untuk membela mereka. Tetapi saya hendak menyebutkan ada dua masalah struktur yang besar yang dihadapi petani ini. Satu Yang Berhormat pun menyebut dan teman-teman kita pun sebut tadi ialah masalah struktur dalaman petani yang tua yang kata Arau tadi yang rata-rata berumur di antara 50 sampai ke 70 tahun. Inilah petani kita. Nombor dua anak-anak yang tidak berminat oleh kerana suasana di Malaysia ini bukan suasana kepertanian, suasana nya ialah industri.

Kita membincangkan akhir-akhir ini k-ekonomi lebih bernafsu daripada membincangkan hal-hal mengenai perkara asas mengenai pertanian. Kita berceritakan hendak bawa Malaysia ini hendak mencapai 2020 dengan hendak mencapai 2020 itu hendak menjadikan negara industri yang kebanyakannya industri pembuatan sebab industri pertanian memang sudah tinggal ke belakang. Jauh tinggal ke belakang oleh kerana masalah-masalah struktural yang dihadapi oleh mereka. Yang kedua tentang tanah tadi. Hanya 4% sahaja Tuan Yang di-Pertua, 4% sahaja tanah yang lebih daripada tiga hektar. 4% sahaja. 96% kebanyakannya kurang daripada tiga hektar dan kebanyakan petani-petani ini purata memiliki tanah 1.06 hektar. Saudara-saudara saya hendak menyebutkan kalau inilah yang berlaku selagi kita tidak buat intensive cultivation selagi itulah rakyat petani akan tinggal dalam keadaan macam mana mereka tinggal sekarang. Bayangkan mereka sedang bermenung sekarang ini. Petani-petani 296,000 yang sedang bermenung memandangkan hasil pertanian mereka, memandangkan tentang produksi pertanian mereka dan begitu saya rasa kerajaan begitu ghairah dan memang begitu ghairah untuk membangunkan petani. Saya rasa di antara agensi-agensi yang paling banyak sekali di Malaysia ini ialah agensi-agensi yang agriculture related dan inilah. Ini pun hendak diselaraskan daripada dulu kita cerita. Saya pun banyak terlibat sebenarnya dengan kajian-kajian pertanian ini termasuk di Sarawak masa Yang Berhormat memegang jawatan DACDC di sana. Ini masalah yang besar ini ialah masalah kepada saya ini masalah struktural tentang dalaman tentang diri petani sendiri dan juga masalah struktural mengenai plot-plot pertanian mereka yang saya rasa perlu pembelaan. Memang dalam laporan 'sword analysis' yang dibuat oleh Kementerian Pertanian yang diserahkan kepada kita memang jelas..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan panjang sangatlah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya pendekkan sikit sahaja. Memang jelas menunjukkan bahawa mereka sedang menghadapi masalah ini. Satu lagi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah tentang realiti yang baru yang ada dalam masyarakat petani sekarang ini. Kemenangan yang dicapai oleh Barisan Alternatif terutamanya di jelapang padi sebagai mana yang Arau menyebutkan saya rasa ini gambaran manifestasi daripada petani ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak sebut sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sampai kepada situ dalam setengah minit sahaja lagi. Pointnya ialah saya hendak membantu petani dan saya berharap Yang Berhormat melihat perkara ini case by case sebab sekarang kita network hendak membantu, channel hendak membantu hampir kosong kepada orang-orang Barisan Alternatif. Saya terdidik salah satu specialization saya ambil Ph.D dalam grass-root planning. Tetapi saya tidak dibenarkan untuk menduduki Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Dan saya tidak dibenarkan bahkan kalau tengok di Tanjong Karang, dewan orang ramai yang besar paling baru ditujukan untuk pertanian..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara tadi boleh bangkit dalam perbahasan akan datang.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okay, Tuan Yang di-Pertua kalau dapat teman saya yang saya kasihi kalau dapat sama-sama merenungkan perkara ini. Sekian terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada saudara Yang Berhormat itu kerana saya ingat hasrat kita ialah sama tujuan kita ialah sama dan perjuangan kita sama. Saya ingin menyarankan di sini bila saya menerima jawatan ini sebagai seorang peniaga saya datang ke sini melihat siapakah customer saya siapakah pelanggan saya. Pelanggan saya inilah satu juta orang mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, peladang, petani dan penternak dan saya ingin memberi jaminan di sini saya akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan pelanggan ini mendapat perkhidmatan yang sebaik-baiknya tetapi saya memerlukan kerjasama dan sokongan semua di sini dan kalau saudara Yang Berhormat ingin membantu saya di kawasan-kawasan Yang Berhormat saya sentiasa menerima dengan besar hati. Kerana arahan saya daripada kerajaan ialah supaya menentukan supaya semua penternak, peladang dan nelayan di negara kita – Masalah kita bukanlah cabaran bukanlah sangat dari segi membawa teknologi baru walaupun ini cabaran yang besar memodenkan sektor ini. Ini mungkin bukan cabaran yang paling besar, ini insya-Allah boleh kita capai tetapi masalah yang paling ketara yang paling besar ialah cabaran sosial transformation paling besar sekali. Jadi ini saya sedar ini jadi

satu cabaran yang tidak dapat dicapai, kita tidak akan dapat berjaya jika tidak bekerjasama. Jadi Yang Berhormat katakan tadi mengenai sosial masalah structure ini ialah sebahagian daripada social transformation yang kita harus capai kalau sektor ini hendak diubah. Jadi mungkin kalau tidak lama saya bagi kalau tidak saya banyak lagi hendak cakap ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih saya seronok dengan Yang Berhormat tidak macam menteri-menteri yang lain. Seseengah itu dia sempit pemikiran dia, pemikiran dia sempit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keluarkan soalan terus. Tidak payah buang masa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik terima kasih. Satu soalan lagi yang saya rasa...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order Tuan Yang di-Pertua, point of order duduk dulu..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Point of order nombor berapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah dulu. Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Atas peraturan..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta dia duduklah dulu saya hendak cakap.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Point of order nombor berapa dia tidak bagitahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order 36(6)

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, habaqlah apa tidak tahu habaq.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta jangan ada sangkaan jahat. Jangan kata menteri-menteri berfikiran sempit. Sat lagi kalau kita kata balun ke sana pula kata fikiran ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut tidak kenalah. Sila duduk.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mintalah jangan ada fikiran sempit dan sebagainya itu sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya pinjam kata-kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu. Terima kasih. Saya perkara lagi. Ada dua perkara saya hendak sebut di sini pertama sekali yang disebut oleh sahabat saya daripada Kubang Kerian tadi yang Yang Berhormat tidak jawab iaitu kerajaan tidak kah berhasrat untuk membuang lambang dacing di guni baja itu ataupun memang itulah standard dacing untuk alaf ini iaitu hanya duduk di guni baja. Kalau itulah standard dacing saya rasa kekal pun tidak mengapa. Maknanya itu taraf kedudukan dacing dan Barisan Nasional itulah. Satu perkara lagi yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat saya lihat bahawa masalah pemberian subsidi padi itu kementerian telah menurunkan pertanggungjawapan itu kepada Bernas dan ini menimbulkan banyak masalah kepada petani-petani dan Bernas menggunakan kedudukan ini untuk macam hendak menekan petani-petani supaya kemudahan pemberian subsidi itu hanya diperolehi apabila petani menjual padi kepada kilang-kilang Bernas. Tetapi bila mereka jual kepada kilang-kilang lain walaupun diberi tetapi kadang-kadang timbul kesulitan umpamanya macam saya tunjukkan contoh bila buku keluasan sawah itu tidak disemak. Bila mereka jual kepada kilang biasa ini ia akan mengambil masa yang lama tetapi bila mereka jual kepada Bernas walaupun buku itu tidak disemak Bernas akan membayar dan ini akan menjadi masalah kepada petani dan saya lihat ini juga lebih banyak menguntungkan Bernas bila wang subsidi itu disalurkan kepada Bernas dan Bernas boleh mendapat keuntungan daripada faedah bank dan saya rasa tidak wajarlah kerajaan untuk memberikan keuntungan kepada Bernas yang dimiliki oleh kroni salah seorang daripada Menteri Besar dalam negara kita.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya telah pun menerima aduan ini. Perkara ini sedang saya telah meminta penjelasan dan saya telah diberi jaminan oleh pihak Bernas. Yang sebenarnya Bernas ini ditubuhkan ialah untuk memperjuangkan kepentingan penanam-penanam padi. Bernas ini banyak dia punya salah sangka. Sebenarnya Bernas memainkan peranan yang penting untuk negara kita khususnya dari segi menentukan kestabilan harga padi, harga beras di negara kita. Dan ada masalah-masalah pentadbiran seperti Yang Berhormat timbulkan tadi. Perkara ini telah saya minta supaya mereka atasi masalah-masalah ini. Kalau ada masalah-masalah yang spesifik tolong beritahu dengan saya dan saya akan beri perhatian. Dan saya ingin menyambung Yang Berhormat Tuan Yang diPertua, kerana banyak lagi saya perlu

sampaikan di sini menjawab soalan-soalan yang lain iaitu dari segi ada saranan supaya kita mengambil contoh-contoh yang baik daripada negara-negara asing, ini menjadi satu daripada strategi kami. Saya telah meminta, mengarahkan semua sektor pertanian, perikanan dan haiwan supaya menutup...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Datuk..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat biar saya habis sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mencelah sikitlah Yang Berhormat Datuk Menteri. Saya rasa lambang dacing di guni baja itu harus dikekalkanlah walaupun ada orang berkata itu standard Barisan Nasional waktu ini tetapi sebenarnya baja yang dihina itulah yang telah berpuluh-puluh tahun mengenyangkan dan memewahkan petani kita. *[Tepuk]* Saya harap kita jangan takbur dan bongkak dengan keadaan yang ada pada kita hari ini. Asal usul kita dan sebagainya jangan kita lupa. Dan saya harap menteri dengan tegas jawab bahawa lambang dacing itu dikekalkan di guni baja. Ini soal maruah Barisan Nasional.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, saya mengambil perhatian pandangan ini. Kerana saya tidak banyak masa lagi, saya ingin menghabiskan jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri, memang saya dengar soalan itu kadangkala Yang Berhormat hendak jawab dalam itu, sekiranya Yang Berhormat berpendapat segala soalan tambahan itu telah dijawab Yang Berhormat boleh tinggalkan begitu sahaja dan jawab mana yang belum disentuh sahaja, baru boleh cepat sedikit. Sila Yang Berhormat.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada saranan supaya kita mengambil contoh dengan negara lebih maju, saya mengambil pandangan cadangan ini kerana ia cadangan yang baik, yang sebenarnya satu daripada kejayaan sesuatu sektor itu dari segi kejayaannya mem'benchmark'kan sektor itu dengan yang paling terbaik di dunia. Ini menjadi satu daripada usaha kami.

Saya juga ingin menyatakan di sini aktiviti-aktiviti prosedur kualiti kami merangkumi perancangan perladangan berkelompok seperti kita bincangkan tadi, penyediaan aliran tunai dan kertas kerja pelaksanaan projek di peringkat perladangan

dan pelaksanaan projek program perkhidmatan pengembangan seperti latihan petani dan sebagainya.

Dalam hal pemasaran, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan hal pemasaran, saya ingin memberi kepastian di sini yang FAMA akan dikaji semula dari segi keberkesanan FAMA dan ini akan kita kemukakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti. Saya juga tertarik dengan cadangan mengendalikan projek-projek pertanian di bawah DPN3 dengan menitikberatkan konsep 'human centered development' dan ini akan mendapat perhatian saya juga seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Kementerian Pertanian dalam melaksanakan DPN3 akan mengambil kira aspek-aspek ekologi yang telah juga dibangkitkan masa perbahasan dahulu.

Berhubung dengan kebimbangan tentang pendidikan pertanian di negara ini apabila Universiti Pertanian Malaysia ditukar nama, saya ingin memberi jaminan di sini yang ini tidak akan menjejaskan kami dari segi mengeluarkan para petani, pengurus-pengurus yang kita perlukan. Sebenarnya pada masa ini Universiti Putra Malaysia sedang membuat satu kursus khusus untuk keperluan sektor pertanian iaitu satu masters program in agriculture mulai bulan Mei ini untuk mengeluarkan pengurus-pengurus ladang pertanian yang professional seperti juga di ladang-ladang kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, berkemana dengan soalan pokok kenaf, sukacita dijelaskan Kenaf merupakan tanaman yang boleh menghasilkan pelbagai produk dan ini sedang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Arau ada berkaitan dengan apa yang dia cakap.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, ada berkaitan, Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya hendak sentuh di sini. Pertamanya mengenai pengembangan. Pegawai Pengembangan adalah merupakan pegawai yang penting untuk menyampaikan teknologi dan juga membawa perubahan ke dalam sosial transformasi sebagaimana yang disebutkan Yang Berhormat tadi. Saya minta supaya Kementerian Pertanian mengkaji semula, apa yang saya dapat tahu bahawa peruntukan bagi Pegawai Pengembangan termasuk juga tuntutan perjalanan mereka pun selepas kita mengalami kegawatan telah pun dipotong dan agensi-agensinya yang

lain mungkin telah diberi balik tetapi pertanian tidak. Sampai sekarang ini –[Y.B Menteri Pertanian: Ketawa] Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian gelak [Ketawa] Sampai sekarang ini saya dapati Pegawai-pegawai Pengembangan kita tidak dapat menjalankan tugas mereka kerana peruntukan ini setelah dipotong semasa kegawatan tidak dikembalikan setelah ekonomi kita baik.

Yang keduanya dari segi mengeluarkan mereka yang berkepakaran dalam bidang pertanian. Sekarang ini Universiti Putra telah pun mengambil alih Universiti Pertanian. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan kolej-kolej pertanian sebagaimana yang pernah dahulu diwujudkan kolej pertanian ditukar kepada Universiti Putra cuma kurikulumnya semasa saya belajar dahulu di Universiti Pertanian, belajar macam-macam tetapi yang hendak diamalkan apabila kita keluar cuma satu dua subjek. Saya merasakan bahawa kita perlu ada kolej pertanian yang mengajar dari segi padi, yang mengajar dari segi tanaman kelapa sawit.

Jadi ini fokus kepada sektor-sektor pertanian melalui kolej-kolej pertanian di dalam kawasan ataupun region, dengan izin, di mana ada usaha-usaha pertanian tersebut dilaksanakan perlu ada. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat, saya mengambil pandangan dan saya percaya sama dengan Yang Berhormat yang, kita punya extension worker diberi kemudahan-kemudahan yang perlu dan saya akan menyemak semula keadaan sekarang ini. Mengenai kolej-kolej pertanian ini saya mengambil perhatian cadangan tersebut.

Jadi mengenai pokok kenaf yang juga telah dibangkitkan di Dewan ini, saya juga ingin menyatakan yang pihak MARDI dan FRIM sedang membuat kajian dan mereka akan, apabila kajian ini selesai nanti dan kita dapat pastikan viability projek ini, kita akan memberi penerangan yang lanjut kepada khususnya kaum wanita.

Mengenai skim penggredan bunga, kami sedang mengadakan perundingan dengan pihak industri bunga pada masa ini.

Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan keperluan mewujudkan insurans. Ini adalah satu perkara yang penting bagi petani-petani kita dan kami sedang membuat perundingan pada masa ini dengan beberapa syarikat insurans mengenai cadangan ini dan pada masa ini kita telah pun ada insurans

mengenai skim perlindungan bagi sektor perladangan dan industri, ternakan komersil tetapi kita cuba memperluaskan kepada penanaman yang lain juga.

Kita telah berbincang mengenai dengan soalan sekuriti maka nan tadi dan mengenai padi dan beras saya tidak akan berpanjang lebar hal ini lagi. Tetapi kita sedang pada masa ini melihat bagaimanakah insentif-insentif dapat disediakan di bawah Akta Galakkan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, Kementerian Pertanian sedang merangka insentif-insentif khas dan bantuan kepada pihak swasta untuk aktiviti penanaman padi berskala besar.

Pengeluaran makanan-makanan utama yang lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan juga.....

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya berdiri apabila disebut tentang soal padi dan beras. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan tentang cadangan kerajaan untuk memperbesarkan lagi peranaan sektor swasta dalam soal pengeluaran padi. Saya ingin minta penjelasan, di kawasan saya banyak petani padi bukit dan saya telah menyebut semasa perbahasan dan saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian apakah cadangan-cadangan pihak kementerian untuk mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani padi bukit.

Apabila kita mendengar bantuan kerajaan subsidi dan sebagainya diberikan kepada petani-petani padi sawah biasanya tidak terfikir tentang petani-petani padi bukit. Apa yang biasa kita dengar ialah petani-petani padi bukit ini adalah orang-orang dipanggil shifting cultivators forest, perosak hutan dan sebagainya. Sebenarnya..., terutama sekali di Sabah sebahagian besar daripada tanah yang ditanam dengan padi bukit itu adalah dipunyai dengan cara hak tanah adat atau native customary land atau native customary right dan mereka sekian lama telah mengeluarkan padi dan saya sendiri tidak pasti berapa banyak hasil pengeluaran. Barangkali pihak kementerian boleh membuat kajian, berapakah pengeluaran padi bukit ini sebenarnya.

Pada pandangan saya sebenarnya petani-petani padi bukit ini, pengeluaran mereka itu telah menjadi satu saving kepada kerajaan sebab ini petani-petani padi bukit ini tidak membeli beras yang diimport. Saya telah diberitahu bahawa di negeri Sabah misalnya mempunyai import yang terbesar dari segi beras tetapi petani-petani padi bukit ini tidak membeli beras yang diimport. Tetapi semua ini tidak termasuk dalam it is not taken into consideration, into the GDP, dengan izin. Soalan saya ialah, apakah kerajaan akan berbuat sesuatu tentang petani-petani padi bukit ini sebab petani padi bukit ini bukan sedikit, beribu-ribu isi keluarga di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin comfort Yang Berhormat, ini dalam rancangan Dasar Pertanian Negara Ketiga, kita memang ada satu khas untuk niche product seperti beras bario juga penanaman padi bukit dan ini adalah sebenarnya digalakkan dalam DPN3 dan saya akan memberi perhatian kepada penanaman padi bukit di Sarawak seperti juga di Sabah, Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan pertanian dan hubungan dengan tanah seperti yang dibangkit oleh beberapa Yang Berhormat bagi Parit Buntar, Kota Belud dan Tanah Merah, sukacita dijelaskan Jabatan Pertanian telah menggalakkan petani melaksanakan projek-projek pertanian secara berkelompok bagi mencapai economic of skill dan bagi memperolehi pengurusan yang lebih berkesan. Sehingga kini 1998 sebanyak 4,169 projek berkelompok telah diwujudkan. Ini melibatkan kawasan fizikal berjumlah 193,528 hektar dan bilangan petani seramai hampir 160,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah-tanah terbiar, ini juga menjadi tumpuan kami dan untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang berusaha mengenal pasti tanah-tanah terbiar di negeri-negeri supaya satu program khas dapat diwujudkan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sentiasa menentukan tanah-tanah sawah serta paya luas dimanfaatkan sepenuhnya dengan menggalakkan petani menggunakan untuk pengeluaran makanan. Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau Taman Agro-Teknologi sesuai diwujudkan di tanah-tanah ini untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di paya luas. Tanaman selain daripada seperti 'sagu', projek aquaculture boleh juga dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Cheras telah membangkitkan isu pampasan kepada penternak-penternak babi, wabak JE dan virus Nipah. Untuk makluman Yang Berhormat seramai 953 penternak babi menuntut bantuan ehsan dari kerajaan di atas pemusnahan ternakan babi dalam usaha untuk mengawal penyakit Nipah. Sehingga 11 Mac 2000, 770 penternak telah dibayar bayaran ehsan, dengan kadar RM50 seekor. Sementara tuntutan 183 orang lagi penternak babi belum dapat diproses kerana belum menandatangani borang indemnity dan ada yang perlu disiasat lebih lanjut.

Mengenai isu tidak adil yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras berkaitan dengan pembayaran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Jerlun bangun, berkaitan dengan itu Yang Berhormat?

Tuan A. Bakar bin Haji Othman: JE tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Datuk Menteri. Berhubung dengan pampasan yang dibayar kepada penternak-penternak babi yang dihindangi penyakit virus Nipah itu tadi, dalam jawapan Timbalan Menteri Pertanian tempoh hari, bila mana saya menimbulkan petani-petani di Kedah, Kelantan dan Terengganu yang lembu dan kerbau mereka dijangkiti penyakit kuku dan mulut, diarahkan supaya ditembak tetapi tidak diberikan pampasan yang sewajarnya. Apakah kerajaan tidak boleh mempertimbangkan bahawa petani-petani yang terlibat itu diberikan pampasan seperti mana JE, penternak-penternak babi yang mereka diarahkan supaya babi mereka ditembak. Apakah tidak boleh pihak kerajaan memberikan pampasan sepertimana yang dilakukan terhadap JE. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat saya akan kembali kepada Yang Berhormat mengenai soalan itu nanti selepas berbincang dengan Timbalan Menteri saya mengenai dengan ini.

Mengenai soalan atau cadangan Yang Berhormat bagi Balik Pulau dan Sipitang yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan perikanan. Jadi sukacita dimaklumkan.....

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh Yang Berhormat habiskan jawapan itu berkenaan dengan pampasan yang tidak adil, bayaran pampasan, saya rasa belum habis ayat itu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingat sudah habis kerana kita telah menjelaskan, kita telah membayar RM50 seperti yang dipersetujui kepada 770 penternak cuma yang 183 lagi penternak babi belum dapat diproses kerana belum menandatangani borang indemnity dan ada yang perlu disiasat lebih lanjut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak penjelasan lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebenarnya apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Cheras, dalam *Hansard* ini ialah bayaran pampasan itu yang telah ditingkatkan kepada RM120 bagi 2,000 ekor babi yang pertama itu, belum satu orang pun dapat bayaran itu walaupun telah lama diumumkan oleh kerajaan. Itu satu permintaan dari Yang Berhormat bagi Cheras supaya ini boleh dikaji.

Yang kedua ialah, sebenarnya walaupun kita dengar dari jawapan Yang Berhormat Menteri itu senang sahaja perkara yang dihadapi oleh para penternak tetapi bukan. Jadi bolehkah, sudikah Yang Berhormat mengadakan satu sesi dialog dengan wakil-wakil para penternak sebelum saya terpaksa membawa mereka ke Sanggang untuk menonjolkan penderitaan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah sampai ke Sanggang, jauh tu. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: Permintaan sahaja.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingat perkara ini telah lama dibincang masa JE. JE itu sudah lepas pada masa ini. Ada satu persetujuan yang mereka dibayar pampasan sebanyak RM50. Jadi, hal RM120 ini kita belum tahu lagi. Saya belum diberi maklumat kalau ada keputusan mengenai ini. Yang saya tahu, keputusan yang telah dipersetujui pihak kerajaan ialah RM50. Walaupun demikian saya akan mencari maklumat selanjutnya berkenaan hal ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan...

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay... saya ...

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada koordinasi, teruk ini macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat...

Datuk Effendi bin Norwawi: Bukannya tak.....

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti jawab ya, petang ya.

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay. Mengenai isu nelayan tadi, pada negara ini kita dapati pada masa ini 45,672 orang nelayan tradisional iaitu kurang lebih 58% dari jumlah keseluruhan bilangan nelayan tempatan di seluruh negara. Saya ingin menjaminkan di sini pihak kerajaan akan terus mempertahankan dan mempertingkatkan lagi kepentingan nelayan-nelayan tradisional. Tetapi ini memerlukan mereka menerima pendekatan yang baru dan memodenkan dalam menjalankan kegiatan mereka.

Berkaitan dengan latihan dalam DPN3

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada..... Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Ini berhubung dengan nelayan tadi. Jadi perkara ini telah banyak kita perbincangkan dan telah kita beri cadangan-cadangan yang perlu untuk kerajaan. Jadi, apakah kementerian ini mempunyai hasrat dan ada kesungguhan dengan sesungguhnya untuk memartabatkan nelayan tradisional ini keluar daripada belunggu “kais pagi makan pagi” ini menjadi nelayan-nelayan yang berjiwa besar, yang ada keinginan untuk maju selaras dengan tuntutan negara kita iaitu negara maju menuju alaf yang baru ini iaitu Wawasan 2020.

Sekiranya kerajaan belum ada perancangan yang terperinci, saya memohon dalam jangka masa lima tahun ini, kebetulan juga Yang Berhormat Menteri dia seorang ahli tokoh korporat yang boleh membuka minda dunia perniagaan. Jadi, rasa saya tidaklah terlalu sukar untuk kita mengeluarkan nelayan-nelayan tradisional ini supaya mereka menjadi nelayan yang benar-benar ada untungnya, bukan lagi menjala ini hari untuk sesuap nasi petangnya. Ini berlaku kepada nelayan-nelayan kita khususnya di luar bandar. Jadi, harapan saya mudah-mudahan kementerian ini dapatlah merealisasikan keinginan dan hasrat kita. Biar nelayan-nelayan tradisional ini ada penghidupan yang lebih seimbang. Kalaupun mereka tidak kaya-raya tetapi memadailah ekonomi mereka terjamin untuk anak-anak mereka. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya sama semangat dengan Yang Berhormat. [Ketawa] Sama semangat. Satu daripada kebanyakan orang tidak tahu, saya daripada

kaum Melanau di Sarawak dan maknanya saya punya keluarga turun-temurun saya ialah orang nelayan. Jadi, kita sama semangat. Insya-Allah, kita dapat ubah dalam masa lima tahun ini kalau kita kerja sama-sama [*Tepuk*]

Saya sambung maklumat mengenai latihan tadi iaitu pada tahun 1999 sahaja, kita ada 317 kursus untuk latihan nelayan – demonstrasi dan sebagainya melibatkan hampir 7500 orang. Kita akan mempertingkatkan lagi usaha ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kita juga berhasrat supaya mewujudkan konsortium di kalangan nelayan-nelayan kecil. Malah ia menjadi tekanan juga menerusi DPN3. Kementerian ini memandang serius, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kegiatan sesetengah nelayan yang memberikan lesen pukat tunda kepada orang lain untuk diusahakan dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Melaka ada.... Hendak biar dia cakap dahulu atau dah nak masuk perkara itu?

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menggelengkan kepala*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perkara lain?

Tuan Kerk Kim Hock: Ini berkenaan walaupun lambat sikit, tidak apa. Berkenaan dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu bahawa Yang Berhormat Menteri tidak sedar terhadap janji yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri 'dari Kewangan' untuk membayar pampasan RM120. [*Disampuk*] Dan ini bukan, bukan. Saya minta sekarang kita tidak hendak pemberita buat berita yang tak patut dan tak betul, kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang buat pengumuman.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *I need accuracy.*

Datuk Effendi bin Norwawi: Please, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak perlu, Yang Berhormat.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya berjanji pada Yang Berhormat kalau ada persetujuan kerajaan RM120 kita akan honour benda ini. Kita akan kaji, cuma ini perlu perbincangan antara kementerian kami dan setahu saya pada masa inilah RM120 tetapi ini masa kementerian saya menjawab, saya ingin habiskan jawab

jawapan saya. Tetapi saya berjaji pada Yang Berhormat kalau ada persetujuan RM120, kita akan honour kan. Setahu saya ini belum lagi dipastikan.

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan main politik sini. Ini yang telah diumumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah Yang Berhormat, janganlah.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, jawapan dia setakat itu, setakat itulah dia mampu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Tuan Kerk Kim Hock: Tipu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduklah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Ya, point of order nombor berapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: 37(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Point of order yang keberapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, minta duduk, minta duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia ada point of order Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Minta duduk, minta duduk. Kota Melaka minta duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, ada point of order Kota Melaka.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, minta duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Kacau saja.

Raja Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Ha, duduk, duduk. Datuk Speaker, point of order 37(1) "*Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap*". Ini cerita dah duk balik lagi buat apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingat saya...

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Raja Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Dengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dahulu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat Kota Melaka. Boleh saya habis Yang Berhormat, Datuk Speaker...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat Kota Melaka. Nanti dulu

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, dia tidak bagi itu. Dia hendak cakap dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Datuk Effendi bin Norwawi: Saudara duduk dulu. Pasal apa

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dululah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker 37(1). 37(1) kalau tidak boleh pakai, 37(2).

Tuan Kerk Kim Hock: : [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak bolehlah jangkit-jangkit macam tu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini semua maruah bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia janjilah.

Tuan Kerk Kim Hock: Orang semua tahu, seluruh dunia tahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, 37(1).
Point of order.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]* *[Pembesar suara dimatikan]*

Raja Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak boleh paksa begitu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak boleh paksa begitu Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kata dia janji dia hendak..... Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduklah. Ini bukan pasar, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini bukan pasar, ini Parlimen

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya pun tahu.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya satu-satu Yang Berhormat.

Raja Dato'Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Moktar bin Radin: Hai, ini Kota Melaka ini tidak ada peraturankah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia janji, dia hendak tengok. Duduklah.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin mengambil perhatian....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Kota Melaka...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan umumlah kemudian. Dia akan beritahu kemudian.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan beritahu kemudian.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya masih....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Mana boleh dia tidak tahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Point of order, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan beritahulah kemudian.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah paksa begitu, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh paksa orang macam itu. Itu hak dialah dia hendak menjawab, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kata, dia hendak kaji, dia kajilah. Dia akan beritahu kemudian.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak tahu, apa ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah beritahu macam tu.

Tuan Kerk Kim Hock:semua orang mati, semua orang menderita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita tahulah. Kita tahu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, yang ke berapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: 37(2).

Tuan Kerk Kim Hock: Saya minta satu sahaja. Bagi jalan kepada.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order. Minta Kota Melaka duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh. Mana boleh paksa saya. Perkara itu tidak boleh.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak boleh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau saya tidak bagi, tidak bagilah

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bagi peluang kepada Yang Berhormat

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker, point of order 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka, duduk Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk. Menteri akan jawab, beritahu nanti.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: 37(1)...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah jawab tadi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:...minta guna. Duduk, duduk! Minta Datuk Speaker gunakanlah 37(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, sila menteri, teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Buang masa.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat kenyataan. Saya ingat pagi ini, saya telah memberi laluan kepada semua yang ingin membawakan usul-usul atau perkara-perkara, isu-isu mengenai Kementerian Pertanian kalau mereka berniat baik dan saya sedia bekerjasama dengan mereka yang

benar-benar ikhlas dari segi membantu tugas-tugas supaya Kerajaan Barisan Nasional berjaya membantu penternak, peladang dan nelayan di negara kita. *[Tepuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Soalan tambahan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berkaitan dengan apa Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya banyak lagi....

Tuan Tan Kok Wai: Kali pertama saya hendak minta jalan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini berkaitan dengan apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berkaitan dengan ini juga Yang Berhormat?

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay.

Tuan Tan Kok Wai: Yang ini memang saya hendak membantu semua pihak dan untuk memastikan keadilan ditegakkan di sini. *[Disampuk]* Berkenaan dengan perkara yang sama. Timbalan Menteri pada dua minggu yang lalu, Timbalan Menteri Pertanian pernah membuat satu keterangan dan juga penetapan di sini bahawa

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini sama subjek. Saya tidak boleh beri laluanlah pasal kita sudah discuss dah ni.

Tuan Tan Kok Wai:perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka adalah benar dan sekarang...

Datuk Effendi bin Norwawi: Ya tetapi kita ni dah

Tuan Tan Kok Wai:menterinya yang mengatakan beliau tidak tahu. Ini percanggahan.

Puan Fong Po Kuan: Tidak *consistent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apalah. Dia akan beritahu kemudian.

Tuan Tan Kok Wai: Timbalannya yang me.....

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini sama saja. Sama suara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ... Menteri kata tidak tahu.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yelah, menteri sekalipun

Tuan Tan Kok Wai: Dewan sekarang dikelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:dia tidak boleh hendak jawab dia boleh terus bagi. Dia kata dia janji, dia akan beritahu kemudian.

Tuan Moktar bin Radin: Ini Cheras sama Kota Melaka, dia punya lagu sama saja. Duduk..... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Mungkin Yang Berhormat Menteri membenarkan timbalannya untuk memberikan.....

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai: penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya akan memberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan begitu Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Timbalan Menteri sedia beri

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Beliau sudi menjawab di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dengar, dia hendak menjawab tu.

Tuan Kerk Kim Hock: Kuala Langat, Kuala Langat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri akan jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Penerangan lanjut. Silakan atau mana-mana Timbalan Menteri Kewangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Macam mana pula Yang Berhormat menjemput dia pula hendak menjawab? *[Ketawa]* Terpulang pada dialah, Menteri ada.

Tuan Tan Kok Wai:sebab, janji ini diberikan pada tahun yang lalu sebelum *[Pembesar suara dimatikan]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak, itu tidak kira Yang Berhormat. Menteri hendak menjawab tu.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri hendak menjawab tu, Yang Berhormat .

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah. Menteri cuba...

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, Datuk Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Effendi bin Norwawi: Mungkin saya boleh...

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak menjawab tu.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Bagilah saya peluang jawab.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak perlulah, dia tak nak beritahu. Jangan paksa dia orang jawab.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini masa jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri tengah menjawab tu, tidak boleh tu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Di mana....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri tengah menjawab tu.

Tuan Kerk Kim Hock:hampir seribu peladang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kita tahu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, Datuk Speaker....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akan jawablah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini cukuplah, dia tengah menjawab.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai : *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah degillah. Tak usah berdegil-degillah Yang Berhormat. Tak usahlah. Ini terpolang kepada menteri hendak menjawab. Menteri hendak menjawab, jawablah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, menteri hendak jawab, jawablah. Ikut dialah. Dia ada hak sama ada dia hendak jawab atau tak jawab.

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay... saudara....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah jawab banyak dah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, saya akan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setakat ini yang kita tahu banyak itu, yang kemudian dia akan beritahu kemudianlah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan berdegil-degillah Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat. Tak usah berdegil-degil.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin membuat... Bolehkah saya membuat satu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, menteri hendak beri penjelasan tu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Bolehkah saya buat satu penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak buat penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay, kita calm down sikit. Kita berteriak-teriak begini, kita tidak boleh buat solve problem. Saya ingat masalah JE ini ialah satu masalah nasional. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat fikirkan kembali, pihak kerajaan telah membuat semua peraturan yang begitu cepat dan cekap, memberi pampasan kepada penternak-penternak yang terlibat. Jadi, perkara ini tidak perlu DAP men *champion* kan.. Ini kerajaan sendiri akan melihat ini. [*Tepuk*] Jangan takut. Hal ini, saya ingin memberi jaminan kepada semua mereka yang terlibat. Ini adalah satu perjuangan Barisan Nasional. Kita sendiri, tidak payah DAP. [*Tepuk*] Kita sendiri akan melihat hal ini.

Kalau penternak-penternak ini mempunyai masalah, kita sentiasa berunding dengan mereka. Saya sendiri akan berunding dengan mereka. Hal RM50 atau RM120, mana yang betul, kita akan jelaskan, kita akan tunaikan kita punya janji. *That is all!* Itu sahajalah. Jadi, boleh saya sambung sekarang. Saya dah beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Effendi bin Norwawi: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau betul dia, dia akan teruskan.

Tuan Tan Kok Wai: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah. Dia kata kalau betul ada, dia akan ...

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi sudah ditetapkan awal-awal lagi sebelum penggal yang baru, tahun yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada.

Tuan Tan Kok Wai: Sekarang Menteri masih kata, jika ada persetujuan. Ini bukan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bergantung pada itu, persetujuan, bukan apa.....

Tuan Tan Kok Wai: Ini bukan ketetapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu persetujuan, seorang kata boleh bayar terus boleh bayar mesti dia melalui Kabinet, apa semua tu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya akan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau macam tu...

Tuan Tan Kok Wai: Jika ada, bila dan macam mana dan sekarang sudah melebihi enam bulan, tidak ada apa-apa duit datang pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingat masa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat cukup, duduk.

Datuk Effendi bin Norwawi: ... masa ada wabak J.E dulu, masa penternak-penternak diberi pampasan, tidak pernah kita tidak dengar daripada DAP punya desakan, kita bayar kerana kita tahu mereka ini memerlukan bantuan, kita beri bantuan, jadi tak payah saudara tekan lagi....tidak payah lagi. Jadi saya tidak beri laluan...

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin melanjutkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak bagi Yang Berhormat, apa pula kata Yang Berhormat ada peluang pula. Kalau Menteri tak bagi, tak bagilah.

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin membawa, saya ingin menyambung
.....

Tuan Tan Kok Wai: Point of order saya relevant.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana point of order, berapa?

Tuan Tan Kok Wai: 36 (6), niat jahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]*

Tuan Tan Kok Wai: ...sebab DAP, mengikut...sila duduk, sila duduk Yang Berhormat Menteri, sila duduk....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ..kalau 36 (6), apa pula sangkaan jahatnya? Tiada apa.

Tuan Tan Kok Wai: ...tuduhan Yang Berhormat Datuk Menteri itu adalah salah, silap dan tidak bertanggungjawab, mempersalahkan DAP, tidak mengambil perhatian. Sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, tidak payahlah hendak huraikan, saya tahulah.

Tuan Tan Kok Wai: Rombongan DAP...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: *[Ketawa]* Kawasan yang dijangkiti ialah

Tuan Tan Kok Wai: Wabak virus nipah itu

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah nak bersyarahlah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ...rombongan DAP merupakan rombongan pertama pergi ke tempat itu, pada waktu itu, Menteri Pertanian atau Menteri Kesihatan atau sesiapa Menteri dari Barisan Nasional tidak berani pergi ke kawasan itu sebab takut dijangkiti wabak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, dah, dah adalah tu, cukup.

Tuan Tan Kok Wai:saya ingin... ini adalah untuk rekod yang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dah masuk rekod, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ... dalam Dewan ini. Ini adalah satu kebenaran, suatu hakikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup. *[Disampuk]*

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, nak perjas?

Dato' Ong Ka Ting: Saya bukan nak masuk campur apa-apa, baru kenyataan dibuat, saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri Pertanian yang baru. Tadi Yang Berhormat Cheras telah buat satu statement, dia kata tidak ada seorang pun Menteri Barisan Nasional berani pergi tempat yang dijangkiti wabak nipah virus. Sama ada Yang Berhormat Menteri Pertanian tahu atau tidak, pada masa itu bukan sahaja Menteri Kesihatan pergi, saya sendiri pun pergi. *[Tepuk]* Saya pergi, saya berada di tempat itu sama-sama...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Ong Ka Ting: ...nantilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dululah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Ong Ka Ting: nantilah, pada masa

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak payahlah, duduk, duduk.

Dato' Ong Ka Ting: Belum, saya belum

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Dato' Ong Ka Ting: Duduk dulu, saya belum siap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kota Melaka, duduklah...

Dato' Ong Ka Ting: ...saya pada masa itu....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat macam tu. Jangan buat macam tu, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Ong Ka Ting : Saya tahu, saya tahu....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Parlimen ni, Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Parlimen Yang Berhormat, duduklah, duduk, duduk.

Dato' Ong Ka Ting: 'Gentleman' lah sikit, bagilah saya cakap dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Dia nak minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada, tak ada, janganlah suruh orang duduk macam tu Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Okay, satu-satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usahlah, Yang Berhormat, duduklah....yalah dia nak minta penjelasan, duduklah, mereka tengah bercakap.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tak serang siapa-siapa.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Ong Ka Ting: Saya tak serang siapa-siapa, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Jangan degil-degil, duduklah.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tidak nak serang siapa-siapa, saya cuba nak put the record straight, why are you scared to let me*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Banyak pampasan buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Tak apa, tak apa, nanti, nanti. Saya belum siap saya punya penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Nanti, saya akan beri, dengarlah dulu. Dengar satu seorang dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: ...sebab ini janji kepada para penternak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, Menteri pun dah jawab macam tu tadi, Yang Berhormat. Tidak usah degil-degillah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: ...berdiri di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usahlah, saya tak nak guna kuasa saya. Yang Berhormat, duduk, duduk

Dato' Ong Ka Ting: Janganlah takut saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ringkaslah Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Saya minta penjelasan bagi Yang Berhormat Menteri yang baru kerana saya merupakan salah seorang dari task force dan saya tahu apa yang sudah berlaku pada masa itu. Memang kerajaan telah buat keputusan, memang betul kerajaan buat keputusan untuk memberi allowance, kita tidak panggil itu pampasan, allowance supaya setiap babi yang ditembak, yang dimusnah secara sah, I mean, itu dari segi penguatkuasaan iaitu dia punya task force, maka semua ladang yang disetujui untuk diberi setiap ladang, setiap penternak sehingga 2000 ekor babi sejumlah 50+70 tapi yang selainnya semua diberi RM50 seekor. *[Disampuk]* Itu berdasarkan kepada rekod yang disemak oleh Kementerian Pertanian dan diurus sama-sama dengan Kementerian Kewangan. Ini memang task force punya keputusan pada mula sampai sekarang, konsisten, tidak pernah ubah sebab saya nampak mereka hendak cuba mengelirukan kita punya menteri yang baru. Sebenarnya menteri yang lalu dalam task force ini memang tahu, jadi penjelasan saya ialah sama ada Yang Berhormat Menteri baru tahu atau tidak niat mereka ialah mengelirukan kita. *[Tepuk]*

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta, kerana kita dah bagi penjelasan, Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri jawab penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*....tahu tidak bayar sampai sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah tu. Itu penjelasan Menteri tadi. Takkan Kota Melaka pula beri penjelasan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Fong Kui Lun: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dulu, nanti dia jawab dulu.

Datuk Effendi bin Norwawi: Bolehkah saya jawab? Jadi saya ingin di sini minta simpati Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini, saya Menteri baru. Kadang-kadang semuanya saya tak tahu. Dalam dua bulan ini mana saya nak tahu semua. Jadi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tadi kerana beliau telah membuat penjelasan dan apa yang telah dipersetujui akan dilaksanakan.

Baik, saya ingin teruskan dalam hal penangkapan ikan. Kementerian ini memandang serius, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan isu mengenai kegiatan setengah nelayan yang memberikan lesen pukut tunda kepada orang lain untuk diusahakan. Ini adalah kerana di bawah syarat perlesenan, mana-mana vesel pukut tunda zon B yang bermuatan 20 hingga 39.9 tan hendaklah diusahakan sendiri oleh pemiliknya dan kita akan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang melanggar syarat-syarat ini.

Untuk membendung kegiatan pencerobohan juga, kementerian ini telah memperkenalkan konsep pengurusan perikanan berasaskan masyarakat iaitu dengan izin, community based fisheries management yang mana melalui konsep ini, nelayan sendiri turut sama membantu memelihara sumber perikanan mereka dari dimusnahkan oleh pihak luar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Rasah, Shah Alam, Penampang dan Sibu telah membangkitkan masalah banjir di seluruh negara khususnya banjir kilat di Lembah Kelang yang mengakibatkan kerugian harta benda dan kesesakan lalu lintas di lebuh raya. Mereka juga ingin tahu apakah langkah-langkah kementerian. Jadi, di sini saya ingin memaklumkan yang memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak akhir-akhir ini hampir seluruh negara khususnya Lembah Kelang sering sahaja dilanda banjir terutama sekali banjir kilat. Banjir kilat

ini disebabkan berbagai faktor. Antaranya faktor alam semula jadi seperti hujan yang lebat, hujan semasa air pasang dan pembangunan pesat yang tidak terkawal.

Banjir kilat pula terjadi disebabkan pembangunan kawasan yang tidak dijalankan secara bersepadu dalam nilai serta sikap penduduk setempat sendiri seperti pembuangan sampah ke dalam sungai dan parit yang boleh dan telah menghalang pengaliran air tersebut. Antara masalah berhubung dengan pembangunan yang telah mengakibatkan banjir ialah kelodak dan endapan yang tinggi dalam sungai yang menyebabkan sungai menjadi cetek, bertambahnya kawasan yang tidak telap air, iaitu impervious areas yang mengakibatkan tambahan kadar aliran air, pembinaan infrastruktur berhampiran sungai yang mengurangkan kapasiti sungai serta kerja pembinaan berhampiran yang mengganggu sistem saliran.

Kerajaan juga menerusi semua agensi persekutuan dan negeri yang terlibat sedang meneliti semua masalah banjir untuk mencari penyelesaian yang lebih menyeluruh dan mampan. Program rancangan tebatan banjir RTB Lembah Kelang yang telah bermula pada 1973 dirancang siap pada tahun 2007 walau bagaimanapun kerajaan akan mempercepatkan program RTB ini untuk disiapkan pada tahun 2005. Program ini meliputi pembaikan Sungai Klang yang 11 anak sungai utamanya merupakan penyelesaian struktur. Antara komponen utama termasuklah peninggian aras empangan gate Klang Gate, pembinaan Empangan Batu, pembinaan kolam takungan banjir Sungai Batu dan melebar serta mendalamkan Sungai Kelang. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kerajaan sedang meneliti penyelesaian yang menyeluruh yang lebih mampan dengan merangkumi kaedah bukan struktur juga.

Ada masalah spesifik yang dibangkitkan oleh ahli kawasan Parlimen Gelang Patah. Antara sebab yang telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Arau berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin : Boleh?

Datuk Effendi bin Norwawi: Mengenai banjir?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, banjir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini adalah Yang Berhormat Menteri yang baik hati tetapi saya rasa kesallah pembangkang diberi peluang oleh Yang Berhormat Menteri bukan sahaja membantu, rupanya

menimbulkan masalah. Saya bukan nak timbulkan perkara itu. Sebenarnya saya bangkitkan soal banjir ini, Yang Berhormat Datuk. Bagi saya, air adalah satu sumber alam yang amat penting dan air merupakan satu keperluan kepada masyarakat keseluruhannya. Bila kita membincangkan soal banjir, dalam masa yang sama saya mintalah dalam kajian yang menyeluruh ini kita juga dapat memikirkan bagaimana sumber air ini dapat diurus dengan baik. Kalau kita pergi ke luar negara, kebanyakan negara-negara yang membangun, mereka telah menghadapi masalah air dan kita pun saya rasa satu hari kita akan menghadapi masalah bekalan air. Bagaimana air yang banyak ini dapat kita uruskan ataupun dapat kita simpan dalam takungan dan sebagainya dan dapat digunakan oleh masyarakat kita, bukan sahaja dalam soal mengalirkan keluar tapi menguruskan itu. Itu yang saya minta supaya kajian menyeluruh ini juga memikirkan soal keperluan air kepada pengguna walaupun dia mungkin bukan dalam kementerian Yang Berhormat Datuk. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ini ialah tumpuan pihak NAHRIM dan kita sedang mengkaji bagaimana kita dapat mengurus sumber air kita dengan lebih baik. Pada masa ini, boleh kata 70% air digunakan untuk keperluan pertanian dan kebanyakannya tidak digunakan dengan cara yang paling optimum.

Mengenai masalah banjir di kawasan Parlimen Gelang Patah, antara sebab yang telah pun dikenal pasti ialah tiga saluran paip air, PUB - Public Utility Board Singapura yang melintasi parit-parit di kampung Kangkar Pulai dan di hulu Sungai Melanar di kampung Posiling yang menghalang aliran air di dalam parit-parit tersebut. Anak-anak sungai Gelang Patah dan Sungai Gelang Patah extension di Jalan Taat yang kurang berkemampuan menyalirkan air dan parit-parit yang perlu digali semula serta benteng penahan banjir yang perlu ditinggikan. Jadi JPS telah pun menggali anak-anak sungai Gelang Patah dan Sungai Gelang Patah pada awal bulan Februari 2000 ini untuk menyelesaikan masalah dua di atas. JPS juga sedang merancang program penggalian parit-parit dan peninggian benteng dalam tahun 2000 ini untuk menyelesaikan masalah di atas ini.

Berkaitan masalah satu iaitu saluran paip Public Utility Board Singapura tadi, jawatankuasa bertindak yang dianggotai agensi-agensi terlibat telah dibentuk untuk menyelesaikan masalah tersebut yang memerlukan perbincangan antara kerajaan Malaysia dan Singapura....

Puan Chong Eng : Penjelasan, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: A da yang berdiri, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan punca-punca banjir kilat tetapi saya tidak tahu adakah Menteri tahu bahawa tambunan tanah yang tidak cukup juga merupakan satu punca banjir di Taman Sri Rampai dan kawasan Juru di Bukit Mertajam. Itu yang diakui oleh kerajaan negeri sendiri bahawa kerana pemaju tidak menambungkan tanah mengikut arus aras yang ditetapkan oleh kerajaan tempatan. Sebenarnya dia patut ditambungkan tujuh kaki tetapi hanya tiga kaki ditambungkan dan kerana sebab ini, kawasan itu sekarang selalu dibanjiri air dan apakah tindakan yang diambil ke atas kejadian banjir seperti ini kerana ini merupakan kelalaian kerajaan tempatan dan apakah rancangan yang ada sekarang untuk mengatasi masalah di sana. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Ia ada dua sebab besar mengapa kita banyak mengalami banjir. Satu, ialah kerana semula jadi, kerana hujan lebat, mengenai tide, kita tidak boleh atasi. Tetapi masalah yang kedua ialah masalah punca manusia kerana pembangunan yang terlalu pesat dan kerana pembangunan ini tidak mengambil kira akibat kepada banjir, impact pada banjir.

Jadi, pada masa ini kementerian saya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang membuat satu kajian yang menyeluruh dan sebelum pertengahan tahun ini kita akan buat satu guideline - satu panduan yang baru mengenai *storm water management* di mana kita akan menguatkuasakan lebih ketat supaya pemaju-pemaju perumahan akan mengikut panduan-panduan supaya masalah banjir ini dibendung di peringkat source. Kita akan mempunyai guideline-guideline, langkah-langkah yang baru, misalnya kita akan memerlukan mereka membina kolam-kolam takungan di tempat pembangunan perumahan, membina parit yang lain supaya membolehkan air ini serap ke dalam tanah dan sebagainya. Saya mengambil perkara ini sedang dalam perhatian kami.

Puan Chong Eng: Saya ada sikit sahaja, saya hendak tambah. Saya berpendapat bahawa ada guideline-guideline yang baru ada penting tetapi

penguatkuasaan yang lebih penting kerana seperti tambunan tanah itu memang ada peraturan tetapi tidak diikuti.

Kedua, saya hendak menarik perhatian Menteri supaya tempat-tempat di mana mengalami banjir kerana kelalaian kerajaan tempatan mengenai tambunan tanah ini diberi prioriti supaya masalah mereka diatasi terlebih dahulu. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingin memberitahu Yang Berhormat di sini, yang isu tebatan banjir ialah satu isu yang besar di negara kita dan kita telah baru-baru ini - dua minggu yang lepas ini, pihak Kabinet telah membuat keputusan supaya satu jawatankuasa induk ditubuhkan, Kementerian Pertanian akan mengetuai petugas ini dan yang pentingnya adalah kerjasama di antara persekutuan, pihak kerajaan negeri kerana sungai ini mengalir di semua mana-mana negeri dan kerajaan tempatan.

Yang Berhormat memang betul, masalahnya sekarang ialah dari segi penguatkuasaan dan kita harus mempertingkatkan lagi capacity local council supaya mereka dapat meningkatkan lagi penguatkuasaan. Walaupun demikian, saya tahu yang satu daripada usaha kami membuatkan garis panduan ialah untuk membuatkan mandatori supaya kalau sesuatu pembangunan itu diluluskan kita akan mengambil kira kali ini akibat impact kepada banjir. Dan kita mahu membuat sebagai syarat supaya mereka ini membuat mengikut kita punya garis panduan yang baru. Walaupun demikian, kalau ada masalah-masalah di kawasan-kawasan tempatan (local problems) saya sedia menerima dan saya akan cuba mengatasi masalah-masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Banjir. Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa pada minggu yang lepas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu Menteri dari Pontian, dia ada berkata bahawa tanah rendah dan tanah yang sering dibanjiri itu tidak akan dibenarkan untuk dijadikan suatu projek perumahan. Sekiranya cadangan ini diterima dan dikuatkuasakan maka tuan tanah di kawasan-kawasan yang rendah akan kehilangan kepentingan mereka kerana tanah mereka sudah tidak jadi berharga lagi, tidak boleh dimajukan. Bukankah ini, bukan satu solution, dengan izin, yang baik kerana seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Pertanian bahawa sekiranya itu telah dipastikan bahawa tanah itu rendah, sering banjir

maka kerja-kerja tebatan banjir boleh dijalankan dan tempat itu boleh dijadikan satu tapak perumahan dan bukan pukol rata, ada kata tanah itu rendah tidak boleh dijadikan tapak pembinaan perumahan.

Datuk Effendi bin Norwawi: Saya ingat yang lepas-lepas itu kita tidak boleh, tak boleh, apa hendak buat. Jadi, di kawasan-kawasan yang ada sekarang ini di bawah lembahan banjir ini, kita terpaksa membuat skim perairan, perparitan dan sebagainya. Tetapi, yang lebih penting ialah kepentingan kita harusnya kepada kepentingan pembeli, masyarakat. Kita tidak mahu membenarkan di kawasan-kawasan yang boleh dibanjiri di bawah lembahan banjir ini digunakan untuk pembangunan perumahan kerana yang akan menjadi mangsanya pembeli-pembeli rumah. Jadi, yang penting pada saya ialah kepentingan pembeli-pembeli, masyarakat daripada kepentingan beberapa orang pemilik tanah. Ini satu daripada guideline kita yang kita tidak akan membenarkan tanah-tanah ini digunakan untuk tanah rendah digunakan untuk membuat pembangunan perumahan.

Berhubungan dengan masalah banjir di Kampung Dato' Mohd. Said, Parlimen Rasah, Negeri Sembilan. Sukacita dijelaskan pembedungan yang dimaksudkan terdiri dari 5 buah pembedung kecil yang mudah memerangkap sampah dan endapan yang menghalang pengaliran air setiap kali berlaku hujan lebat.

JPS, Negeri Sembilan telah membangkitkan masalah ini kepada agensi yang terlibat, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan mencadangkan ianya diganti dengan jambatan. JPS, Negeri Sembilan juga turut membina jambatan baru menggantikan jambatan lama yang juga merupakan punca banjir di kampung tersebut. JPS juga akan menaik taraf saluran Sungai Kepayang tidak lama lagi. Di samping itu JKR sedang menggantikan sebuah jambatan yang lama yang sempit di Jalan Labu.

Bagi mengatasi masalah banjir termasuk banjir kilat berbagai langkah telah diambil oleh kerajaan sama ada di peringkat persekutuan atau negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Langkah-langkah tersebut termasuklah tindakan struktur dan bukan struktur. Sebagai contoh, tindakan struktur ialah kerja-kerja mendalam, melurus, mengukuhkan tebing sungai serta pembinaan ban yang dijalankan oleh JPS. Pembinaan parit dan longkang juga merupakan tindakan struktur yang sering dijalankan oleh PBT-PBT di seluruh negara. JPS juga menyediakan lapan sungai dengan sistem ramalan dan amaran banjir seperti di Sungai Pahang dan tiga puluh

sungai-sungai yang lain dengan sistem amaran banjir sahaja. Ini merupakan salah satu tindakan bukan struktur yang disediakan untuk menghadapi banjir besar. Penyelesaian masalah banjir kilat yang lebih mampan (sustainable) memerlukan tindakan menyeluruh yang merangkumi tindakan bukan struktur seperti perancangan pembangunan kawasan yang bersepadu yang seperti saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah banjir di kawasan Penampang, di Kota Kinabalu, ini masalah besar. Beberapa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sedang dijalankan di bawah kerajaan negeri berjumlah RM70.5 juta. Projek RTB di bawah Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dan sedang dalam perancangan berjumlah RM117 juta. Di samping itu, kerajaan jugasedang menimbang beberapa projek RTB yang baru di kawasan ini di bawah Rancangan RMK-8.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga di Semenanjung, penyelesaian yang lebih mampan ialah juga dengan mengambil kira semua kaedah termasuk kaedah bukan struktur seperti perancangan pembangunan secara bersepadu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan pembangunan bersepadu kawasan tadahan Penampang telah siap walau bagaimanapun ianya akan dikuatkuasakan apabila enakmen berkenaan itu, Water Resource Enactment digezetkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan - tidak habis, tidak banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Datuk Effendi bin Norwawi: Berhubung dengan permohonan mempercepatkan pembinaan tembok penahan banjir di Sungai Merah, Sibu. Iklan berkaitan dengan projek tersebut telah pun dikeluarkan pada 3 Mac 2000 dan akan siap pada 3 April 2000. Pengambilan tapak, iaitu *site possession* oleh kontraktor akan dilakukan dalam masa tiga bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih di atas segala saranan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang tidak dapat diberi jawapan pada masa ini dan penjelasan tidak berapa memuaskan, saya harap dapat membaiki masa demi semasa bila saya lebih pengetahuan dan saya akan terus memberi perhatian mengenai semua

isu-isu yang menjadi kepentingan kita semua. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang, Kluang dan Lumut yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 di peringkat dasar serta membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan mengenai isu peniaga yang masih tidak menurunkan harga bagi 305 jenis barangan terpilih serta barangan makanan yang terlibat dengan penurunan duti import dan minta supaya kementerian mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga mematuhi arahan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penghapusan ataupun pengurangan duti import melibatkan 305 jenis barangan bukan makanan serta 179 jenis barangan makanan. Penghapusan atau pengurangan duti import itu berbeza-beza. Misalnya ikan bilis dan ikan-ikan tangkapan laut dalam, duti import dikurangkan daripada 10% kepada 8%, penghapusan atau pengurangan duti import ini sewajarnya akan memberi faedah kepada pengguna terutamanya barangan yang harganya mahal seperti sarang burung yang boleh makan yang menikmati pengurangan harga antara 2% - 3% bergantung kepada jenis sarang burung tertentu. Berikutan penurunan duti import ini maka penurunan harga juga dijangkakan - misalnya harga bagi sarang burung gred A daripada RM550 kepada RM533.50 setiap 30 gram, ia itu penurunan sebanyak RM16.50. Pengurangan harga barangan ini dan lain-lain lagi diharap dapat meningkatkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancong asing yang menarik.

Selain itu, pengurangan duti import seharusnya memberi kesan positif kepada Indeks Harga Pengguna (IHP) sekiranya barangan berkenaan mempunyai wajaran tinggi dalam IHP. Misalnya buah oren segar yang wajarannya dalam IHP ialah 0.2%,

duti import ke atasnya dihapuskan di mana sebelum ini duti import adalah 10%. Dengan penurunan duti import ini, maka harga buah oren segar sekotak telah mengalami pengurangan, iaitu daripada RM60 kepada RM55 sekotak. Adalah diharapkan pengurangan duti import barang-barang ini yang mempunyai wajaran yang agak tinggi dalam IHP akan membantu mengurangkan kadar inflasi negara.

Sehubungan ini, bagi menentukan peniaga-peniaga menurunkan barangan yang terlibat dalam penghapusan atau pengurangan duti import sebagaimana yang diumumkan pada Belanjawan 2000, pihak kementerian telah dan akan secara konsisten menjalankan pemeriksaan ke atas pengimport, penjual borong dan penjual runcit. Tindakan pemantauan ini dibuat secara berterusan melalui satu operasi yang dinamakan Ops Budget 2000, iaitu mulai 30 Oktober 1999 sehingga sekarang. Aktiviti Ops Budget 2000 tersebut tidak ditumpukan di kawasan bandar sahaja malah meliputi kawasan-kawasan luar bandar seperti di estet, rancangan FELDA, FELCRA dan kampung-kampung baru bagi memastikan rakyat mendapat manfaat daripada penurunan ataupun penghapusan duti import berkenaan. Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga-peniaga yang engkar atau tidak mematuhi penurunan atau penghapusan duti import termasuk menyenaraihitamkan mereka.

Selain daripada itu, pihak kementerian juga telah mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan peniaga untuk mengkaji struktur harga baru barangan yang terlibat dengan penghapusan atau penurunan duti import pada Belanjawan 2000 itu serta mendapatkan komitmen mereka untuk menurunkan harga barangan terbabit serta tindakan menaikinya semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kluang pula meminta supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengkaji semula keputusan yang menghendaki restoran kecil, kedai kopi dan gerai-gerai makanan mendapatkan lesen daripada Phonographic Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) di bawah Akta Hakcipta, Seksyen 13 bagi memainkan muzik di premis mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di bawah Akta Hakcipta 1987, pemilik hakcipta mempunyai hak eksklusif ke atas permainan karya muzik dan rakaman bunyi yang dimiliki oleh mereka dimainkan di tempat awam seperti kompleks membeli-belah, restoran dan sebagainya.

Dalam hal ini, Phonographic Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) adalah satu badan yang mewakili pemilik hakcipta rakaman bunyi. Kutipan royalti untuk permainan karya muzik dan rakaman bunyi di tempat awam adalah dibenarkan di bawah Akta Hakcipta 1987 dan ia merupakan amalan yang lazim terdapat di kebanyakan negara di seluruh dunia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedar bahawa perkara ini boleh menimbulkan pertikaian di antara pemilik hakcipta karya muzik dengan pemilik premis perniagaan yang menyiarkan karya muzik berkenaan khususnya mengenai kadar royalti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Dato' S. Subramaniam: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diminta sambung. **2.30 ptg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mewujudkan peraturan dalam sedikit masa lagi untuk membolehkan pertikaian mengenai kadar royalti dirujuk dan diputuskan oleh Tribunal Hak Cipta bagi menetapkan kadar yang berpatutan. Buat masa ini peranan Tribunal Hak Cipta hanya terhad kepada memberi lesen untuk menterjemahkan karya asing ke bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memastikan hak eksklusif yang diberi kepada pemilik hak cipta itu tidak membeban pengguna. Ini termasuklah dengan cara berunding dengan pemilik hak cipta bagi mencari jalan penyelesaian yang adil dan saksama bagi semua

pihak. Jika perlu, Akta Hak Cipta 1987 akan dikaji semula dengan mengambil kira piawaian yang ditetapkan di bawah Konvensyen Bern iaitu satu konvensyen mengenai hak cipta yang ditadbirkan oleh World Intellectual Property Organization.

Malaysia menjadi ahli konvensyen itu pada 1 Oktober 1990 dan Perjanjian Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights iaitu suatu perjanjian di bawah naungan World Trade Organization. Malaysia memandatangani perjanjian itu pada bulan April 1994. Piawaian ini antara lain menyentuh mengenai tahap perlindungan, penguatkuasaan dan liputan dari segi karya-karya yang dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Lumut menyeru kerajaan mengambil tindakan untuk mengurangkan harga

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [*Bangun*]

Dato' S. Subramaniam:sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan supaya orang ramai dapat menikmati

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan Datoh.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk ke bahagian dan soal sayur-sayuran. Saya ingin bertanya minta penjelasan mengenai harta intelek (intellectual properties) dan juga hak cipta yang disebutkan tadi.

Malaysia dikenali sebagai salah sebuah negara yang memberikan keutamaan dan melindungi hak cipta dan juga harta intelek tetapi masih terdapat cukup banyak penyelewengan yang berlaku sama ada oleh pengeluar-pengeluar bahan-bahan yang seharusnya dilindungi sepenuhnya oleh kementerian. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sedar Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya jumpa beliau di pasar malam, ini satu contoh Timbalan Menteri yang cukup baik – yang beliau sendiri melihat banyak kaset, banyak CD, VD dan bahan-bahan yang sepatutnya dilindungi melalui Intellectual Properties Act ini, Akta Harta Intelek ini dengan sewenang-wenangnya masih dijual dengan harga yang murah.

Jadi, di mana hak karyawan? Di mana perlindungan yang diberikan kepada mereka? Seharusnya hak cipta karyawan, hak cipta seniman, hak cipta golongan yang memerah otak, memerah tenaga untuk memberikan nilai yang tinggi kepada nilai-nilai seni dan nilai-nilai karya mereka seharusnya diberikan keutamaan. Saya hendak

minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana penguatkuasaan ini benar-benar berjalan ataupun sekadar 'Melepaskan batuk di tangga sahaja' kerana telah lama diperkatakan isu ini masih belum selesai hingga sekarang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Saya ucap terima kasih atas minat Yang Berhormat mengenai masalah cetak rompak yang dihadapi oleh kita. Ini adalah tajuk baru.

Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat kementerian mengambil berat tentang perkara ini dan kita telah menjalankan banyak aktiviti untuk menghapuskan kegiatan cetak rompak. Yang pertama, kita telah pun mengadakan akta yang begitu sempurna untuk menghapuskan aktiviti ini, penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun, barang-barang yang tiruan atau counter fit product itu yang bernilai berjuta-juta ringgit dirampas oleh pihak penguat kuasa setiap bulan. Angka-angka saya tidak dapat beri. Baru-baru ini satu Jawatankuasa Induk telah ditubuhkan untuk mempergiatkan aktiviti ini yang sehingga sekarang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengambil peranan untuk menjadi Pengerusi bagi Jawatankuasa Induk ini untuk menghapuskan aktiviti cetak rompak.

Jadi, jawatankuasa ini dianggotai oleh semua agensi kerajaan dan juga persatuan-persatuan yang mewakili mereka yang mempunyai hak harta intelek dalam beberapa bidang, maka ini telah menghasilkan banyak selain daripada rampasan barang-barang kita juga telah mendapat kesan yang positif daripada pengeluar. Dalam sidang ini kita akan juga membentangkan satu lagi akta baru iaitu Optical Disc Act yang akan memberi kuasa yang lebih luas untuk kita mengambil tindakan kepada mereka bukan sahaja yang menjual dan mengedar barang-barang seperti CD, DVD dan lain-lain tetapi juga mengambil tindakan terhadap pengeluar barang-barang ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Maka saya suka meyakinkan bahawa kementerian mengambil berat tentang perkara ini dan hak karyawan, hak-hak mereka yang mempunyai hak harta intelek itu adalah diberi perlindungan dan kita akan teruskan kegiatan-kegiatan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lumut, Lumut berdiri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut, Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri berhubung dengan masalah cetak rompak ini. Adakah sama ada kementerian akan menambah bilangan tenaga untuk bukan setakat memantau, untuk memastikan masalah ini kalau boleh dapat diatasi dengan segera kerana kita tahu kompelin-kompelin yang apa nama yang kita dengar sebab saya sendiri secara tidak langsunglah, bukan kata saya menyibuk.

Saya lihat di pasar-pasar malam terutamanya di gerai-gerai mereka sewenang-wenangnya tidak segan silu bahkan ada bahan-bahan yang kita rasa yang tidak seharusnya, yang kita bimbang kalau ianya terdedah kepada generasi muda.

Jadi, saya minta penjelasan kalau bolehlah tenaga penguatkuasaan ini ditambah atau bagaimana. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tentang pasukan penguatkuasaan. Suka saya menjelaskan bahawa kementerian telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menambah bukan sahaja pegawai-pegawai tetapi pejabat-pejabat di seluruh negara sebanyak lebih daripada 16 pejabat akan dibuka telah pun beroperasi di beberapa tempat baru di dalam negara dan kakitangan atau pegawai dan kakitangan telah pun ditambah untuk menjalankan kegiatan penguatkuasaan.

Saya tidak dapat bawa butir-butir pasal perkara ini tidak timbul dalam perbincangan dasar. Ini kalau timbul, saya dapat memberilah angka-angka mengenai keberkesanan tindakan yang diambil oleh pihak penguat kuasa tentang cetak rompak itu.....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam:kita maklum – biar saya jelaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Menteri jelaskan sedikit lagi.

Dato' S. Subramaniam: Biar saya jelaskan dahulu. Kita semua maklum bahawa barang-barang cetak rompak itu dijual merata-rata tempat. Kementerian mengambil tindakan untuk merampas dan juga menangkap mereka ini tetapi selepas beberapa hari mereka bermula.

Satu daripada masalahnya ialah harga, harga barang asli dan juga barang yang dicetak rompak. Orang ramai dengan penuh pengetahuan memberi galakan kepada barang-barang cetak rompak. Itu pun kita menjalankan kegiatan consumer education supaya mereka tidak memberi galakan - mereka beli barang asli untuk memberi perlindungan dan juga galakan kepada orang-orang yang mencipta barang-barang itu.

Kedua, cetak rompak ini adalah orang-orang yang mempunyai hak terhadap barang-barang yang dikeluarkan dan syarikat-syarikat mempunyai tugas masing-masing untuk menentukan bahawa barang-barang mereka tidak dicetak rompak. Yang recording company, filming company semua mereka itu adalah syarikat-syarikat yang besar dan mereka juga bekerjasama dengan kita dan mereka juga berhak untuk mengambil tindakan-tindakan sivil.

Di kebanyakan negara kegiatan-kegiatan sivil lebih banyak daripada pasukan penguat kuasa yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Mereka di bawah Akta Harta Intelek ini diberi peluang untuk menuduh dan juga mengambil tindakan-tindakan sivil terhadap mereka ini tetapi masih syarikat-syarikat ini tergantung kebanyakan kepada kegiatan aktiviti kementerian untuk menghapuskan aktiviti ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Satu daripada cadangan kita ialah untuk meminta pihak-pihak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Belum habis lagi Yang Berhormat.

Dato' S. Subramaniam:orang awam – belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, belum lagi, ya.

Dato' S. Subramaniam: Orang awam membeli barang-barang asli, kita juga telah menghubungi dengan industri supaya harga itu tidak begitu besar bezanya dengan barang-barang yang tiruan itu atau dicetak rompak tetapi pihak industri tidak

buat apa-apa mengenai perkara ini. Kalau orang ramai selalu dapat barang-barang yang begitu murah mereka berminat untuk beli barang-barang itu.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: *[Disampuk]* Selain daripada penguat kuasa ini pihak polis adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Larut. Polis sebenarnya yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pornography, pihak kita di bawah Akta Harta Intelek tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pornography material.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Tetapi baru-baru ini – belum lagi. Saya belum lagi jelas apa yang ditanya dahulu. *[Ketawa]* Tetapi baru-baru ini untuk membantu kegiatan polis, pihak kementerian dan pihak polis juga telah menurunkan kuasa. Kuasa yang dipunyai oleh polis kepada pasukan petugas supaya mereka juga berhak dan berkuasa mengambil tindakan merampas dan juga tindakan-tindakan lain terhadap pornography material.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana seorang yang

Tuan Moktar bin Radin: Kinabatangan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat, mereka boleh pilihlah. Ahli-ahli Yang Berhormat pilih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sambung sedikit Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak sambung.

Seorang Ahli: jangan gaduh-gaduh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Timbalan Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi. Saya hendak kalau boleh dapat penjelasan, adakah mereka ini dilindungi oleh bangsa-bangsa atau sindiket-sindiket tertentu kerana kita bimbang setengah itu ianya boleh memudaratkan keadaan kalau ianya tidak bertindak dengan cepat. Kalau ada orang yang mendalangi mereka ini sehinggakan mereka kadang-kadang sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak mengendahkan. Kalau ada mungkin bangsa yang cuba menjadi orang di hadapan ataupun perantaraan.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' S. Subramaniam: Yang belakang dahulu. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Kinabatangan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi Yang Berhormat rasa saya dengan pengwujudan akta demi akta adalah tidak mencukupi. Yang perlu adalah pendekatan kementerian ini melalui penguatkuasaan. Jadi, dalam masa yang sama rasa saya sudah tiba masanya negara kita harus menerima hakikat bahawa industri muzik di tanah air kita ini harus diangkat martabat mereka kerana saya kurang faham di mana silapnya, kadang-kadang satu lagu ciptaan yang baru belum dipasar pun yang asli, yang palsu, yang tiruan sudah berada di pasaran dan berleluasa dan kadang-kadang penguatkuasa itu sendiri membelinya pula. *[Ketawa]*

Jadi, tidakkah kementerian ini menyedari bahawa negara Malaysia harus sudah menuju ke satu tahap yang boleh melindungi artis-artis tempatan kita kerana dunia artis ini banyak yang sudah gulung tikar kerana lagu yang baik pun sudah tidak dibeli kerana yang palsu sudah mendahului yang asli ini. Jadi, kementerian ini haruslah kalau boleh mendekati masalah-masalah ini kerana negara kita akan kerugian, kalau artis rugi negara kita juga rugi, tidak ada royalti untuk negara kita.

Jadi, mudah-mudahan kementerian ini dalam alaf tahun 2000 ini dapat membanteras segala gejala sama ada 'bouncer', sama ada samsengkah, kita kerajaan mana boleh tidak boleh dikalahkan samseng-samseng ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, patut jelaskanlah satu-satu, jangan beri sangat ini, habis Dewan ini, itupun saya sudah terberi dua itu. Sila jawab.

Dato' S. Subramaniam: Terima kasih Dato'. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjelaskan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Tetapi aktiviti dari segi akta dan juga saya telah menerangkan bahawa suatu akta baru akan dibentangkan, optical disc akta, dalam sidang ini juga, bacaan pertama sudah siap dan kita menunggu dan akta ini akan memberi kuasa yang lebih luas untuk kita membanteras aktiviti cetak rompak.

Yang kedua, saya telah pun menjelaskan tentang aktiviti penguatkuasa merampas barang, menuduh mereka yang terlibat, nilai barang-barang itu berjuta-juga ringgit, saya telah menjelaskan angka itu saya tidak bawa, fasal dalam perbahasan dasar perkara ini tidak ditimbulkan langsung.

Yang ketiga, kementerian seperti saya katakan memberikan perlindungan melalui akta dan syarikat-syarikat, artis-artis ini memberi hak itu kepada syarikat. Bukan artis sendiri yang mempunyai hak itu, dia memberi hak itu kepada syarikat-syarikat yang besar, mereka buat recording company yang mempunyai hak mereka juga boleh mengambil tindakan sivil.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini cukuplah dengan penjelasan-penjelasan ini, akhirnya kita penguatkuasa tidak kiralah siapa yang terlibat, sehingga sekarang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kita, kita tidak kira siapa yang terlibat, perkara ini satu perkara yang melanggar akta yang wujud, yang telah diluluskan maka kita ambil tindakan terhadap mereka, kalau ada pihak-pihak yang lain seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat 'bouncer'kah atau samsengkah, itu adalah pihak polis berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka selain daripada kementerian sendiri mengambil tindakan terhadap mereka tentang aktiviti sahaja kepada mereka itu polis berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Aman berdiri. Ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan dengan Business Software Alliance (BSA), oleh kerana kementerian saya percaya dilibatkan dengan penguatkuasaan terhadap penggunaan software ataupun permainan komputer dan saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama di antara BSA dan kementerian dan oleh kerana syarikat multinasional menggunakan tenaga kementerian sama ada syarikat multinasional ini ada membuat pembayaran kepada kementerian dan sama ada kementerian ada minta supaya harga software atau game yang datang dari luar negara ini diturunkan supaya rakyat di Malaysia ini juga tidak begitu tertekan hingga mereka terpaksa menggunakan ataupun mencari software ataupun game yang *dipiratkan* dengan izin.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, BSA sebagai Business Software Alliance memberi kerjasama dengan kementerian untuk kita juga menjalankan aktiviti membanteras cetak rompak yang dijalankan terhadap software juga, mereka memberi kita maklumat dan mereka juga bekerjasama dari semua aspek. Bayaran tidak dikenakan oleh kerana ini adalah satu aktiviti yang kementerian menjalankan dari segi nasional interest, tidak dikenakan bayaran dan memang dari bukan sahaja dari software, semua pihak yang terlibat dalam industri ini iaitu mengeluarkan barang-barang yang mereka mempunyai perlindungan supaya mereka menimbangakan, menurunkan harga supaya tidak ada satu perbezaan yang begitu luas di antara barang tiruan dan juga barang-barang yang mereka mempunyai perlindungan.

Jadi, nasihat ini telah pun diberi kepada semua syarikat dan sebagainya tetapi response itu tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung dengan penjelasan Yang Berhormat tadi mengenai satu tribunal akan ditubuhkan

untuk menyelesaikan pertikaian tentang kadar tarif di antara PPM dengan pengguna-pengguna yang dikenakan tarif ini. Saya ingin tahu apakah peranan sebelum sampai ke peringkat tribunal pertikaian di antara kedua-dua pihak ini. Saya ingin tahu apakah peranan kementerian dalam menentukan kadar tarif yang boleh dikenakan oleh PPM dan juga sama ada kementerian ada menasihati ataupun memberi arahan kepada PPM untuk memberi pengecualian kepada sektor-sektor yang tertentu, misalnya kedai-kedai kopi tradisional, penganjur-penganjur majlis perkahwinan, hari jadi yang juga di bawah akta ini kena bayar royalti kepada PPM termasuk perarakan pengebumian banyak yang memainkan lagu-lagu pun kena straightly speaking dalam akta ini.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah peranan kementerian dalam menentukan tarif dan sama ada pengecualian akan diberikan kepada sektor-sektor yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak berada di sini semasa saya menjawab tadi. Saya telah menjelaskan bahawa tribunal ini telah pun mengikut akta yang sedia ada kita boleh menubuhkan tribunal, cuma peraturan bagi tribunal menyelesaikan perkara kadar tarif itu belum lagi siap dan akan disiapkan dalam se-dikit masa lagi.

Yang kedua, sebelum itu perkara PPM ini tentang royalti adalah satu masalah baru yang telah ditimbulkan, perkara ini diberi perhatian oleh kementerian dan kita akan berunding dengan pemilik hak cipta seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sendiri mengikut akta ini mereka berhak untuk mengutip royalti, mereka berhak, itu yang pertama.

Yang kedua, sementara waktu kita akan berunding dengan pemilik hak cipta supaya kita mencari satu jalan penyelesaian yang adil dan saksama kepada kedua-dua pihak, itu yang kedua.

Yang ketiga, kita juga akan mengkaji semula akta ini, akta yang memberi kuasa untuk mengutip royalti untuk menimbang setakat mana pengecualian dan sebagainya dapat dikaji semula. Jadi, perkara ini adalah dalam tindakan kementerian, ini bukan satu perkara yang berlaku dalam Malaysia sahaja, dalam seluruh dunia perkara ini juga berlaku, dalam negara-negara membangun seperti Amerika Syarikat pun perkara ini berlaku, tetapi kita baru-baru ini PPM telah bergerak untuk

mengedarkan surat, bayaran belum lagi dibuat dan kita akan berunding dengan mereka supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan adil.

Yang kedua, kalau perlu kita akan membuat kajian semula dan juga pindaan-pindaan jika perlu kalau kita fikir orang ramai tidak dibebankan dengan apa yang dilakukan oleh PPM itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyambung jawapan saya, Ahli Yang Berhormat bagi Lumut telah menyeru kerajaan mengambil tindakan untuk mengurangkan harga sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan supaya orang ramai dapat menikmati keluaran tempatan, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan atau memakan barang-barang tempatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mengenakan kawalan harga ke atas sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan. Tetapi kementerian saya sentiasa memantau bekalan supaya harganya stabil. Dalam hal untuk menurunkan harga sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan, saya berpendapat antara lain seperti dijelaskan oleh Menteri Pertanian pada pagi tadi, supaya kita menambahkan pengeluaran dalam negara kita. Sayur dan juga buah-buahan, itu adalah satu strategi dan juga yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan kalau pengeluaran dalam Malaysia bertambah dalam pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan harganya akan jadi lebih berpatutan.

Walau bagaimanapun, jika buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan berkurangan pada satu-satu masa yang tertentu dan harga meningkat, kita juga akan memberi peluang mengimport barangan serupa pada harga yang lebih rendah, ini kita akan memberi galakan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini perlu diselaraskan dengan liberalisasi import di mana pengimport-pengimport bebas mengimport atau, dengan izin, out source dari mana-mana negara.

Akhir sekali, saya ingin mengulangi ucapan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan serta pandangan ke atas isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara-perkara yang tidak diberi jawapan sewajarnya di

dalam Dewan yang mulia ini, sukacita saya maklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Penerangan.

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Belanjawan ini pada peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan Yang Berhormat bagi Marang dan Kemaman yang mendakwa berkenaan penyalahgunaan RTM bagi menyebarkan fitnah dan dakwah semasa pilihan raya baru-baru ini, ianya adalah salah anggapan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. RTM adalah bertanggungjawab:

- (i) untuk memberi liputan seluas-luasnya mengenai rancangan dan dasar pembangunan kerajaan;
- (ii) melaporkan perkembangan semasa di dalam dan di luar negeri supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat;
- (iii) menyediakan maklumat terbaru mengenai perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di dalam dan di luar negeri.

Sehubungan dengan itu, apa yang disiarkan oleh RTM ialah dasar, pandangan dan pendirian kerajaan semasa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa dalam kempen pilihan raya baru-baru ini, RTM banyak menyiarkan iklan-iklan yang kononnya ditaja oleh Barisan Nasional yang jelas dan terang menuduh pemimpin-

pemimpin parti pembangkang dengan pelbagai tuduhan yang tidak benar sama sekali. Bukankah ini merupakan fitnah kerana perkara-perkara yang diiklankan itu tidak benar sama sekali dan yang keduanya ia tidak berlandaskan kepada etika pengiklanan langsung kerana apa yang disiarkan di dalam iklan tersebut memburuk-burukkan parti lawan sedangkan dalam etika pengiklanan kita tidak boleh memburukkan barangan orang lain. Kita hanya boleh memberitahu kebaikan-kebaikan barang-barangan kita dan tidak boleh sama sekali memburukkan barangan orang lain. Jadi, di dalam iklan yang dibuat oleh Barisan Nasional jelas dan terang bahawa etika pengiklanan tidak digunakan sama sekali oleh Kementerian Penerangan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu tafsiran dialah.

Mengenai cadangan oleh Yang Berhormat bagi Jeli supaya diadakan siaran langsung atau tertangguh Persidangan Parlimen di televisyen, pada masa ini Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk mengadakannya. Walau bagaimanapun, kementerian ini ada membuat ulasan ataupun liputan mengenai perkara-perkara penting tertentu seperti politik, ekonomi dan agama yang dibahaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berita-berita berkaitan Persidangan Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ada disiarkan melalui *Berita Perdana* iaitu TV1 dan TV2 dengan melanjutkan waktu siaran berita selama sepuluh minit. Selain daripada itu, berita-berita berkaitan Persidangan Parlimen juga disiarkan dalam berita-berita lain di TV1 seperti di *Berita Tengahari*, *Berita Jam 6*, *Berita Akhir* dan *Berita Mutakhir*.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:...di atas pandangan...apa benda hendak tanya ini?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sedikit pandangan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam sidang ini sudah dua kali kita bermesyuarat dengan tidak cukup kuorum dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kemaman iaitu kalau kita adakan siaran

langsung, maka ini mungkin boleh mengubah sedikit-sebanyak apa yang disuarakan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana bermacam-macam tindakan hendak diambil tetapi tidak menyelesaikan masalah tidak cukup kuorum ini. Saya menyebut ini kerana kebetulan yang berlaku sekali itu kerana saya sedang berucap sehingga terpaksa berhenti daripada membuat ucapan dan saya rasa kalaulah kita mengadakan siaran langsung, saya rasa kemungkinan kehadiran itu akan lebih lagi kerana rakyat sendiri akan melihat di mana bukan sahaja mengeluarkan pandangan tetapi hadir untuk mendengar perbahasan dan mungkin boleh menambah sedikit-sebanyak. Oleh kerana beberapa cadangan yang telah dibuat itu tidak memberi kesan, saya rasa siaran langsung ini mungkin memberi kesan yang lebih positif dan Kementerian Penerangan mungkin memberi sumbangan yang besar ke arah lebih baik sesi Parlimen kita. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini soal hendak mengadakan siaran langsung ini bukan cerita baru dan kalau secara kebetulan waktu Yang Berhormat bercakap orang tidak ramai, agaknya dia tidak suka dengarlah Yang Berhormat bercakap.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit, Dato'?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan, sedikit.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagankah atau Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja, sedikit. Terima kasihlah kerana penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Kalau boleh saya hendak cadang di sini *Laporan Khas Parlimen* itu sebagaimana dulu, kalau

boleh diadakan semula *Laporan Khas Parlimen* di TV1 dan yang keduanya, dulu ada satu rancangan yang menarik perhatian orang ramai khususnya di kampung iaitu rancangan *Peristiwa*. Kalau boleh 'diapakan' balik, itu saya minta, apa nama...kalau...itu cadangan sahajajh. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita memang tengah teliti perkara-perkara itu.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucap banyak.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*][*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sikit aje tau, jangan 'membising'. [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: Okay, okay.

Seorang Ahli: Marah sangatkah?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tak marah, 'tada marah'.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada ingatan saya ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada menyentuh berkenaan dengan ASTRO. Mengapa Yang Berhormat tidak ambil peluang ini untuk memberi pendirian kerajaan berkenaan dengan konversial ASTRO ini? Cepat-cepat mahu lari balik!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kalau hendak bercakap you check your point, ASTRO is not under this ministry.

Tuan Lim Hock Seng: Penerangan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nanti kejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti, nanti.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: hah, elok hah.

Cik Teresa Kok Suh Sim: Jangan marahlah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau bawah 'tada' marah oooo! Saya hendak terangkan ini. Dia, ASTRO ini bawah multimedia, kementerian lain. Kalau bawah Kementerian Penerangan saya ulas dah, apa mahu takut, 'lali-lali'!. Mana mahu 'lali', hah? Terima kasih banyak. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3.08 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Bentong, Permatang Pauh, Bukit Bintang, Kota Melaka, Jelutong dan Petaling Jaya Utara yang telah menyentuh tentang beberapa isu perumahan. Kerajaan memang mengambil berat tentang penyediaan perumahan untuk golongan miskin dan yang berpendapatan rendah. Pelbagai usaha telah dijalankan seperti mengadakan Program Perumahan Awam Kos Rendah, Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas dan memberi insentif bagi pembinaan rumah kos rendah. Di luar bandar terdapat juga usaha seperti Program Pemulihan Rumah dan Program Pemulihan Kampung Tradisional. Di bandar-bandar besar rumah disewa di bawah Program Perumahan Rakyat juga diadakan. Pihak swasta digalakkan membina rumah kos rendah dengan memberi pinjaman mudah dan menetapkan kuota rumah kos rendah yang perlu dibina. Pada keseluruhannya prestasi pembinaan rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh boleh dikatakan menggalakkan.

Dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketujuh lebih kurang 194,028 unit rumah kos rendah akan siap dibina pada akhir tahun 2000. Ini merupakan 97% daripada sasaran iaitu sebanyak 200,000 unit yang telah dirancang dalam rancangan tersebut. Dari jumlah ini pihak swasta akan menyiapkan 107,439 unit atau 78.4% daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 137,000 unit. Memandangkan pasaran hartanah ini beransur pulih dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, dijangka permintaan terhadap rumah termampu, dengan izin, affordable, seperti rumah kos rendah, kos sederhana rendah, kos sederhana dan kos tinggi di bawah RM200,000 seunit akan meningkat. Di samping itu, kementerian ini memberi jaminan bahawa pembangunan perumahan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah akan terus diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Kegawatan ekonomi banyak mempengaruhi pembinaan. Orang ramai sangat berhati-hati untuk membeli rumah kerana kesulitan mendapat pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. Mereka juga bimbang kemungkinan akan dibuang kerja jika ekonomi tidak pulih, penjualan rumah oleh pemaju terjejas akibatnya terdapat pemaju yang menangguh projek mereka. Kementerian saya telah menggesa semua kerajaan negeri menubuhkan Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer yang

bertujuan memperbaiki Sistem Pengagihan Perumahan Kos Rendah supaya mereka yang memohon dan didapati layak diberi tawaran untuk membeli rumah kos rendah. Walaupun jumlah permohonan untuk rumah kos rendah bertambah dari setahun ke setahun, keupayaan penyediaan rumah kos rendah untuk memenuhi permintaan adalah terhad bagi satu-satu masa. Walaupun begitu, dalam tempoh yang sederhana kerajaan akan terus berusaha merancang dan melaksanakan program-program yang sesuai untuk meredakan permintaan yang meningkat ini dengan mewujudkan rumah untuk disewa bagi golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah wujudnya pemaju yang menimbulkan masalah, kementerian sedang mengkaji semula Akta Pemaju Perumahan yang sedia ada untuk menjadikan akta itu lebih berkesan dalam pencegahan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan-kegiatan yang menyeleweng akta sehingga merugikan pihak-pihak yang terlibat dalam pembelian dan penjualan rumah. Jawatankuasa Mengkaji Semula Akta telah ditubuh dan sedang mengambil kira mengenai penubuhan tribunal bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan perumahan, begitu juga dengan cadangan untuk memasukkan premis bukan kediaman ataupun bangunan komersial dalam akta serta juga projek-projek perumahan yang dimajukan oleh koperasi dan perbadanan. Kementerian kini tidak bercadang untuk mempamerkan kategori pemaju mengikut warna. Kementerian akan tetap memasukkan nama pemaju yang melanggar akta yang terbukti tidak bertanggungjawab disenaraikan dalam sistem pengkomputeran untuk disemak oleh bakal pembeli secara telus dan konsisten. Jawatankuasa pemantauan kementerian akan mengenakan kriteria tetap dan menentukan nama pemaju-pemaju yang melakukan kesalahan atau berprestasi buruk. Mana-mana pegawai, orang perseorangan pegawai tidak mempunyai kuasa sendiri untuk mengecualikan nama-nama pemaju daripada dimasukkan dalam senarai pemaju berprestasi buruk. Kementerian kini sedang dalam proses peningkatan sistem komputer bahagian kawalan dan penguatkuasaan untuk disemak secara on-line, dengan izin, oleh bahagian pelesenan di bawah kementerian sebagai permulaan dan kemudian akan juga dilanjutkan kemudahan ini kepada pembeli apabila sistem pengkomputeran kementerian bersedia.

Kementerian ini juga ada cadangan untuk mewujudkan rang undang-undang bangunan harta milik bersama bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kota Melaka berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, kementerian tetap akan memansuh demerit point system yang sebenarnya telah sedia dilaksanakan pada hujung tahun lalu. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sekiranya butir-butir pemaju dipamerkan dalam Internet berapakah para pembeli dapat masuk Internet dan buat pemeriksaan rekod para pemaju. Bukankah lebih baik kalau kita adakan satu sistem, demerit point system itu dan demerit point system itu dalam fahaman saya telah banyak mengambil banyak masa telah dikaji oleh berbagai-bagai kementerian dan bekas Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat bagi Gopeng telah berkata bahawa ia tetap akan dilaksanakan pada hujung tahun dulu dan tiba-tiba telah dibatalkan dan saya juga tahu bahawa cuma satu kumpulan orang yang bantah sistem ini iaitu dari housing developers – semua pihak, consumers group, para pembeli semua sokong. Jadi, apakah sebab yang kukuh yang boleh Yang Berhormat Menteri bagi?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tunggu-tunggu saat ini untuk menerangkan kerana Yang Berhormat Kota Melaka sudah buat statement di akhbar kononnya ada sesuatu yang tidak betul, jadi saya pun bersabar sampai saat ini. Saya sudah kata, apa yang kita tidak akan buat ialah sistem mewarnakan pemaju. Tetapi prinsip lain-lain demerit itu tetap kita laksanakan. Apa yang saya baru terangkan itu, semua perinsip demerit, cuma namanya saya tidak panggil demerit kerana mewarnakan pemaju itu, ia ada kelemahan. Memang satu prinsip yang betul dimana bekas Menteri Perumahan telah umum dan kemudian pegawai-pegawai di bawah kementerian saya telah dan sedang cuba melaksanakan, sampai semasa saya menjawat jawatan ini, mereka masih tidak berjaya untuk menjalankan sistem demerit itu dengan praktikal dan dengan baik.

Selepas saya memahami masalah ini terdapat beberapa kelemahan, iaitu kalau sekiranya kita ikut warna, pemaju yang kali pertama hendak jadi pemaju, ikut sistem ini warnanya putih. Putih bermaknanya bersih, maknanya dia tidak ada apa rekod tak baik. Itu memang sebagai permulaan. Jadi, pemaju jenis inilah yang paling susah untuk kita tentukan dia baik atau tidak baik. Apabila warna putih itu telah

dipamerkan maka pembeli mempunyai satu konsep bahawa pemaju itu cukup baik, cukup bersih kerana tidak ada rekod yang tidak baik, maka semua pembeli akan beli dengan satu konsep, ingat kementerian saya sudah endorse pemaju ini. Padahal kita sudah tengok kes yang lalu ini, mereka yang kali pertama ini nampak macam okay tetapi sudah separuh, bila projek itu jalan separuh baru nampak masalah. Pada masa itu sudah lewat. Pembeli sudah semua masukkan, dia punya perjanjian sudah sains, wang sudah bayar sampai separuh. Saya nampak sekiranya saya teruskan sistem warna ini - begitu juga bagi developer yang dikatakan prestasi baik, kalau kita bagi dia satu warna hijau, kerana pernah pemaju itu ada projek berjaya, tetapi daripada rekod kami ada pemaju mula-mula berjaya tetapi kemudiannya projek-projek selanjutnya tidak berjaya tetapi bila dia sudah mempunyai satu warna hijau, orang kata itu memang satu galakkan, dorongan yang diberi oleh kementerian saya. Jadi, ramai orang belilah.

Kemudian, kebetulan projek itu ada masalah, pemaju itu ada masalah maka kementerian saya pula disalahkan. Jadi, bila sudah nampak kelemahan ini, elok sebenarnya Yang Berhormat, saya faham apa yang diambil berat ialah jangan ambil berat pemaju yang tidak berprestasi baik. Dan bahagian itu saya tetap tidak berkompromi, bahagian itu saya tidak masuk, saya kata dalam komputer –Internet –lagipun demerit system pada awalnya lagi kalau hendak saudara bandingkan lagi tidak telus sebab yang originally, pada asalnya sistem itu hanya diguna oleh pegawai sahaja, semasa menimbang dia punya permohonan. Bila saya tengok perkara ini, saya beri arahan, saya hendak upgrade computer, hendak bagi orang masuk kita punya web site, sebenarnya ini satu langkah lebih menjaminkan, lebih telus dan saya sudah kata tidak ada seorang pun pegawai sendiri boleh tentukan siapa itu boleh dikeluarkan daripada senarai dan jawatankuasa pemantauan terdiri daripada pegawai atasan dan kadangkala saya sendiri pengurusikannya, akan menentukan.

Jadi, ini satu cara yang saya rasa lebih ketat daripada demerit system pada asalnya. Cuma masalah ialah saya tidak ada peluang untuk menerangkan di Dewan Parlimen ini, tetapi saya ingin dapatkan sedikit masa kerana sistem pengkomputeran itu ambil sedikit masa. Masa ini kementerian saya telah pun menjemput beberapa pihak yang mahir dalam IT untuk bantu kita, buat satu web site yang lebih canggih, yang lebih senang untuk dimasuk oleh pihak-pihak yang tertentu dan lagipun

sekarang ada kira-kira 3000 lebih hingga 4000 pemaju yang aktif. Tiap-tiap satu kita bagi sijil labour, bukan senang, kadangkala di situ juga kalau kata, mungkin ada salahguna kuasa, dia boleh timbul juga warna ini, bukan boleh pakat-pakat dengan pihak mana-mana, dia boleh bagi satu warna lebih baik.

Jadi, itu sebabnya saya nampak sistem sekarang yang saya baru-baru kita cadangkan ini adalah lebih menjamin. Tetapi soal pokok sudah banyak kali saya cerita di sini ialah akta. Akta itu kalau cukup seimbang, akta itu kalau cukup mengambil kira semua kelemahan maka tidak ada pihak mana-mana akan rasa takut dan kurang senang hati kecuali pemaju yang kurang bertanggungjawab. Kalau pemaju yang bertanggungjawab tidak akan takut satu akta yang dikatakan lebih menjamin pembeli rumah. Jadi, penjelasan ini saya harap Yang Berhormat boleh faham, bukan....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia berdiri.

Dato' Ong Ka Ting: Tidak puas juga.

Tuan Kerk Kim Hock: Untuk rekod Dewan. Saya tidak pernah keluarkan statement kecuali Yang Berhormat Menteri selepas baca laporan akhbar mengenai ucapan saya, Yang Berhormat Menteri sendiri yang mengeluarkan penjelasan dahulu, dia tidak sabar tunggu-tunggu. Itu untuk rekod sahaja.

Sekarang kita balik kepada demerit point system. Saya mungkin boleh terima bahawa apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu prinsipnya mungkin sama tetapi satu yang tidak sama ialah ketelusan. Saya tahu dahulu pun kementerian ada mempunyai kuasa untuk menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang salah tetapi ini semua tidak berjaya. Saya sendiri telah mengendalikan beberapa kes dan sudah bawa kes, aduan kepada kementerian tidak dapat diselesaikan dan orang yang menderita itu ialah para pembeli. Dan walaupun demerit point system ini mungkin akhirnya mungkin tidak berjaya, saya tidak tahu, tetapi kita berikan satu peluang untuk sistem dijalankan. Saya telah baca dengan detail-detail ini yang baru - putih, yang bagus - hijau, yang tidak bagus itu kena - yellow warning, yang teruk sekali - merah. Jadi, ini senang sahaja untuk para pembelian dari kampung, dalam bandar-bandar, mereka dapat lihat dengan begitu senang.

Ini adalah satu rekod yang telah ditapis oleh kementerian. Seperti saya kata tadi, kalau kita masuk komputer, siapa tahu. Tadi, Yang Berhormat sebenar kata ada buat statement akan menyenaraihitamkan pemaju, internal black listing, ini yang saya kkuatir. Selalu kita baca masalah pemaju ini, saya bawa ke kementerian, tidak dapat selesai. Dan ini satu perkara saya rasalah mungkin pada alaf baru ini kita harus menuju ke arah ketelusan. Jadi, pada pandangan saya dan saya percaya kecuali dari Housing Developers Association semua orang percaya bahawa demerit system adalah satu sistem boleh menjamin ketelusan. Dan ini sendiri disokong oleh bekas Yang Berhormat bagi Gopeng dan juga pegawai-pegawai kementerian. Itulah sebabnya pengumuman telah dibuat bahawa sistem ini akan dilaksanakan dan saya tidak mahu buat sangka jahat terhadap Yang Berhormat Menteri tetapi saya cuma hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa dahulu Housing Development Account yang telah diluluskan di Dewan ini dilambat-lambatkan pelaksanaannya oleh kerana Yang Berhormat Presiden MCA telah mengatakan kepada bekas Menteri Perumahan iaitu Dato' Ng Cheng Kiat bahawa "*do you know who are the largest financial contributors to MCA*" dan inilah sebab yang telah digunakan untuk malambat-lambatkan pelaksanaan satu sistem yang baik yang telah menyelamatkan begitu ramai orang di Malaysia. Jadi, saya tidak ingin membuat sangkaan jahat tetapi saya cuma kata in order to clear the doubt, kita mengadakan satu sistem yang telus sekali.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya memang berhasrat untuk mengadakan satu sistem yang baik kerana saya tahu kalau tidak ada kita wujudkan satu sistem yang baik pada masa-masa akan datang saya juga akan jadi susah, sebab orang akan kritik dan tegur saya, itu memang satu perkara yang paling saya ambil berat. Itu sebabnya saya tak tengok dalam 80 lebih hari sebagai Menteri. Saya sudah kaji semua masalah yang dirujuk kepada kementerian. Tidak ada cara lain kecuali langkah yang pertama ialah akta itu mesti diperketatkan, akta itu mesti di'revamp', dengan izin, supaya ada banyak perkara-perkara yang ada pihak bebas terutamanya pemaju yang kurang bertanggungjawab akan mengeksploitasikan perkara itu. Selagi akta itu tidak diperketat kita boleh kena 10 demerit point system atau apa-apa hukuman yang berat ia tidak akan berkesan.

Jadi, akta itu sudah kita buat, pada masa yang sama saya sudah kata demerit itu prinsip ada, tetapi dari segi 'practically'nya saya sudah, yang kata pegawai saya

sokong, saya sudah jemput semua pegawai sana yang sepatut laksanakan semua sudah beritahu saya tidak dapat dilaksanakan. Semua sudah tahu, dia kata saya suruh dia, okay, bagi berapa masa you boleh warnakan semua - 4000, tidak ada seorang pun dapat bagi jawapan saya berapa lama boleh warnakan, kerana susah untuk warnakan mereka. Dan saya sudah kata warna itu tidak menjamin seseorang pemaju itu akan ikut warnanya, dia tidak dapat, dan kita kaji balik beberapa ribu aduan dalam 2 tahun ini, kita sudah nampak dia punya trend, sudah nampak dia punya – selalunya yang baik mula-mula, pada akhirnya dia tidak baik. Ini yang menjadi masalah,

Jadi apa yang saya buat memang jujur, saya hendak jamin pembeli. sebenarnya pada masa ini sistem yang saya hendak buat ini pun saya menghadapi ekanan, tekanan dari pihak pemaju, mereka tidak mahu saya buat super black listing atau web site listing dan sebagainya, tetapi saya tetap tidak kompromi saya teruskan.

Jadi, itulah satu penjelasan yang kalau tidak ada niat jahat saya menerima dengan baiklah, lepas hari ini kita jangan tuduh-menuduh lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Menteri, adakah sistem demerit terhadap pemaju ini – yang saya tahu ramai pemaju mereka mempunyai berpuluh-puluh syarikat yang mengadakan projek pembinaan yang berbeza. Jadi macamanakah kementerian membeza-bezakan syarikat ini kerana yang banyaknya berasal daripada pemaju yang sama.

Kedua, adakah sistem demerit ini termasuk juga pemaju yang telah mendirikan kondominium yang mana mereka tidak menjalankan pengurusan ataupun servisnya dengan baik terhadap penghuni di dalam kondominium yang mana sekarang memang menja di satu isu yang hangat di kalangan penghuni-penghuni kondominium di Kuala Lumpur. Adakah ini juga satu disiplin juga akan dilaksanakan terhadap mereka?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita kena tengok semua projek, tidak boleh kita ambil semua projek campur semua sekali, kata baik tidak baik. Kita kena tengok tiap-tiap satu projek apa masalahnya dan tanggungjawab siapa, sama ada ada niat yang sengaja dari segi mengabaikan tanggungjawab pemaju itu ataupun kerana sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Jadi, semua unsur itu kita kena tengok

projek demi projek. Itu sebabnya saya kata kalau seorang pemaju dia ada 50 projek katakan dan kebetulan pada ekonomi baik dia 10 projek bagus, sebab itu kita sudah bagi dia hijau kKmudian bila kegawatan ekonomi dia sudah 5 projek sudah tidak baik, lepas itu macamana kita hendak warnakan. Dia ada masalah, sebab dia ada projek yang baik, dia ada projek yang tidak baik.

Walau bagaimanapun, kita hendak kaji dia punya sikap, dia punya pendirian pemaju itu sama ada dia jujur atau tidak sama ada dia sudah ambil semua langkah-langkah yang exhaustive untuk menjamin pembeli atau belum. Itu satu prinsip yang kita akan kaji. Bagi kondominium

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak memberi jawapan yang jelas kerana umpamanya PERNAS yang dia menjalankan banyak projek yang telah siap dibina dan boleh didapati bahawa kompeni ini telah banyak untung melalui projek-projek ini. Tetapi kerana dalam krisis ekonomi ada 3 projek kerana di bawah syarikat yang berlainan maka dia katakan syarikat ini tidak beruntung dan tidak boleh teruskan projek ini dan projek ini tidak dijalankan. Dalam prinsipnya, sebenarnya syarikat yang ibu ini memang ada duit tetapi kerana syarikat anaknya tidak ada duit maka dia kata dia tidak mahu jalankan syarikat. Maka macam mana kalau dalam keadaan macam ini. Patutnya pemaju ini di'punish'. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang saya faham. Itu sebabnya saya kata kita sedang cuba melaksanakan satu sistem yang boleh benar-benar adil untuk menghukumkan pemaju yang benar-benar tidak berprinsip baik dan berprestasi baik. Dalam pada – ini memang satu – saya faham syarikat banyak dia syarikat sendirian berhad. Jadi dia punya liabiliti pun terhadap peringkat itu. Ini memang satu norm, bukan sahaja dalam perumahan dalam semua perniagaan yang lain pun macam itu dia satu syarikat hutang pada orang lain tetapi syarikat lain mungkin tidak ada hal. Ini dari segi undang-undang memang kita tidak boleh

melampaui satu batasan undang-undang. Tetapi macam mana pun saya sedang kaji dalam Kementerian saya macam mana tengok satu gambaran menyeluruh terhadap pemaju yang asal itu. Kalau nampak pemaju yang asal itu nampaknya tidak berapa bertanggungjawab saya rasa pada masa akan datang kita akan buat sesuatu untuk memastikan segala syarat yang kita kenakan sebelum lesen pemaju itu dikeluarkan akan memastikan dipatuhi dulu, adakan kelonggaran. Cara itu kita barulah boleh menjamin projek-projek yang akan datang. Sekarang saya memang dapat mengakui kalau projek-projek lalu yang sudah mula sejak dulu lagi susah untuk kita buat sesuatu untuk jadikan dia baik semula. Tetapi kita boleh mengelakkan, mencegah perkara ini yang sama daripada berlaku pada masa akan datang. Itulah satu perkara yang saya memang memberi tengah mencari satu jalan ...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan..

Dato' Ong Ka Ting: ...tetapi percayalah, percayalah kepada kementerian saya kita berhasrat hendak cari satu sistem yang berkesan dan tidak ada lari dari tanggungjawab. Dan kalau you kata saya sudah ada satu penyelesaian yang very good yang bagus sekali saya kata tidak ada tetapi sekarang kita sedang berusaha hendak dapat satu sistem yang paling baik. Sebenarnya saya ada banyak dialog dengan FOMCA dengan CAP dengan banyak kumpulan pembeli rumah dengan lawyer-lawyer yang selalu membela nasib pembeli rumah dan sebagainya. Banyak cadangan baik sudah diterima dan kita tengah ambil kira pandangan itu untuk dimasukkan dalam pindaan akta yang akan datang.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan jaminan yang diberikan oleh menteri sendiri bahawa akta akan dikaji semula sebab memang banyak masalah berhubung dengan akta yang tidak sempurna ini. Jadi saya ingin tahu dalam ulangkaji akta ini apakah definisi yang digunakan untuk mentakrifkan pemaju sebab seperti penjelasan yang timbul tadi memang ada satu masalah tentang kalau definisi pemaju terletak kepada syarikat sendirian berhad ataupun koperasi sahaja memang tidak mencukupi sebab memang ada ramai pengarah yang menganggotai syarikat-syarikat pemaju ini sendirinya secara peribadi ada masalah. Dia boleh membentuk satu syarikat di sini, makan duit, selepas gagal dia boleh bentuk satu 'show' company yang berlainan untuk menjalankan satu projek di lain-lain negeri. Jadi saya berharap dalam ulangkaji ini definisi pemaju haruslah

merangkumi perseorangan termasuk pengarah-pengarah harus memikul tanggungjawab ataupun tindakan undang-undang apabila timbul masalah dalam projek-projek yang mereka majukan. Sekian.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tengok lebih lanjut daripada itu. Saya pun tahu kalau seseorang itu dia tidak jujur dia sudah gagal dalam satu projek perumahan orang itu tidak mungkin tidak akan letak nama dia di syarikat lain dia akan letak proksi. Saya tengok lebih jauh daripada itu. Maknanya orang yang pandai menipu ini dia banyak cara. Dia lebih pandai daripada kita. Jadi macam mana pun akta ini tetap dijalankan dan saya beri jaminan masa kita draf akta ini pun buat kali pertama saya tidak bagi akta ini hanya di draf oleh pegawai dan jawatankuasa 'drafting committee' ini telah diwakili oleh FOMCA, CAP Penang Consumer Association dan juga beberapa orang peguam yang sentiasa berdiri tegas terhadap pembeli dan juga ada profesional bodies yang tahu industri perumahan ini. Macam mana pun bila siap nanti kalau sudah clear kita akan masukkan akta ini ke Parlimen. Masa itu banyak peluang kita boleh bincang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga cadang untuk mewujudkan Rang Undang-Undang Bangunan Harta Milik Bersama bagi menyenggara bangunan bertingkat yang sebahagian daripada Yang Berhormat telah sentuh tadi iaitu bangunan pecah bahagi di mana elemen sinking fund dimasukkan. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menjaga kepentingan hak pembeli sebelum hak milik strata title dikeluarkan dan penyelenggaraan bangunan diambil alih oleh pengurusan bangunan yang ditubuhkan ataupun management corporation. Sungguhpun begitu kerajaan juga sedar terdapat pemilik-pemilik rumah terutamanya yang mendiami rumah pangsapuri bangunan dipecah bahagi yang tidak menjelaskan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri
..... Kota Melaka.

Dato' Ong Ka Ting: Nanti saya habiskan ini dulu. Tidak menjelaskan bayaran perkhidmatan service charges menyebabkan kekurangan kewangan kepada pemaju untuk menyelenggara bangunan berkenaan dan lanjutan daripada itu timbul masalah kewangan tidak dapat dikendalikan dengan baik dan kelihatan kotor.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini cuma untuk cadangan 'Kementerian Perumahan'. Adakah Yang Berhormat menteri sedar bahawa terdapat banyak rumah pangsa di

mana persatuan-persatuan penduduk-penduduk tidak berfungsi dengan baik dan langsung tidak ada kutipan sinking fund dan lama-kelamaan apabila tangki sudah jadi karat sistem wayar pun sudah teruk tidak ada apa-apa langkah diambil oleh mereka ataupun pihak kerajaan untuk mengelakkan sesuatu yang tidak baik akan berlaku. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian dalam kes-kes seperti ini.

Dato' Ong Ka Ting: Saya setuju banyak rumah pangsa ada masalah ini dan saya sendiri telah menemui beberapa kumpulan pembeli ataupun penghuni yang menghadapi masalah dan saya dapati undang-undang pada masa ini memang tidak boleh kita buat apa-apa terhadap pemaju. Tetapi saya telah pernah panggil pemaju yang berkenaan untuk runding di depan penghuni dan di situ nampaknya secara administrative kita boleh nasihatkan pemaju supaya dengan izin go a little bit out of the way. Bantu, jangan selalu kata saya terima wang dulu baru saya hendak buat sesuatu. Jadi saya pernah sendiri menjadi orang perantaraan untuk dua-dua pihak nampaknya soal pokok di situ ialah dua-dua pihak tidak percaya satu sama lain dan penghuni kata bila saya sudah bayar wang itu wang itu tidak tahu guna untuk apa sebab dia tahu dia punya pemaju boleh percaya kah atau tidak dan pemaju pula mengadu pada kita wang itu tidak dapat dikutip hanya separuh maka tidak boleh bagi perkhidmatan yang sewajar. Walau bagaimanapun ini pun satu perkara yang sedang kita cuba

Tuan Kerk Kim Hock: Pembetulan sahaja sedikit. Yang saya maksudkan bukan dia perselisihan di antara pemaju dan pembeli-pembeli. Yang saya maksudkan ialah kes-kes di mana pemaju telah melepaskan tangan dari segi undang-undang dan sebenarnya mereka harus melepaskan tangan. Yang saya maksudkan seperti di Melaka ada rumah pangsa Taman Unla di Kampung Lapan, rumah pangsa di lain-lain tempat di mana sememangnya tanggungjawab untuk membuat penyelenggaraan itu tertakluk kepada persatuan penduduk. Yang sebenarnya pun tidak dapat berfungsi dengan baik dan penghuni-penghuni semua enggan membayar. Jadi lama-kelamaan sinking fund pun tidak ada. Dan bila tangki sudah jadi karat dan rosak itu sudah menimbulkan satu masalah yang serius dan saya tidak dapat tahu siapa yang boleh membantu mereka sama ada local government atau mereka sendiri. Dan saya cuba mengorganise mereka pun tidak dapat berbuat demikian oleh kerana lama-kelamaan

penduduk-penduduk telah hilang keyakinan terhadap satu kesalahan itu. Jadi apakah langkah yang boleh diambil oleh 'Kementerian Perumahan'.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak bincang masalah secara spesifik banyak, tetapi saya ambil perhatian hendak tengok apa cadangan yang boleh kita buat, saya akan kaji apa yang dibangkitkan itu. Tetapi hari ini kalau setiap Yang Berhormat hendak bangkit satu, dua masalah memang tidak sempatlah. Saya menghargailah hasrat hendak bangkitkan masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rasa tidak puas hati pembeli akibat kawasan persekitaran yang berpunca daripada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan perumahan mereka adalah memang diawasi, di mana setakat ini pengiklanan jualan rumah yang diiklankan oleh pemaju memang sepatutnya menunjukkan lokasi dan juga bangunan-bangunan yang berhampiran untuk kemudahan pembeli. Walau bagaimanapun kementerian saya akan memberi perhatian terhadap perkara yang seperti ini.

Dalam hal ini kementerian saya juga sentiasa mengadakan pendidikan kepada pengguna melalui media massa seperti akhbar, radio, televisyen dan lain-lain dan pada masa akan datang melalui juga kita punya web site untuk memberi pengetahuan yang lebih kepada semua orang awam.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ong Ka Ting: Selain daripada itu juga yang hendak dibangunkan adalah berdasarkan kesesuaian dan telah mengambil kira masalah-masalah berikut - saya ingat sudah banyak, ramai menteri hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ingin saya maklumkan kita ada 14 kementerian sedang menunggu berucap.

Dato' Ong Ka Ting: Tidak ada masa, ya, saya faham, ada lagi peluang yang lain, jangan bimbang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi ini berkaitan dengan pendidikan terhadap pembeli rumah. Satu kali lagi.

Dato' Ong Ka Ting: Tidak apalah saya akan beri peluang kemudianlah, bagi saya habiskan yang ini, ramai sangat menteri, semua tunggulah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu IWK, kerajaan telah melantik syarikat juruperunding untuk mengkaji keseluruhan khidmat pembeztungan dan membuat syor kepada kerajaan. Kerajaan telah pun mengambil kira pandangan-pandangan semua pihak mengenai IWK. Kerajaan akan buat keputusan selanjutnya selepas kajian tersebut selesai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Shah Alam telah membangkitkan isu berhubung tapak pelupusan sisa buangan dan masalah banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar penghasilan sampah bagi kawasan Majlis Perbandaran Ipoh adalah dianggarkan sebanyak 400 - 450 tan sehari - kuat buang sampah. Peruntukan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Ipoh bagi pengurusan sisa pepejal ini dianggarkan sebanyak RM14 juta satu tahun. Kementerian ini menyedari akan masalah yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Ipoh dan pihak berkuasa tempatan yang lain di seluruh negara dalam menguruskan sisa pepejal kerana tapak pelupusan sedia ada tidak lagi mencukupi pada masa akan datang.

Pihak-pihak berkuasa tempatan sedang mencari tapak pelupusan baru bagi menggantikan tapak pelupusan yang sedia ada. kKementerian saya akan berusaha mewujudkan peruntukan pembangunan bagi pengurusan sisa pepejal di dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi membantu pihak berkuasa tempatan meningkatkan kemudahan pengurusan sisa pepejal di kawasan masing-masing. Kerajaan juga bercadang memperkenalkan konsep tapak pelupusan wilayah yang lebih sanitari dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung masalah banjir kilat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menjawab dengan panjang lebar dan saya memang setuju apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian kerana kementerian saya tetap bekerjasama dan Jawatankuasa bersama antara dua kementerian telah pun dijalankan dan dalam pada itu kementerian saya juga dalam mengambil tindakan susulan terhadap semua keputusan yang telah dibuat oleh Kabinet dan juga apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab perkara-perkara yang dibangkit semasa perbahasan. Kalau masih ada mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab saya jamin ia nya akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

3.45 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan, Pendang, Tambun, Bentong, Klang, Kota Melaka dan Seputeh yang telah bangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan isu penutupan syarikat 'Applied' Magnetic Sdn. Bhd. di Pulau Pinang. Syarikat itu dimiliki 100% oleh pelabur Amerika Syarikat. Ia mula beroperasi di Pulau Pinang pada tahun 1998. Sehingga awal tahun 1999, syarikat itu telah menggajikan seramai 2,900 orang pekerja. Syarikat tersebut telah mengalami kerugian sejak tahun 1998 dan sungguhpun langkah diambil oleh syarikat untuk memulihkan perniagaannya tetapi telah gagal dan tidak berhasil.

Berikutan dari tindakan liquidation terhadap syarikat induk di Amerika Syarikat, pihak pengurusan Syarikat 'Applied' Magnetic Sdn. Bhd. di Pulau Pinang terpaksa menutup perniagaannya dan memberhentikan seramai 2,100 orang pekerjanya pada 19 Januari 2000. Bagi membantu para pekerja terlibat untuk mendapatkan faedah-faedah tamatan perkhidmatan yang mereka layak terima, Jabatan Buruh Pulau Pinang di bawah Kementerian Sumber Manusia telah merekodkan tuntutan daripada 1,380 orang pekerja yang diliputi di bawah Akta Kerja 1955.

Berikutan tuntutan itu Mahkamah Buruh Pulau Pinang telah mengeluarkan perintah persetujuan, Concern Order pada 11 Februari 2000 terhadap syarikat tersebut supaya menjelaskan faedah-faedah 'termination benefits', dengan izin, gaji ganti, notis pendapatan dan elaun bersalin berjumlah keseluruhannya RM80.426 juta kepada 1,382 orang bekas pekerja syarikat. Syarikat 'Applied' Magnetic Sdn. Bhd. masih belum menjelaskan bayaran yang diperintahkan. Memandang keadaan tersebut, pekerja yang terlibat telah dinasihatkan berkenaan hak-hak mereka untuk menguatkuasakan perintah Mahkamah Buruh di Mahkamah Sivil menerusi tindakan saman si hutang 'judgement debtor summons' atau Notis Penghakiman atau

'garnishment', perintah itu telah didaftarkan di Mahkamah Majistret pada 3 Mac 2000.

Di samping itu Jabatan Buruh Pulau Pinang telah mengendalikannya tuntutan 78 orang lagi bekas pekerja syarikat yang sama, yang mana kes itu telah didengar pada 2 Mac, Syarikat 'Applied Magnetic Sdn. Bhd. telah diperintahkan membayar bayaran faedah 'termination benefits', gaji ganti notis, elaun bersalin dan baki gaji bulanan bagi bulan Januari 2000 berjumlah keseluruhannya RM282,969 kepada 78 orang bekas pekerja.

Bagi membantu bekas pekerja-pekerja syarikat tersebut mendapat pekerjaan lain Kementerian Sumber Manusia telah menghubungi beberapa buah syarikat multi nasional di Pulau Pinang untuk meninjau peluang-peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan kepada bekas pekerja-pekerja berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Bagan bangun.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sedikit sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Masalah pokok ini, memang pekerja-pekerja ini gaji mereka telah terhutang tetapi dalam sesebuah 'penggulangan' syarikat selalunya pekerja-pekerja ini tidak dapat gaji mereka yang berbaki kerana dalam Akta Syarikat semua hasil-hasil dari lelongan dibayar kepada bank-bank iaitu secured loan. Apa-apa yang ada secured, ada guarantee maka hutang itu dibayarlah dahulu. Selepas bayar secured loan itu apa yang tinggal, yang baki, baru dapat dibayar kepada pekerja-pekerja.

Dalam kes seperti yang saya sebut tadi itu, berapa ratus-ratus ribu gaji dan benefits patut dibayar kepada pekerja tetapi selepas bayar secured loan, semua tidak ada. Jadi adakah kerajaan mahu meminda Akta Syarikat ini supaya gaji pekerja-pekerja juga dapat perlindungan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat bagi Bagan tidak hadir pada pagi ini. Saya sudah bawa pindaan akta tersebut untuk bacaan kali pertama pagi ini. Dan saya haraplah dengan sokongan semua kita boleh pindaan akta tersebut yang membawa maksud yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang membangkitkan isu gaji rendah. Gaji upah di negara ini ditentukan oleh Kuasa Pasukan Buruh (Labour Market Forces) yang bergantung kepada tawaran dan penerimaan antara majikan dan pekerja. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia akan terus memberi bantuan kepada kesatuan sekerja dalam proses mereka bincang dengan pihak majikan untuk menentukan perjanjian bersama (collective agreement) supaya pihak pekerja dibayar dengan gaji yang adil dan boleh menjaga kebajikan mereka.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan isu faedah tamat kerja yang dibayar kepada pekerja adalah rendah dan meminta Akta Kerja dikaji semula. Kadar faedah, *termination benefit*, dengan izin yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Kerja 1980 dibuat di bawah Akta Kerja 1955 adalah merupakan kadar yang minimum. Kadar ini telah ditetapkan setelah Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan khas dengan beberapa pihak termasuk pertubuhan majikan dan pertubuhan pekerja dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak.

Penetapan kadar faedah itu juga telah mengambil kira kemampuan pihak yang perlu membayarnya dan juga suasana ekonomi dan pelaburan negara. Bagaimanapun Kementerian Sumber Manusia sedia menimbangkan cadangan untuk memperbaiki kadar faedah (termination benefit) yang sedia ada. Bagi syarikat yang mempunyai perjanjian bersama dengan kesatuan sekerja atau syarikat-syarikat yang berkemampuan membayar kadar faedah (termination benefit) yang lebih baik daripada apa yang ditentukan di bawah akta, mereka digalakkan berbuat demikian. Ini bererti bahawa pihak majikan dan pekerja yang berkesatuan adalah bebas untuk menetapkan kadar faedah (termination benefit) yang lebih baik daripada yang diperuntukkan menerusi perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan gesaan supaya kerajaan

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri....

Datuk Dr. Fong Chan Onn:mengkaji semula Akta Kerja 1955....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong bangun.

Datuk Dr. Fong Chan Onn:Ahli Yang Berhormat dari Bagan ya.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat yang mengatakan bahawa pihak yang berkesatuan boleh membuat keputusan melalui kesatuan tersebut. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan di sini, berapa peratus pekerja di Malaysia ini sekarang ada menyertai kesatuan kerana itu memang penting. Kalau 5% sahaja pun, tidak akan jadi apa-apalah di negara ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya jawab soalan itu secara bertulis kerana sungguhpun ada sebahagian besar syarikat-syarikat yang mempunyai kesatuan tetapi saya tidak ada peratus dengan tetap yang....

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin ada 10% pekerja.....

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Lebih dari itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri akan jawab bertulis.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana, tak payahlah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Ya. Lebih dari 10%. Saya tidak ada rekod yang *exact figures*lah.

Berhubung dengan gesaan supaya kerajaan mengkaji semula Akta Kerja 1955 agar masa depan pekerja lebih terjamin, adalah menjadi dasar Kementerian Sumber Manusia untuk sentiasa mengkaji kesesuaian peruntukan undang-undang di bawah pentadbirannya, kali terakhir Akta Kerja 1955 dipinda adalah pada tahun 1998 berdasarkan keadaan ekonomi pada ketika itu.

Dalam hubungan ini, saya telah membuat bacaan pertama pada pagi ini, membentangkan pindaan Akta Kerja 1955 yang bertujuan memantapkan beberapa peruntukan akta tersebut. Di samping memberi perlindungan yang mencukupi kepada pekerja, undang-undang buruh perlu juga mengambil kira kepentingan majikan agar ianya seimbang dan tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kelang membangkitkan isu majikan yang memotong gaji pekerja untuk caruman PERKESO tetapi gagal membayar caruman itu. Ingin dijelaskan bahawa pada masa ini, PERKESO melaksanakan 2 skim insurans sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan

Skim Pencen Kilat (Invalidity Pension). Di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan, pekerja layak mendapat apa-apa faedah yang disediakan, tidak ada apa-apa syarat kelayakan caruman diperlukan asalkan kes itu adalah satu kes bencana kerja seperti yang dimaksudkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, pekerja yang terbabit atau tanggungannya tetap mendapat faedah-faedah yang layak diterima walaupun majikan atau pekerja yang terbabit atau kedua-duanya belum lagi berdaftar dengan PERKESO pada masa bencana kerja itu berlaku.

Bagi Skim Pencen Kilat pula, memang ada kelayakan caruman ditetapkan untuk melayakkan seseorang pekerja atau tanggungannya, pendapatan faedah yang disediakan di bawah skim itu. Namun demikian, jika ada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa majikan telah memotong gaji pekerja itu untuk caruman bulanan PERKESO tetapi gagal membayar caruman itu kepada PERKESO bagi sesuatu bulan, maka jumlah caruman itu akan diambil kira bagi tujuan syarat kelayakan caruman dan dari segi kiraan faedah.

Berdasarkan keterangan ini adalah jelas bahawa pekerja sedemikian tidak menanggung kerugian jika majikan gagal membayar carumannya. Pekerja atau tanggungannya tidak akan rugi semata-mata atas kesilapan atau kegagalan majikan membayar caruman itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan Yang Berhormat Tambun mengenai pemberhentian kerja yang meningkat secara mendadak, menurut rekod Kementerian Sumber Manusia, pemberhentian pekerja pada tahun 1997 adalah 18,863 orang dan pada tahun 1998 seramai 83,865 orang.

Walau bagaimanapun, angka pemberhentian pada tahun 1997 tidaklah menggambarkan jumlah sebenar pekerja yang diberhentikan memandangkan majikan hanya diwajibkan untuk melaporkan pemberhentian tersebut kepada Jabatan Buruh mulai 1 Feb 1998. Sebenarnya, peningkatan jumlah pemberhentian adalah berkaitan dengan prestasi ekonomi. Pada tahun 1998, negara menghadapi krisis kewangan yang melanda negara kita juga termasuk rantau Asia. Pada tahun 1999, ekonomi negara telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 4.3%. Selaras dengan itu, pemberhentian juga menurun 55.5% kepada 37,357 orang sahaja.

Selaras dengan itu, kita lihat peluang pekerjaan terus bertambah di pasaran buruh. Kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat meningkat 45.2% daripada 74,610 orang kekosongan pada tahun 1998 kepada 108,318 kekosongan pada tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tambun mengenai pemberhentian pekerja sektor bank, pada masa ini Kementerian Sumber Manusia belum ada menerima sebarang pemberitahuan daripada majikan sektor bank mengenai cadangan atau hasrat mereka untuk memberhentikan pekerja masing-masing atas alasan redundant.

Kementerian Sumber Manusia sedang membantu keadaan yang ada dan telah mengambil langkah-langkah yang sesuai termasuk mengadakan perjumpaan dengan pegawai Malaysian Commercial Bank Association dan NUBE untuk membincangkan isu-isu yang berkait dengan penggabungan bank tersebut. Malaysian Commercial Bank Association telah memaklumkan bahawa setakat ini tidak dapat dipastikan sama ada banyak kakitangan bank akan diberhentikan. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia akan terus mengadakan perbincangan supaya kementerian boleh memberi bantuan yang sewajarnya.

Bagi cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh mahukan supaya kod amalan mercegah gangguan seksual di tempat kerja dijadikan akta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peraturan tata tertib di tempat kerja juga boleh mengklasifikasikan gangguan seksual di tempat kerja sebagai salah laku yang boleh dikenakan tindakan tata tertib oleh pihak majikan dengan dikenakan hukuman yang berpatutan. Untuk menangani gejala gangguan seksual ini dengan lebih berkesan, pihak majikan boleh ambil kira aspek ini dalam syarat-syarat penggajian di syarikat masing-masing atau memasukkan syarat-syarat tersebut ke dalam perjanjian bersama atau collective agreement mereka. Walau bagaimanapun telah terdapat peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai gangguan seksual seperti dalam 'penal code' yang mana berlaku boleh didakwa di mahkamah dan juga Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat Menteri. Telah secara panjang lebar saya sebutkan dalam ucapan saya pada hari itu yang mana kod amalan ini sebenarnya tidak mempunyai, masalahnya adalah tidak mempunyai enforcement power. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang majikan boleh mengambil tindakan. Apa yang saya tahu daripada media Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa selepas setahun kod amalan mencegah dan membasmi gangguan seksual ini dilancarkan, hanya sepuluh syarikat di seluruh negara menerimanya. Ini sebenarnya menunjukkan yang kod amalan ini adalah satu 'lip service' dari kementerian sahaja kerana ia tidak diambil berat oleh para syarikat di negara kita dan malah agensi-agensi kerajaan dan termasuk Parlimen. Jadi itulah cadangan saya yang mana kalau kementerian mengambil berat tentang masalah gangguan seksual yang berlaku secara berleluasa di banyak tempat kerja, jadi ia seharusnya dijadikan sebagai satu akta dan dilaksanakan di dalam agensi-agensi kerajaan pun. Saya ingin mendengar pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap cadangan seperti ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia khususnya mengambil berat tentang kejadian gangguan seksual di tempat kerja. Sejak kita lancarkan kod amalan tersebut, sejak selepas pilihan raya dalam dua tiga bulan kebelakangan ini lebih dari 50 buah syarikat sudah menyertai kumpulan yang menerima kod amalan ini dan Kementerian Sumber Manusia akan terus mengadakan lebih banyak forum seminar untuk menggalakkan lebih banyak syarikat mengambil berat tentang perkara ini. Selain dari itu, Kementerian Sumber Manusia boleh mengguna kuasa 'pursua sion', dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak majikan boleh lebih prihatin tentang isu ini dan juga Kementerian Sumber Manusia dalam kes-kes yang dilaporkan boleh mencampurtangan dan juga boleh meminta pihak polis untuk mengambil tindakan dengan secepat mungkin. Saya rasa dengan tindakan seperti itu boleh menjadikan sebagai satu deterrent dan kami yakin bahawa bolehlah membaiki suasana di tempat kerja ini.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Namun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat Seputeh ini supaya itu dijadikan sebagai akta, Kementerian Sumber Manusia boleh kaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab tadi mengenai gangguan seksual di tempat kerja. Saya berterima kasihlah di atas pengakuan bahawa pihak kerajaan akan memberikan perhatian yang serius dalam soal ini kerana untuk menangani masalah ini bukanlah perkara yang mudah. Kita tahu bilangan wanita sendiri dari segi yang membuat dasar dan juga wanita yang terlibat untuk menentukan hukuman daripada aduan tak ramai, selalunya kalau tidak ada wanita dalam komiti atau jawatankuasa berkenaan, begitu juga dalam polis, tidak ramai polis wanita yang akan menentukan hukuman dan juga kajian mengenai aduan yang dibuat. Jadi dalam soal ini kami kaum wanita agak bimbang, walaupun ada aduan tapi tindakannya tak setimpal dengan apa yang kita harapkan. Ini menjadi masalah dan saya harap pihak kementerian akan dapat memberikan perhatian dalam soal ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Arau ini. Memang Kementerian Sumber Manusia prihatin bahawa gangguan seksual ini merupakan satu fenomena yang perlu diberi perhatian yang kuat supaya pekerja-pekerja kita sama ada lelaki atau perempuan boleh bekerja dalam satu keadaan di mana emosi mereka, sekuriti mereka terjamin dan mereka terus boleh rasa bahawa pihak majikan, kilang-kilang organisasi ada menjaga kebajikan mereka dan boleh terus mempertingkatkan tahap produktiviti.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bilakah kementerian Yang Berhormat akan melaksanakan yang sekurang-kurangnya kod amalan yang dilancarkan oleh kementerian di semua agensi-agensi kerajaan termasuk Parlimen supaya kakitangan kerajaan juga dilindungi sekurang-kurangnya dari segi kod amalan ini walaupun ia

sebenarnya tidak ada mempunyai enforcement power. Jadi ini adalah memang satu perkara yang penting dan saya juga merasa Yang Berhormat Menteri meletak terlalu tinggi harapannya terhadap majikan dalam syarikat yang menerima kod amalan itu yang kita tahu selalunya adalah majikan yang melakukan gangguan seksual terhadap pekerja-pekerja mereka. Jadi apa harapan yang boleh kita buat terhadap majikan yang mana mereka sebenarnya adalah pesalah dan selalunya seperti apa yang saya alami polis memang tidak begitu mengambil berat dan serius terhadap aduan daripada gangguan seksual.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, sudah cukuplah, Yang Berhormat Menteri faham apa yang dikatakan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan Pertama, bolehkah Kementerian Sumber Manusia memperluaskan kod amalan itu. Setakat ini Kementerian Sumber Manusia ada kuasa tentang tempat kerja di kilang, di ladang dan sebagainya, jadi yang lain itu bukan tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia namun demikian kami akan terus berbincang dengan pihak berkenaan supaya kod amalan itu dapat diambil kiralah da n....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nak berikan laluanakah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Okay, sikit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tambah sikitlah, terima Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan kod etika ini, kalau kuasa ataupun undang-undang tidak ada pada kementerian Yang Berhormat, tadi saya dengar ada cadangan supaya kod etika ini dipergunakan, diguna pakai pada semua peringkat termasuk di Parlimen. Jadi saya hendak cadangkan semua anggota wanita supaya menutup aurat supaya tidak timbul gangguan seksual, tak kiralah apa agama sekalipun. Jadi supaya tidak timbul gangguan seksual, takut-takut nanti ada yang salah tafsir walaupun ia tidak merupakan gangguan seksual. Pakai tudung umpamanya ialah supaya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kenapa Yang Berhormat ini perlu meminta ahli Parlimen wanita memakai tudung yang mana ini bukan agama dan budaya kita ini...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Eh, saya tak habis cakap lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dan ini menunjukkan Yang Berhormat ini memang tidak menghormati ahli Parlimen wanita yang ...*[Mikrofon dimatikan suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya belum habis cakap lagi. Ini satu perkara yang baik, cadangan, siapa yang nak pakai, pakailah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Suruh ahli Parlimen UMNO pakailah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tak, saya tak tuju sesiapa, untuk kebaikan kita semua, maknanya aurat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tak payah ucapilah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini memang sini memalukan mereka yang beragama lain ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh, atas apa peraturan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Cukuplah, cukuplah. Tuan Yang di-Pertua, sejak pelancaran kod amalan ini pada bulan Ogos 1999, jumlah aduan berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja diterima telah berkurangan kepada hanya 10 kes sahaja sehingga akhir Februari 2000 berbanding 16 kes sebelum pelancaran kod ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Batu Gajah bangun.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sikit sahaja ya.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri menyatakan jumlah kes aduan mengenai gangguan seksual telah menurun selepas diadakan kod amalan ini. Akan tetapi menurut satu laporan akhbar

pada 10 Mac 2000 Menteri sendiri menyatakan bahawa jumlah kes yang tidak dilaporkan sebenarnya telah bertambah. Apakah ini menunjukkan keberkesanan amalan tersebut di mana pada masa yang sama Menteri menyatakan bahawa jumlah kes di mana gangguan seksual tidak dilaporkan bertambah - victim of the sexual harassment clueless dengan izin, Tuan Yang di-Pertua?

Tambahan pula, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut atau Yang Berhormat Menteri boleh menjelas bahawa apakah masalah-masalah jenayah yang melibatkan wanita yang kalau 'memakai' aurat tidak melibatkan mereka dalam kes jenayah seperti rogol? Apakah ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut duduk!

Puan Fong Po Kuan: Saya sekarang minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab saya apakah itu cadangan yang logik sama sekali, kita tidak mahu menyatakan atas dasar agama. Kita hanya menyelesaikan apakah itu cadangan Yang Berhormat bagi Larut itu logik? Jika benar.....*[disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah cukuplah, cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Beri penjelasan sikit. Ini salah faham ini....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Larut!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya menyebut

Seorang Ahli: Cukup, cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dengar dulu, dengar dulu. Saya hendak buat penjelasan, cadangan. Saya minta supaya diperjelaskan. Maksud saya ada baiknya kita berpakaian menutup aurat, adakah salah? Saya ingat pembangkang PAS mungkin setuju. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dari apa yang kita tahu ramai wanita yang dirogol

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Berkenaan dengan ada soalan bahawa ada kes-kes yang tidak lapor memang benar. Tujuan kod amalan ini ialah untuk menjadikan

tempat kerja kita sebagai satu tempat yang lebih terbuka supaya simangsa itu dapat dibantu untuk membuat laporan. Jadi, kod amalan itu mewujudkan satu mekanisme dalaman supaya dia boleh dibincang dan dibawa secara terbuka. Dengan keadaan yang lebih open, lebih terbuka, lebih ramai akan membuat laporan dalam satu keadaan yang mereka rasa terjamin. Ini adalah tujuan kod amalan ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tadi membangkitkan pihak majikan rasa - erti majikan di sini ialah tempat kerja. Kita mahu jadikan tempat kerja itu lebih terbuka supaya pekerja-pekerja itu sama ada lelaki atau perempuan apabila mereka hadapi masalah berkaitan dengan gangguan seksual itu dapat satu keadaan yang terjamin. Mereka boleh membuat laporan melalui perbincangan dengan peer group dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kota Melaka supaya kerajaan memberi dorongan kepada kesatuan sekerja menjalinkan hubungan dengan Kesatuan Sekerja Antarabangsa, saya ingin menjelaskan bahawa kesatuan-kesatuan sekerja yang berdaftar di negara ini boleh bergabung dengan badan perunding atau badan yang seumpamanya yang ditubuhkan di luar Malaysia setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Sehingga 29 Februari 2000 sebanyak 84 kesatuan sekerja telah diberi kebenaran untuk bergabung dengan Badan Perunding Antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga telah mencadangkan supaya kerajaan menjalinkan hubungan rapat dengan Pertubuhan Antarabangsa seperti ILO, perlu dijelaskan bahawa sudah menjadi dasar kerajaan menjalinkan hubungan yang rapat dengan pertubuhan antarabangsa, misalnya ILO di mana Malaysia telah menjadi anggota ILO semenjak dari tahun 1957 lagi. Perwakilan Tripartite Malaysia telah menyertai setiap persidangan tahunan pertubuhan tersebut. Kita telah menyertai secara aktif di peringkat jawatankuasa atau plenary bertujuan untuk menonjolkan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap isu-isu perburuhan (labour issues) yang dibincangkan di persidangan-persidangan tersebut.

Pada bulan Jun 1999, di sesi ke 87 Persidangan Buruh Antarabangsa, Malaysia telah dipilih sebagai Titular Member of ILO Governing Body mewakili negara-negara ASEAN. ILO Governing Body merupakan satu badan yang bermesyuarat tiga kali setahun bagi menentukan aktiviti-aktiviti serta polisi bagi pertubuhan tersebut.

Hubungan rapat di antara kerajaan dan ILO sememangnya sudah sedia terjalin. Sebagai bukti Kerajaan Malaysia telah menerima bantuan teknikal dalam bentuk kewangan dan kepakaran. Pihak ILO telah menaja pelbagai seminar, bengkel selain daripada membiayai lawatan sambil belajar pegawai dari Malaysia untuk mengikuti kursus bagi meningkatkan kepakaran mereka. Kementerian Sumber Manusia juga telah menerima banyak fellowship tajaan ILO dari negara-negara rantau Asia Pacific untuk mempelajari bidang labour di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga turut menyertai perbincangan-perbincangan di peringkat serantau seperti ASEAN, Asia Pacific dan Persidangan Menteri-menteri Buruh Negara-negara Berkecuali untuk mengemukakan pendirian Malaysia berhubung dengan isu-isu perburuhan seperti usaha untuk mengaitkan perdagangan antarabangsa dengan piawaian perburuhan, kesan-kesan globalisasi ke atas peluang pekerjaan, cara-cara menangani kadar kemiskinan yang semakin meningkat disebabkan peluang pekerjaan yang berkurangan dan sebagainya. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini, yang mana tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia amat menghargai dan akan ambil kira cadangan mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. **Tuan Tan Kok Wai:** Minta maaf, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Tuan Tan Kok Wai: Gaji bulanan. Ini penting, ini penting. Perkara yang penting tidak dijawab, soalan saya tidak dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab, kata habis.

Tuan Tan Kok Wai: Gaji bulanan minimum pekerja-pekerja ladang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang tidak jawab akan diambil tindakan oleh kementerian. Jadi, Yang Berhormat Menteri, sila.

4.18 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Law Hieng Ding]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Mambong, Arau dan Permatang Pauh yang telah membangkitkan isu-isu yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2000 di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang isu-isu alam sekitar, sains dan teknologi. Perkara-perkara yang telah disentuh merangkumi dasar alam sekitar dan dasar biodiversity kebangsaan, kualiti alam sekitar, penguatkuasaan undang-undang, program penyelidikan dan pembangunan dan persekitaran masyarakat terhadap pentingnya pemeliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung pengubalan Dasar Alam Sekitar Negara saya ingin memaklumkan bahawa dasar ini telah digubal dan kini dalam pertimbangan kerajaan. Undang-undang alam sekitar telah pun wujud semenjak tahun 1975 lagi. Undang-undang ini dipinda dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan keberkesanannya serta memenuhi perubahan semasa bagi menjaga dan mengawal kualiti alam sekitar.

Sehingga kini sebanyak 23 peraturan untuk memperincikan prosedur dan standard kawalan pencemaran sedang dikuatkuasakan. Antaranya termasuk Peraturan EIA yang sememangnya disediakan sebagai keperluan supaya pemaju-pemaju projek menyediakan laporan kesan kepada alam sekeliling sebelum sesuatu projek itu dapat dipertimbangkan. Di bawah EIA, ada sebanyak 19 kategori projek pembangunan yang tertakluk kepada peraturan ini bersama-sama dengan peraturan yang lain yang dikaji semula mengikut perubahan semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan EIA laporan kesan alam sekeliling akan dikaji dan diputuskan secara terbuka. Ini bererti orang ramai yang berminat berkenaan projek tertentu diberi peluang untuk memberi pandangan serta teguran kepada projek itu sebelum ianya dikaji selidik oleh satu panel penilaian yang dianggotai oleh NGO, pihak swasta dan profesional lain selain daripada wakil-wakil jabatan kerajaan. Amaran Kerajaan Barisan Nasional ini telah mendapat pujian beberapa negara lain.

Di samping itu, kementerian ini memang mengetahui keperluan pertambahan bilangan sumber tenaga kerja di Jabatan Alam Sekitar. Usaha sedang dan akan digiatkan untuk menambahnya. Walau bagaimanapun, perkara ini akan sentiasa berlaku disebabkan pembangunan ekonomi negara yang begitu giat. Ini merupakan masalah yang timbul hasil kejayaan pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah termasuk kualiti alam sekitar. Apa yang pentingnya ialah kesedaran penglibatan bersifat bertanggungjawab semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang sendiri untuk bersama-sama membantu usaha-usaha kerajaan menjaga dan memelihara alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan khususnya yang melibatkan isu-isu alam sekitar sukalah saya memaklumkan bahawa di samping aktiviti-aktiviti yang sememangnya dijalankan oleh pihak universiti dan badan-badan penyelidikan di negara ini, kementerian ini turut menjalankan kajian penyelidikan khusus untuk melaksanakan undang-undang alam sekitar

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato Law Hieng Ding:kesan aktiviti pembangunan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh beri jalan Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tadi mendengar dengan teliti penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya berterima kasihlah di atas penjelasan yang disebutkan. Bagi saya isu alam sekitar ini adalah merupakan isu yang penting kerana kalau kita mengikut kajian kualiti hidup di dalam beberapa kategori, alam sekitar di mana Malaysia belum lagi dapat mencapai ataupun dapat memperlihatkan peningkatan daripada 1980 sehingga 1997.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato, saya bersetuju bahawa isu alam sekitar ini bukan sahaja kerajaan yang harus menjalankan peranan atau

mengambil tindakan. Ia harus mendapat kesedaran daripada semua pihak. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan supaya semua pihak, semua rakyat Malaysia menyedari bahawa soal sekitar ini menjadi tanggungjawab kita semua. Ini satu perkara yang penting saya rasa, tanpa kesedaran dan juga kerjasama daripada rakyat kita tidak akan mengatasinya.

Saya hendak mengambil peluang ini Yang Berhormat Dato untuk menyatakan ataupun meminta supaya pihak kementerian mengadakan Jabatan Alam Sekitar di semua negeri. Saya pernah bangkit semasa di Dewan Negara di negeri Perlis telah pun dijanjikan akan diadakan Jabatan Alam Sekitar tetapi saya tunggu sampai sekarang ini belum lagi diadakan. Saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian. Terima kasih.

Dato Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas minat dan teguran Ahli Yang Berhormat itu. Inilah semua ada dalam jawapan saya, kalau mengizinkan saya akan sampai maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dan akan terus menjalankan pelbagai program kesedaran dan pendidikan alam sekitar seperti:

- (i) Kem Wira Alam;
- (ii) kem-kem kesedaran;
- (iii) debate antara universiti;
- (iv) anugerah-anugerah alam sekitar untuk industri pemberita dan juga orang ramai;
- (v) bahan-bahan bacaan, risalah seperti Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling, majalah dan sebagainya;
- (vi) projek-projek riadah alam sekitar; dan
- (vii) dialog dengan badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta yang lain dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengawasan penguatkuasaan dan melicinkan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya, suka saya memaklumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan pejabat-pejabat wilayah di 16 tempat meliputi 13

negeri iaitu termasuk Perlis dan tiga pejabat wilayah iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Langkawi.

Usaha ini tidak akan berhenti di sini sahaja kerana kementerian ini bercadang untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan tambahan di negeri-negeri yang luas seperti Sarawak dan Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pengawasan dan pemantauan di kawasan terperinci pengangkutan udara seperti helikopter dan teknologi remotesensi akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang telah membangkitkan isu Intellectual Property Rights dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua merasa bangga kerana negara kita Malaysia merupakan salah satu daripada dua buah negara yang digelar kawasan mega biodiversity. Oleh sebab itu, kerajaan sedang mengambil tindakan melindungi IPR melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Akta Biodiversity Kebangsaan yang sedang digubal.

Dalam hubungan ini di bawah konvensyen kepelbagaian biologi telah memperuntukkan bahawa negara-negara yang mempunyai kepelbagaian biologi mempunyai hak mutlak atau sovereign rights dengan izin, ke atas kepelbagaian biologi tersebut dan negara berkenaan berhak untuk menentukan syarat-syarat bagi akses kepada sumber itu mengikut kehendak negara itu sendiri. Ini akan menjamin negara untuk melindungi sumber negara daripada pencerobohon pihak luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merupakan focal point, dengan izin, kebangsaan kepada konvensyen ini telah pun menyediakan draf Akta Asses kepada sumber-sumber biologi yang kini di peringkat ulasan dan pandangan agensi-agensi kerajaan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Dalam hal ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional di Sarawak yang telah mengenakan syarat ketat berhubung dengan akses kepada sumber kepelbagaian biologi negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang melibatkan

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, sekiranya pandangan, teguran atau cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tidak sempat disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dijemput.

4.31 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran yang membina dalam perbahasan ke atas Belanjawan 2000 yang menyentuh mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Baram yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan eco pelancongan, sukalah saya menyatakan bahawa kawasan kedua-dua Ahli Yang Berhormat memang cukup indah dan kaya lagi berpotensi sebagai destinasi bagi eco pelancongan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, eco pelancongan adalah istilah baru yang bermaksud pelancongan berdasarkan alam semula jadi dan yang setakat boleh mengelak merosakkan alam sekitar serta memperbaiki kerosakan yang tidak dapat dielakkan. Sukalah saya menjelaskan bahawa negara kita sudah pun mempunyai suatu pelan pembangunan yang menyeluruh mengenai eco pelancongan yang dipanggil Pelan Eco Pelancongan Kebangsaan. Pelan ini di antara lainnya mengesahkan bahawa eco pelancongan berkembang dengan pesat jika dibandingkan dengan semua bentuk pelancongan yang lain di Malaysia dan juga dunia.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 52 cadangan projek tertentu yang telah dikenal pasti dalam Pelan Eco Pelancongan Kebangsaan, 20 projek ataupun 38% adalah di Sabah dan di Sarawak iaitu 13 di negeri Sabah dan tujuh di Sarawak. Tempat atau kawasan yang disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat seperti di hilir Sungai Kinabatangan dan Lembah Malyu di Sabah dan Luwagan Bunut dan Bario, Dataran Kelabit di Sarawak adalah di antara yang telah dikenal pasti sebagai destinasi eco

pelancongan yang berpotensi dan menjadi keutamaan untuk dibangunkan dan dipromosikan.

Sementara itu pelan induk pelancongan Sabah pula telah mengenal pasti bahawa Gua Mantong adalah di antara destinasi pelancongan yang akan dipertingkatkan kemudahannya. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.4 juta untuk pembangunan di kawasan ini iaitu RM1.9 juta untuk projek eco tourism pembangunan sentuari hidupan liar, hilir Kinabatangan dan setengah juta ringgit untuk kemudahan pelancongan di tapak ekologi di Gua Batu Putih dan Tulup.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Justeru itu Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah sedang merancang dan akan melaksanakan pembangunan pelancongan di destinasi-destinasi ini dengan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pengurusan, aksesibiliti, latihan promosi dan pasaran di samping mengenal pasti kesesuaian dan potensi sungai-sungai di Sabah termasuk Sungai Langgap ke Enaran untuk dibangunkan aktiviti sukan air yang penuh cabaran dan selamat dan yang di antaranya seperti berkayak dan berperahu lasak.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pelancongan Sarawak juga turut mengenal pasti destinasi eco pelancongan yang mempunyai potensi untuk dimajukan dan dipromosikan sebagaimana yang terdapat dalam pelan Eco Pelancongan Kebangsaan. Sehubungan ini kementerian ini telah menyediakan sebanyak kira-kira RM15 juta kepada negeri Sarawak bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh di dalam usaha mempertingkatkan pembangunan pelancongan negeri. Sementara itu sebanyak kira-kira RM11 juta telah disediakan bagi dua tahun 2000, bagi tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri tentang ada satu perasaan yang tidak puas hati, yang timbul di kalangan orang Melayu khususnya, kita memang menyokong semua usaha kerajaan hendak memesatkan pelancongan atau kehadiran pelancong dari luar kerana itu menguntungkan negara. Dan ianya sebahagian daripada pendapatan negara, tetapi di samping kita menjual negara kita untuk menarik pelancong, apakah kita tidak boleh berubah daripada strategi yang di

antaranya menghina bangsa. Kalau pakai baju Melayu ini di hotel cuma yang layak 'nyambut' bawa beg pelancong.

Jadi, seolah-olah orang Melayu ini cuma tarafnya layak bawa beg sahaja. Kita pakailah baju Melayu, tanjak dan sebagainya, kadang-kadang sama dengan pakaian raja pula, tetapi itulah tarafnya. Jadi, apakah tindakan seperti itu agak membanggakan kita atau apakah itu tidak menjadi salah satu daripada cara-cara orang menghina Melayu? Itu yang pertama.

Yang kedua, sampai bila masanya atau sampai bila agaknya kita ini sentiasa mempertontonkan kepada orang asing kekunoan kita, pakaian tradisional kita yang separuh berbogel, pakai cawat, apakah kita hanya bangsa untuk tontonan pelancong luar di samping kita menghina bangsa kita sendiri, saya ingin sedikit ulasan Yang Berhormat Menteri, untuk kalau boleh mengubah sedikit paradigma fikiran kita ini supaya kita jangan duduk di takuk lama dalam mencari sesuatu perkara tetapi kadangkala secara tidak langsung menghina bangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menjawab kepada perkara-perkara yang khusus, spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat – masih belum habis lagi. Namun demikian, secara ringkas saya ingin menyatakan bahawa memang sekarang ini kita telah pun ada suatu konsensus di kalangan pihak-pihak industri pelancongan, supaya kita akan memberi suatu identiti baru kepada hotel-hotel kita yang saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat tidak akan menghina bangsa kita yang berbilang kaum, malah sedikit sebanyak akan meningkatkan darjat rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

Saya minta izin untuk meneruskan jawapan kepada soalan-soalan yang spesifik yang telah dibangkitkan.

Di antara usaha untuk mempertingkatkan pembangunan kawasan ini termasuklah menyediakan infrastruktur seperti jeti dan jalan masuk penginapan board walks, pembangunan destinasi ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan pembangunan aktiviti-aktiviti pelancongan yang berasaskan culture, adventure dan nature, dengan izin, untuk mewujudkan satu pakej yang menarik untuk dipasarkan dan dipromosikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Baram juga menyentuh mengenai kekurangan promosi Malaysia di pasaran Eropah dan Amerika Syarikat dan menggalakkan pembangunan dan pelancongan yang berasaskan culture, adventure dan nature ataupun dengan ringkasnya CAN di Baram. Kementerian ini melalui Tourism Malaysia telah menjalankan promosi yang aktif di pasaran tersebut melalui ia menjemput kerajaan-kerajaan negeri menyertai penyertaan pameran antarabangsa yang disertai oleh kementerian. Menganjurkan lawatan media, ejen dan tokoh korporat, krew perfileman untuk melawat destinasi-destinasi pelancongan. Menyebarkan maklumat-maklumat terkini dan brochure pelancongan melalui media cetak dan elektronik semasa sesi seminar, taklimat dan dialog pelancongan yang diadakan di pasaran Amerika Syarikat dan Eropah.

Sepanjang tahun 1999, sebanyak 127 pameran antarabangsa telah disertai oleh Tourism Malaysia dan 95 seminar dan dialog pelancongan telah diadakan di pasaran Amerika Syarikat dan Eropah melalui Ibu Pejabat dan Pejabat Tourism Malaysia di luar negara. Program-program yang diaturkan adalah bertujuan untuk mempromosikan destinasi pelancongan tempatan, menggalakkan penjualan pakej-pakej pelancongan dan value for money jika dibandingkan dengan negara-negara jiran dan kita telah pun mempromosikan seluruh negara termasuk Sabah dan juga Sarawak.

Pada masa yang sama, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak NGO tempatan seperti persatuan agensi-agensi pengembaraan dan perjalanan (MATA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), syarikat penerbangan dan lain-lain persatuan dengan bertujuan mempromosikan destinasi pelancongan dan mampu bersaing dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh berkenaan dengan promosi pelancongan domestik negara perlu ditingkatkan. Sehubungan ini sukalah saya memaklumkan bahawa program khusus yang dijalankan untuk mempromosi dan menggalakkan pelancongan domestik ialah melalui kempen yang bertemakan 'cuti-cuti Malaysia'.

Di samping itu program-program yang disediakan untuk menarik pelancongan asing seperti 'bulan citrawarna Malaysia', 'Pesta Air Nasional' dan bulan-bulan jualan hebat, grand sales turut meningkatkan pelancongan domestik.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Sadong dan Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun menyentuh tentang kecintaan terhadap budaya dan kesenian bangsa. Bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Saya yakin keikhlasan dan ketelusan kedua-dua Ahli Yang Berhormat akan memberi galakan kepada semua pegawai dan kakitangan kementerian untuk terus berusaha meningkatkan program-program pembangunan kebudayaan dan kesenian di negara ini. Kebudayaan hendaklah dilihat dari sudut yang lebih menyeluruh dan tidak disempitkan kepada aspek hiburan semata-mata.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab membangunkan kebudayaan di Malaysia, kementerian ini telah, sedang dan akan terus memberi perhatian terhadap usaha-usaha meningkatkan pembangunan kebudayaan. Usaha-usaha yang meliputi aspek penyelidikan, pemuliharaan, pengembangan, penggalakan, pembangunan infrastruktur kebudayaan, meningkatkan program perhubungan kebudayaan di peringkat antarabangsa dan lain-lain akan tetap menjadi agenda pembangunan kebudayaan.

Usaha-usaha ini meliputi pelbagai golongan sasaran kerana adalah menjadi hasrat kita sesuatu pembangunan kebudayaan yang sihat, yang dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat seperti kanak-kanak, pelajar sekolah di pelbagai tahap, remaja, belia, orang dewasa mahupun golongan istimewa. Ini adalah bersesuaian dengan pendekatan culture for all, kebudayaan untuk semua bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan dan kesenian.

Kementerian menyedari peranan yang dapat dimainkan oleh badan-badan sukarela kebudayaan di seluruh negara dalam usaha membangunkan kebudayaan. Kementerian sentiasa memberi galakan dan bantuan untuk memastikan badan-badan sukarela ini terus meningkatkan peranan bersama-sama dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat menyebut bahawa kerajaan memang menggalak kepada untuk menghidupkan kebudayaan kesenian. Cuma saya hendak minta penjelasan di sini, apakah ada satu garis panduan bentuk kebudayaan

kesenian khususnya melalui penganjuran pesta-pesta hiburan yang mana yang seharusnya diketengahkan kepada masyarakat supaya jangan bertentangan dengan agenda-agenda lain yang kita lakukan dalam usaha untuk memupuk kehidupan masyarakat yang lebih berakhlak dan sebagainya. Saya tunjuk contoh di sini, ekoran daripada sambutan pesta alaf baru yang ekoran daripada itu, ada satu kenyataan Yang Berhormat buat dalam akhbar yang mengatakan yang bahawa PAS bersifat hipokrat khususnya Yang Berhormat respon atas surat saya kepada Yang Berhormat dan saya rasa itu satu kenyataan yang tidak sewajarnya bagi kita bahawa kita sangat gembira untuk menghidup dan menggalakkan kebudayaan tetapi kebudayaan itu sudah tentulah kebudayaan dan kesenian, pesta yang sihat yang boleh membentuk keperibadian dan akhlak di kalangan masyarakat.

Sedangkan apa yang berlaku dalam Pesta Alaf Baru baru-baru ini, bagaimana kita mengimport kumpulan-kumpulan daripada luar – Spice Girl dan sebagainya yang membawa budaya-budaya yang tidak sihat dan akhirnya kita lihat macam tidak ada satu kawalan di dalam penganjuran pesta-pesta ini sehingga menularnya perkara-perkara yang sangat buruk di kalangan masyarakat kita. Sebab itu saya hendak minta penjelasan, guide line, pesta seperti mana yang harus kita lakukan supaya kita ada satu agenda, maknanya tidak lari daripada agenda-agenda yang lain sebab kita hendak memupuk - dalam masa yang sama, kita hendak memupuk akhlak di kalangan belia, moral di kalangan masyarakat kita tetapi dalam satu masa kita meruntuhkan mereka dengan program-program yang tidak menguntungkan. Jadi, sebab itu saya rasa Yang Berhormat kena tarik balik sebab PAS bukan hipokrit.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyatakan bahawa saya tidak pernah kata bahawa PAS itu hipokrit. Saya tidak menggunakan perkataan yang sehebat itulah, ya! Tetapi kalau surat khabar dia tulis macam itu, wallahu alamlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak baca ini dengan izin *“Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, , Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir menyifatkan PAS sebagai hipokrit dan membelakangkan manifesto pilihan raya parti itu apabila menentang acara sambutan alaf baru di negara ini...”*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Sedangkan di dalam manifesto kita walaupun kita sebut bahawa penggalakan menghormati agama, istiadat dan budaya tetapi kita mahu kepada kebudayaan-kebudayaan yang sihat dan saya rasa kalau laporan akhbar ini tidak betul, sepatutnya Yang Berhormat, kalau tidak mahu memohon maaf sepatutnya Yang Berhormat mengambil tindakan saman kepada akhbar ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita tak saman...kita ada kerja-kerja lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, kalau tidak bermaknanya Yang Berhormat kena minta maaf.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ha, 'tak pa'lah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: 'Tak pa'lah ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:menafikan bahawa Yang Berhormat
....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tak payah minta maaf kerana saya tak kata ya, macam itu

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini surat khabar kata?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:tetapi memang saya...saya...alah duduklah jangan dok berkelahi, duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dak, bukan berkelahi, kita....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Duduk, duduk, duduk, biar saya jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya...saya...saya

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Biar saya jawab...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya dah cukup dah dengar, biar saya jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ingin..ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa supaya Yang Berhormat dapat clear bahawa PAS sebenarnya tidak hipokrit dalam soal ini. PAS memang berkehendakkan kepada

pembudayaan..., peningkatan, penggalakan pembinaan kebudayaan yang sihat, budaya yang sihat di kalangan masyarakat kita. Bukan membawa budaya yang boleh meruntuhkan akhlak di kalangan masyarakat kita.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dah, saya dah faham dah. Biar saya jawab ya. Saya memang ada terima surat panjang dari Ketua Pemuda PAS mengenai perayaan New Year's Eve dan saya memang menjelajah merata-rata pada New Year's Eve itu kerana perayaan itu bukan dianjurkan oleh kerajaan. Perayaan itu banyak dianjurkan oleh pihak swasta – dalam hotel masing-masing dan sebagainya, ini adalah merayakan seribu tahun yang baru. Jadi, memang seluruh dunia merayakan hari itu cara besar-besaran, ia bukan new year's eve biasa dan ini memanglah satu perayaan orang Kristian, ya, Perayaan Christmas dan New Year's Eve dan kita tahu memang dah jadi tabiat New Year's Eve ini sungguhpun perayaannya perayaan orang Kristian tetapi di Malaysia ini orang lain pun kalau ada perayaan, dia masuk bersama untuk merayakan, lebih-lebih lagi perayaan New Year's Eve. New year tahun ini, perayaan itu besar-besaran dan ini diadakan di Sunway Lagoon..., oleh Sunway Lagoon, di Bintang Walk oleh syarikat-syarikat di situ dan di tempat-tempat lain, bukan dianjurkan oleh kerajaan, ya.

Ini saya hendak jelaskanlah dan di mana-mana saya pergi saya tidak nampak sesuatu yang keterlaluan. Memang perayaan itu besar betul-betul, lebih kurang setengah juta orang keluar. keluar di seluruhlah – dalam restoran, hotel-hotel, di tempat-tempat di jalan-jalan raya, di Dataran Merdeka, di KLCC untuk merayakan tetapi saya tidak nampak sesuatu yang terlalu keterlaluanlah, keterlaluan, ya. Kalaupun ada sesuatu yang dibenarkan oleh agama masing-masing, ya. Kita tidak boleh sekat misalnya ada agama orang-orang lain dia benarkan sesuatu, jadi kita tak boleh paksa dia ikut hal kita. Itu sahaja tetapi pada keseluruhannya saya tidak nampak sesuatu yang keterlaluan dalam perayaan itu tetapi bagi kebudayaan kebangsaan, memanglah founding fathers negara kita ini yang terdiri daripada pelbagai kaum telah memutuskan apa itu kebudayaan kebangsaan. Kebudayaan kebangsaan yang berasaskan kebudayaan rantau ini, Orang asal rantau ini. Ini semua kita sudah ada, sudah bersetuju lama lepas merdeka. Jadi, apa yang dianjurkan oleh kerajaan, insya -Allah Yang Berhormat, kita akan pastikan supaya ia tidak keterlaluan ataupun menjolok mata.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Walaupun mungkin program itu tidak dianjurkan oleh pihak kerajaan tetapi saya menyebut tadi bahawa kerajaan seharusnya ada satu pengawalan, pengawasan supaya perkara-perkara yang tidak elok itu tidak harusnya dibawa masuk, umpamanya seperti mana membenarkan kumpulan Spice Girl untuk masuk. Saya kira bahawa ini satu benda yang sangat kontroversi – dengan pesta minum araknya...

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...walaupun ada agama yang ...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: ...pohon penjelasan daripada

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Dia minta penjelasan daripada Menteri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Awat? Saya menteri pulakkah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak. Teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apa nama....pesta-pesta minum arak seperti mana yang didedahkan oleh akhbar berlori-lori arak di bawa ke...apa nama.....terminal satu Subang Airport yang saya kira walaupun ada agama yang mengizinkan minum arak tetapi tidak seharusnya dalam satu pesta yang sebegitu rupa yang akan membawa.....sebab bagi sayalah bahawa arak ini bila dah mabuk dia tak kira agama apa pun memang akan hancur, manusia itu akan hancur, dia punya pemikiran dia, akhlak dan sebagainya dan ini yang kita bangkitkan selalu supaya kerajaan mesti ada satu pengawalan, pene gasan dalam soal membawa masuk artis-artis asing dan sebagainya dan pengawalan terhadap program-program itu mesti ada syarat-syarat yang harus diberikan kepada mereka supaya soal budaya itu boleh dipupuk dengan budaya yang sihat, bukan budaya merosakkan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soal sama ada sesuatu kumpulan itu bertentangan budaya atau tidak adalah pemikiran dan pandangan masing-masing. Ramai rasa Spice Girl itu 'takdak' benda yang terlalu teruk sangat

mengenai kumpulan Spice Girl – ada yang lain pulak kata benda itu tak boleh, ini pandangan masing-masing, kita tak boleh impose pandangan kita kepada orang lain. Itu saya hendak minta....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Cukuplah kot....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dak, begini, begini, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Ini bukan soal pemikiran masing-masing dan sebagainya tetapi kita kalau sebagai sebuah kerajaan yang memerintah, ia harus mengenal pasti budaya mana, kumpulan mana yang boleh dibawa, yang boleh membawa menerapkan budaya yang baik tetapi kalau kita bawa kumpulan yang kemudiannya akan menjadi idola kepada masyarakat kita, pakai baju sekerat nampak pusat yang akhirnya menjadi ikutan kepada masyarakat kita, takkankah ini satu benda yang sihat dalam pembentukan kepribadian akhlak di kalangan anak-anak muda. Saya lihat bahawa akhirnya di Subang – saya lalu di situ, wanita-wanita muda-muda yang pergi itu pun pergi dengan style Spice Girl iaitu pakai baju sekerat ini *[Menunjuk paras dada]* Tutup tang dada kemudian nampak pusat. Jadi, takkankah ini benda yang dianggap oleh kementerian sebagai satu budaya yang baik, yang sihat kepada anak-anak muda kita?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Memang kita mengawal kalau ada kumpulan-kumpulan tertentu yang hendak datang ke negara kita, kita akan terpaksa minta kebenaran dan kita mengawal dan setahu saya Spice Girl pun belum lagi masuk ke Malaysia – belum lagi ada kumpulan Spice Girl masuk ke Malaysia, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Okay, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada sebelas kementerian lagi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, ya. Pada tahun 1999.....

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu lagi, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini saya amat berterima kasihlah kepada kementerian ini dan menterinya kerana prihatin terhadap

cadangan-cadangan yang telah kita kemukakan. Walau bagaimanapun perkara ini bukan sahaja kalau boleh diambil perhatian bahkan dalam jangka masa lima tahun ini pusat-pusat yang telah dikenal pasti bagi tujuan industri eco-tourism ini dapat diimplementasi dan 'direalitkan' kerana negara kita, salah satu penyumbang kepada kewangan negara adalah industri pelancongan. Jadi mudah-mudahan yang berhormat menteri ini bolehlah mengambil satu pendekatan untuk sekurang-kurangnya memajukan satu industri eco-tourism ini terutama sekali di kawasan saya di Kinabatangan, kerana kalau cuma diambil perhatian tetapi tidak ada tindakan-tindakan susulan akhirnya perhatian itu menjadi satu igauan bagi masyarakat kita khususnya masyarakat di Kinabatangan.

Dan terima kasih saya kepada menteri ini, dan nampak tadi ada perdebatan sedikit, jadi saya ingin tanya pula, bagaimana pendirian DAP berhubung dengan dakwaan ketua....., yakni Yang Berhormat bagi Pokok Sena berhubung dengan budaya-budaya tersebut. Adakah DAP juga setuju?.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Kita tidak ada masa, minta teruskan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Yang sebenarnya tadi saya sudah jawab

Tuan Chow Kon Yeow: DAP jawab boleh? *[Disampuk]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak payahlah. *[Ketawa]* Okay, saya cuma hendak menyatakan tadi saya telah menjawab bahawa kita bukan sahaja mengambil perhatian tetapi kita telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit di kawasan Ahli Yang Berhormat dan kita telah pun komited beberapa juta ringgit juga untuk beberapa projek di kawasan Kinabatangan. Mungkin tadi Yang Berhormat tidak ada di Dewan, mungkin *[Ketawa]*

Anyway, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1999, kementerian umpamanya telah menganjurkan 6 siri kursus pengurusan dan pentadbiran kepada badan-badan sukarela kebudayaan di 6 zon di seluruh negara. Kursus-kursus yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan badan-badan ini akan terus dilaksanakan pada tahun ini dan pada masa hadapan. Bagi meningkatkan ke fahaman masyarakat tentang Islam dan kebudayaan, kementerian akan meneruskan usaha-usaha memberi

penerangan dan melaksanakan program-program yang menggambarkan perhubungan antara kedua-dua, Islam dan kebudayaan. Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa lain yang pakar dalam bidang untuk bersama-sama merancang dan melaksanakan program.

Pada tahun 1999, kementerian ini dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan 4 siri seminar kefahaman Islam kepada 200 orang penggiat seni di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Pahang. Kita berharap program begini akan terus diadakan dan diperkembangkan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Lumut meminta kementerian meneruskan usaha memajukan Lumut sebagai destinasi pelancongan. Memandangkan kepada populariti Lumut dan Pulau Pangkor sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara, kementerian di bawah Rancangan Malaysia Keenam telah membelanjakan peruntukan lebih kurang sebanyak RM7.9 juta bagi menyediakan dan mempertingkatkan pelbagai kemudahan infrastruktur pelancongan di Pulau Pangkor. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula sebanyak RM3.2 juta telah disediakan bagi menyiapkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan pelancongan di pulau ini. Antara kemudahan-kemudahan yang dibangunkan adalah seperti menaik taraf jalan keliling Pulau Pangkor, menyediakan laluan pejalan kaki serta mengindahkan kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong seperti di kawasan Pasir Bogak, Telok Ketapang, Telok Nipah, menyediakan kemudahan *jungle tracking* dan kemudahan-kemudahan penginapan dan dewan mesyuarat.

Bagi Lumut pula, kementerian telah memberikan tumpuan kepada pembangunan bandar Lumut yang menjadikan pintu masuk ke Pulau Pangkor serta kawasan-kawasan pelancongan yang berpotensi yang berdekatan dengan bandar Lumut di dalam daerah Manjung, sebanyak RM12.13 juta telah dibelanjakan di kawasan Lumut di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pula sebanyak RM11.76 juta telah disediakan bagi menyiapkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan Lumut adalah merangkumi kerja-kerja mencegah hakisan pantai serta pengindahan bandar Lumut, water front dan pengindahan pantai Telok Batik, penyediaan penginapan di Lumut dan Telok Batik, pembinaan jalan-jalan pelancongan seperti jalan Telok Batik, Telok

Rubiah, jalan Segari, Pantai Pasir Panjang, Telok Senangin serta laluan Paya Bakau. Kementerian akan terus membantu kerajaan negeri bagi memajukan kawasan ini. Pada masa ini kementerian sedang menunggu cadangan projek-projek bagi kawasan ini dari kerajaan negeri bagi dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Dewan ini. Segala cadangan dan pandangan yang telah dibangkitkan itu akan diberi perhatian oleh kementerian dalam perancangan masa depan terutama dalam mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancong yang menjadi pilihan utama para pelancong serta untuk menjadikan sektor industri pelancongan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita mempunyai 11 lagi kementerian yang belum dijawab, yang sebenarnya kita patut menghabiskan jawapan-jawapan pada hari ini, dengan demikian saya bercadang hendak menyambung persidangan pada hari ini sehingga pukul 7.00 malam. Sekejap lagi akan dikemukakan usul ini. Kementerian Pendidikan.

4.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan setinggi penghargaan di atas minat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 khususnya yang menyentuh pelbagai perkara di dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Dalam masa yang terbatas ini tidak mungkin saya dapat memberi penjelasan sepenuhnya kepada semua isu yang dibangkitkan. Izinkan saya menjawab kepada perkara-perkara spesifik kerana terdapat beberapa isu telah diberi penjelasan di Dewan yang mulia ini ini semasa penggulungan Titah Ucapan DiRaja dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang hendak saya kemukakan ialah mengenai pembiayaan dan pinjaman pendidikan. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memilih isu pembiayaan dan pinjaman pendidikan khususnya di kalangan

pelajar institusi pengajian tinggi. Yang Berhormat Pendang telah menimbulkan isu pertukaran biasiswa kepada bentuk pinjaman. Ingin dijelaskan bahawa langkah ini diambil untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mendapatkan pembiayaan pendidikan pada masa akan datang.

Memandangkan jumlah pelajar yang memerlukan pembiayaan sentiasa bertambah dari tahun ke tahun sedangkan kerajaan tidak mungkin dapat membiayai sepenuhnya, maka pelajar dikehendaki membayar balik wang yang diberikan dalam bentuk pinjaman ini bagi membolehkan satu dana pusingan diwujudkan

Justeru itu, kerajaan berpendapat cadangan Yang Berhormat bagi Parit untuk memansuhkan bayaran balik pinjaman adalah tidak sesuai. Ini disebabkan bayaran yang dikutip balik dari pelajar akan digunakan untuk membiayai pelajar-pelajar yang lain. Namun demikian kerajaan masih menyediakan pembiayaan dalam bentuk biasiswa yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam. Biasiswa ini adalah untuk pelajar yang cemerlang dan mengikuti kursus dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi dan beberapa bidang teknologi tertentu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Marang agar pinjaman kepada pelajar tidak sepatutnya dikenakan riba. Perlu dijelaskan bahawa memang diakui setiap pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dikenakan kos pentadbiran sebanyak 4%. Bayaran ini adalah kecil berbanding kos pentadbiran sebenar dan ia dianggap sebagai sumbangan pelajar bagi meningkatkan keupayaan dana pinjaman yang akan digunakan oleh generasi pelajar akan datang.

Kerajaan memang menyedari mengenai tanggapan dan persepsi masyarakat umum yang mengaitkan kos pentadbiran dengan riba. Sukacita dinyatakan kementerian mengambil perhatian terhadap pandangan dan maklum balas dari masyarakat. Lantaran itu tindakan telah diambil dengan mencadangkan supaya kaedah pinjaman dibuat berdasarkan prinsip syariah yang akan digunapakai oleh semua pihak yang meminjam. Justeru itu kerajaan berhasrat untuk menawarkan pinjaman kepada pelajar pada tahun ini dengan menggunakan kaedah syariah.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, seramai 5280 orang pelajar dari Sarawak telah diberi pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak beroperasi pada 1 November 1997. Sehubungan itu, untuk

makluman Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Batu pinjaman PTPTN adalah terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira kaum dan lokasi pelajar bermastautin.

Sehingga 15 Februari 2000 jumlah pinjaman pendidikan yang telah diluluskan untuk IPTA dan IPTS berjumlah RM718.16 juta melibatkan 103,005 pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu mengkomersialkan pendidikan. Yang Berhormat bagi Marang menyeru....

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk yang lain. Saya memang tertarik wang yang dikeluarkan daripada tabung tersebut yang telah pun mencecah RM700 juta pada masa sekarang dan adapun galakan pelajar IPTS meminjam daripada tabung itu saya nampaknya Yang Berhormat bila dia jawab itu seperti 'embun jantan di atas daun' sahaja [*Disampuk*] Embun jantan. Sebab Yang Berhormat sendiri mengakui dia ada embun jantan. Dua minggu yang lepas bila dia jawab saya, dia ada kata dia tetap menjadi embun jantan. Saya pun tidak tahu apalah maksud dia.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat mempertimbangkan kerana krisis ekonomi sekarang walaupun daripada angka-angka nampaknya cerah, ada pemulihan tetapi pada hakikatnya belum lagi sampai ke sektor-sektor tertentu dan ada ramailah penuntut Malaysia yang masih di seberang laut yang tidak mampu bayar lagi walaupun ada melalui apa kaedah untuk menyelesaikan masalah mereka. Adakah yang kementerian itu bercadang untuk memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar di seberang laut untuk mengatasi krisis tersebut. Walaupun ada gejala-gejala itu pemulihan tetapi masih ada orang yang mengalami kesusahan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat. Kadang-kadang Yang Berhormat ini dia 'terkepong', dia dari Kepong dia terkepong pemikiran dia, kadangkala. Tadi dia sebut saya kata lembu jantan. Saya tidak pernah sebut saya lembu jantan.

Dr. Tan Seng Giaw: Embun jantan, embun jantan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oh! saya ingat lembu jantan. Embun jantan. Tidak apalah apa embun jantankah embun, apakah tidak apa tetapi..

Tuan Yang di-Pertua: Adakah embun betina ada kah? [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mungkin juga ini embun betina di sebelah ini di seberang sana ada embun betina mungkin. Sebab itu dia tanya soalan pun saya kadangkala dia cuba cuit-cuitkan saya.

Walau bagaimanapun mengenai pertimbangan mengenai dengan bantuan pihak kerajaan, bukan kita tidak memahami akan kedudukan hakikat pelajar-pelajar di seberang laut tetapi kita sudah mempunyai dasar bahawa kita hanya memberi dana pinjaman itu untuk penuntut-penuntut di dalam Malaysia sahaja yang menuntut di dalam Malaysia dengan mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Tetapi bagi mereka yang di luar negara kita sedang menimbangkannya. Tetapi walau bagaimana pun kita tidak ada lagi...., mahu kita beri ataupun tidak masih kita pertimbangkan.

Isu mengkomersialkan pendidikan. Yang Berhormat Marang menyeru agar pendidikan tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.

Saya terima kasih kerana jawapan tadi berkenaan dengan pinjaman yang tidak ditukar kepada biasiswa kerana hendak memberi peluang kepada lebih ramai pelajar-pelajar mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Cuma apa yang saya ingin penjelasan iaitu berkenaan dengan pendahuluan pinjaman di mana sekarang ini tabung ini hanya memberi pinjaman pendahuluan sebanyak RM1000 dan banyak aduan yang saya terima yang ibu bapa terpaksa membatalkan hasrat untuk menghantar anak belajar kerana pendaftaran pada hari pertama universiti itu lebih daripada itu yang kadangkala sampai RM3000. Jadi ibu bapa tidak mampu untuk menyediakan wang sebanyak itu kerana pendahuluan yang diberi hanya RM1000. Jadi sebab itu saya mencadangkan kepada tabung ini supaya dapat pinjaman pendahuluan ini diberi sama banyak dengan syarat atau dengan apa yang ditetapkan oleh pihak universiti iaitu pada hari pendaftaran, hari pertama. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi memang kita peka mengenai dengan itu, sebab itu Menteri Pendidikan kita yang baru telah mengeluarkan arahan supaya perkara ini

dipertimbangkan dan kita sedang mengambil langkah-langkah tertentu supaya mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun angka sama ada angka RM1000, RM2000, RM3000 atau beberapa ribu tidak dapat saya pasti di sini secara kasar. Walau macam mana pun, perkara ini kita sedang pertimbangkan secara serius bagi wang pendahuluan itu dan di sini kita tetap memberi jaminan pada tahun ini perkara-perkara seperti pinjaman ini tidak akan berbangkit lagi.

Yang Berhormat Marang menyeru agar pendidikan tidak seharusnya dijadikan bahan komersial dan kerajaan tidak sepatutnya mengkorporatkan universiti. Dalam konteks ini kita perlu memahami prinsip pengkorporatan IPT agar tidak timbul kekeliruan mengenai konsep “pengkorporatan” dan “penswastaaan”. Di bawah pengkorporatan, semua universiti akan kekal sebagai institusi pendidikan awam. Pengkorporatan bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya untuk membolehkan IPT itu menjana wangnya sendiri melalui penyelidikan, perundingan, mengkomersialkan hasil penemuan dan sebagainya.

Perlu ditegaskan bahawa pengurusan IPT berkenaan dikorporatkan dan bukannya diswastakan. Saya ulangi IPT berkenaan dikorporatkan bukannya diswastakan. Justeru itu, IPT yang dikorporatkan akan wujud sebagai sebuah badan yang bukan bermotifkan keuntungan dan akan terus menyokong usaha-usaha pembangunan, pendidikan dan penyelidikan di peringkat pendidikan tinggi.

IPT yang dikorporatkan diharapkan akan lebih berdaya maju dan akan membolehkan ia mengurangkan ketergantungannya kepada gran kerajaan untuk perbelanjaan operasi. Dengan ini kerajaan dalam keadaan biasa tidak perlu menambahkan peruntukan IPTA sebagaimana gesaan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Berhubungan dengan pengkorporatan universiti, kita mengharapkan apabila dikorporatkan kedudukan universiti akan bertambah baik tetapi ada di antara universiti saya lihat keadaannya baik dari segi pengurusan, dari segi pentadbiran sahaja.

Jadi maknanya pengkorporatan ini membolehkan pihak-pihak pentadbir mengadakan ataupun memperbaiki pejabat-pejabat mereka dengan begitu baik sekali. Tetapi kuliah-kuliah, pengalaman saya di Universiti Malaya umpamanya, bilik-bilik

kuliah amat teruk sekali, bilik-bilik pensyarah pun begitu juga. Sudah berapa lama Universiti Malaya dikorporatkan tetapi didapati bilik-bilik kuliah di Fakulti Sastera, umpamanya, di Fakulti Pendidikan sendiri di Universiti Malaya adalah amat teruk.

Saya baru-baru ini masuk ke sebuah bilik pensyarah di Fakulti Perubatan, biliknya itu, padahal pensyarah ini adalah peringkat pakar, pakar bedah, tetapi biliknya itu oleh kerana dia pensyarah tidak lebih daripada bilik penjaga setor sedangkan bilik canselor tengok begitu hebat sekali. Jadi apakah ini satu polisi pengkorporatan hanya pada pentadbiran sahaja tetapi dari segi akademiknya macam biasa. Minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Saya kira perkara apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi kita tetap mengambil perhatian secara serius dan di sini saya tetap beri jaminan pihak Kementerian Pendidikan kita tidak akan biarkan perkara itu berlaku dan saya sendiri beri jaminan untuk meninjau keadaan ini dan kita akan baiki keadaan sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Tetapi apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah bahawa pengkorporatan itu yang kita hendak kukuhkan ialah dari segi pentadbiran dalam masa yang sama juga kita hendak kekalkannya sebagai institusi pengajian tinggi awam yang kepunyaan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Seputih bangun, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa pengkorporatan itu bukannya penswastaan tetapi kalau kita ambil contoh Universiti Hospital yang mana ia telah dikorporatkan tetapi kita juga lihat yang mana kos ataupun perbelanjaan bagi pesakit yang menerima perubatan di hospital itu telah pun ditingkatkan dan saya juga menerima aduan daripada para pekerja di hospital tersebut bahawa mereka selalunya memang kasihan terhadap pesakit yang miskin.

Saya difahamkan yang Universiti Hospital itu di bawah Kementerian Pendidikan, jadi ini adalah mungkin satu aspek yang perlu diambil perhatian oleh kementerian Setiausaha Parlimen supaya yang pengkorporatan itu memang pengkorporatan dan bukannya satu nama untuk menutupi penswastaan dari segi pelaksanaannya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bolehkah Yang Berhormat beri apakah perbandingan harga lama dengan harga baru sebab boleh kita beri perhatian. Setahu saya peningkatan itu di mana-mana hospital kerajaan kita beri layanan yang sama cuma bagi mereka yang hendak memilih kepada pakar-pakar tertentu dan hendakkan bilik, itu ada mempunyai harga-harga tertentu bagi mereka yang mampu, bagi mereka yang tidak mampu tetap kita adakan perkhidmatan seperti hospital kerajaan yang lain.

Jadi saya berharaplah Yang Berhormat, saya tahu apa Yang Berhormat hendak bangkitkan selepas daripada ini dan kita hendak teruskan ini. Bukan saya tidak mahu, kemudian boleh kita bincang kalau Yang Berhormat ada kenyataan ataupun fakta yang jelas untuk kita beri perhatian.

Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat kita akan beri perhatian secukup-cukupnya, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional tetap prihatin kepada rakyat jelata, [*Tepuk*] dan kita juga tidak akan lupa janji kita dalam manifesto pilihan raya kita yang lalu.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat rakan saya. Soal pengkorporatan IPTA ini, yang selalu dibangkitkan sebelum ini ialah masalah kesan daripada pengkorporatan itu ialah bebanan yang terpaksa ditanggung oleh orang ramai, sama ada oleh pelajar ataupun oleh keluarga mereka, oleh emak bapa mereka. Apabila pengkorporatan itu berlaku kerajaan seperti melepaskan tanggungjawab dari segi peruntukannya sudah dikurangkan dan ini boleh dipastikan dalam Anggaran Perbelanjaan di mana peruntukan kepada IPTA-IPTA ini kebanyakan sudah dikurangkan.

Bermakna bahawa di sini pihak universiti diberikan hak untuk mencari sumber kewangannya sendiri. Akhirnya yang kita lihat sebagai satu contoh di Universiti Putra, berlaku sampai kepada peringkat parking motor, parking gerak pun kena, dicaj kepada pelajar-pelajar, malah untuk parking kenderaan pada masa konvokesyen yang akan datang, dia baru masuk, konvokesyen akan datang sudah dicaj, sudah dikenakan ke atas pelajar-pelajar. Ini yang sedang berlaku, saya baru dalam seminggu sahaja masuk ke Universiti Putra untuk menziarahi keluarga, anak saudara saya dan ini yang diberitahu, masalah ini diberitahu oleh pelajar-pelajar di UPM.

Oleh sebab itu inilah seharusnya diberikan perhatian oleh pihak kementerian bagaimana untuk memastikan bahawa pengkorporatan itu akhirnya tidak membebankan pelajar-pelajar atau emak ayah mereka yang seharusnya diberikan peluang yang lebih banyak kerana mereka menghadapi masalah kos kewangan, sekarang ini apatah lagi ekonomi pun masih belum pulih secukupnya. Sepatutnya kerajaan tidak seharusnya mengurangkan peruntukan kepada universiti dan pihak universiti tidak seharusnya mengenakan bayaran caj termasuklah juga penggunaan komputer dan sebagainya, semuanya dikenakan caj. Ini saya beri contoh di Universiti Putra sekarang berlaku.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat terlebih dahulu saya ingin menjelaskan mengenai pengkorporatan, sebenarnya konsep itu salah difahamkan lebih-lebih lagi apabila pihak parti pembangkang cuba gembargemburkan bahawa maksud pengkorporatan itu hendak disamakan seperti penswastaan. Maka sebab itulah di dalam pilihan raya yang lalu pihak pembangkang ke hulu ke hilir mencanangkan bahawa kerajaan ini akan mengenakan segala macam bayaran di dalam pendidikan anak mereka di pusat-pusat pengajian tinggi. Maka ramailah pihak yang tertentu mempercayai perkara-perkara seperti ini.

Jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Pokok Sena supaya balik ke kawasan masing-masing terutama sekali pihak daripada pembangkang balik ke kawasan masing-masing cubalah beri penerangan bahawa pengkorporatan itu sebenarnya bukan penswastaan. Bagi mereka yang tidak mendapat pembiayaan, mereka boleh pohon melalui dana.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bolehkah Yang Berhormat, saya habiskan. Kalau Yang Berhormat berdiri saya rasa terganggu sedikit.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Pasal tadi saya tidak menyentuh soal penswastaan, saya menyentuh soal pengkorporatan. Yang Berhormat dok pi melelong merata apa cerita. Saya tidak sebut soal penswastaan, yang saya sebut bahawa pengkorporatan, kesan daripada pengkorporatan membeban. Saya beri contoh apa yang berlaku di Universiti Putra.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab itulah saya hendak jelaskan dahulu, Yang Berhormat sabar dahulu, duduk dahulu.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tak payah dok ralit, saya tak sebut penswastaaan, saya faham.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kalau Yang Berhormat tidak duduk macam mana saya hendak jelas. Sebab bila sebelah sana, bila kita minta penjelasan kadangkala dia tidak bagi laluan, itu belum lagi jadi kerajaan, perangai pun dah kurang elok.

Jadi, macam inilah mengenai dengan pengkorporatan tadi, saya mahu teruskan, barulah Yang Berhormat dapat penjelasan yang sejelas-jelasnya. Sebenarnya pengkorporatan itu kita namakan dari segi bagaimana pentadbiran universiti itu hendak diadakan tetapi tidak ada niat kerajaan untuk mengenakan bermacam-macam bayaran ke atas seseorang penuntut itu dan kita tidak akan membebankan mana-mana penuntut yang menuntut di IPTA. Kita tidak akan lakukan demikian. Apakah kita ini bukan zalim kepada anak-anak generasi kita yang akan datang.

Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, itu soal lain. Bukan soal yuran, bukan soal pengajian yang Yang Berhormat hendak bangkitkan. Jadi, soal ini letak kereta ini semua sebenarnya Yang Berhormat ini, saya tidak tahula h – benda-benda yang remeh macam ini, dia hendak bawa di sini untuk bincang. Kita boleh selesaikan perkara itu dengan pentadbiran universiti itu dan kita akan selidik kalau apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu benar membebankan penuntut, membebankan sesiapa sahaja warga kampus itu, kita akan siasat dan kita akan mengambil segala langkah yang tertentu.

Jadi, Yang Berhormat janganlah bimbang kerana kita hendak sebutkan di sini bahawa kita adakan pengkorporatan di universiti bukanlah untuk membebankan rakyat, bukan untuk membebankan generasi kita yang akan datang. Jadi, saya berharaplah pihak sebelah pembangkang ingat perkara ini dan beritahulah, hebahkanlah perkara ini di seluruh pelosok Malaysia. [*Tepuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat sendiri pun dulu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: masa jadi Presiden Perkom dulu pun menentang juga pengkorporatan pada peringkat awal [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Masa jadi Presiden Perkom dulu pun menentang juga pengkorporatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada satu usul Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Selepas itu, kita macam itulah. Kita mula-mula kita bangkitkan juga masalah itu....

Tuan Yang di-Pertua: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu menunjukkan bahawa ada unsur-unsur yang

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:sedangkan apa yang saya bangkitkan ialah satu perkara yang realiti berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita tidak pernah mempolitikkan...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Itu bukan masalah remeh, itu masalah bebanan, itu keluhan.....pelajar-pelajar.**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu usul Yang Berhormat. Ada sesiapa yang hendak mengemukakan usul. Ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Sedang mencari, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:
Okay. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam”.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]:

Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam”.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Ya Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya mengikut peraturan hanya bercakap bila diberi jalan. Tidak macam kawan saya, Ketua Pemuda sebelah sana itu [*Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Pokok Sena*]. Sebagai Pemuda, apa itu etika yang ditunjuk dalam Dewan yang mulia ini.

Saya hendak bertanya, yang sebelah sana, dia selalu menunjukkan bahawa pengkorporatan ini tidak ada manfaat kepada kita, kepada negara. Saya yakin bahawa banyak manfaat yang kita dapat dalam sistem pengkorporatan atau kaedah mengkorporatkan universiti ini. Antara satu, adakah ini benar, minta penjelasan sedikit bahawa dapat ditingkatkan gaji atau tangga gaji pensyarah-pensyarah dapat dinaikkan dan juga banyak manfaat lain lagi. Mungkin Yang Berhormat dapat memperjelaskan manfaat daripada langkah kita mengkorporatkan universiti ini bukan menswastakan.

Macam sebelah sana, dia cuba gambarkan buruk benar pengkorporatan itu sebab dia hendak bersedia untuk Pilihan Raya Kecil Sanggang dan tadi dia pun batuk. Dia pun tanya saya, kalau batuk tu, tidak payahlah pergi ke Sanggang. [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat mengenai dengan pihak sebelah sana. Kadang-kadang bila kita minta masuk sedikit, dia tidak boleh. Sebab itu, saya dah kata tadi, pengkorporatan tadi ialah mengenai dengan pentadbiran universiti itu dan saya telah pun jelas, jadi saya tidak perlu ulangi lagi. Jadi, jangan salah fahamkan pengkorporatan itu bukan penswastakan.

Mengenai dengan tangga gaji, tadi pihak sana mengenai keadaan fizikal, Yang Berhormat Rompin mengenai gaji. Kita telah pun sediakan mengenai dengan tangga gaji dan telah juga ada membuat pertemuan dengan pihak kakitangan akademik dan juga kakitangan sokongan mengenai dengan perkara itu dan persetujuan telah pun dicapai. Tetapi buat setakat ini, oleh kerana pada masa yang lampau kerana kegawatan, maka kita terhenti sekejap. Walau bagaimanapun saya telah diberi jaminan bahawa kita akan meneliti itu secara serius dan bagaimanakah hendak kita jalankan persetujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa menyediakan kemudahan dan peluang pendidikan merupakan tanggungjawab sosial kerajaan. Kementerian Pendidikan menyedari bahawa pendidikan adalah pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam bentuk modal manusia yang menjadi agenda penting bagi mencorakkan masa hadapan negara. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat dakwaan bahawa kerajaan mencari keuntungan melalui pendidikan sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Marang.

Dalam hubungan ini, kementerian mempunyai alasan yang kukuh. Berdasarkan fakta-fakta hasil kajian kos oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, kajian tersebut menunjukkan bahawa kerajaan memberi subsidi yang tinggi kepada setiap pelajar ijazah pertama di universiti-universiti tempatan. Sebagai contoh, kes di Universiti Malaya, kos sebenar bagi seseorang pelajar, saya harap ini dapat perhatian daripada pihak Yang Berhormat yang bangkit tadi, seorang pelajar Perubatan ialah RM47,278 setahun dan pelajar hanya dikenakan yuran sebanyak RM1,800setahun.

Ini bermakna kadar subsidi kerajaan ialah RM45,478 setahun. Bagi kursus Pergigian pula, kadar subsidi kerajaan sebulan bagi setiap pelajar ialah RM36,102. Farmasi, RM12,390; Kejuruteraan, RM11,153; Undang-undang, RM10,489; dan Sastera RM8,251. Pada hakikatnya, kerajaan menanggung perbelanjaan yang sangat tinggi terutama apabila diambil kira kos seseorang pelajar semenjak memasuki alam persekolahan. Selain daripada menyediakan prasarana pendidikan, kita perlu maklum pendidikan di peringkat rendah dan menengah di negara ini adalah percuma. 'P E R C U M A' [Mengeja]Percuma!

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, yuran tahunan minimum yang dikenakan kepada murid di sekolah rendah dan menengah adalah untuk menampung kos pengurusan terutama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, pendemokrasian pendidikan. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang pendidikan yang seluas-luasnya kepada rakyat. Saranan Yang Berhormat bagi Bentong agar kerajaan menawarkan kursus-kursus yang lebih relevan dengan keperluan semasa di samping menambah institusi-institusi pendidikan teknikal seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar memang menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan.

Dalam hubungan ini, kerajaan berusaha untuk mengeluarkan sumber tenaga kerja berpengetahuan atau dengan izin, knowledge workers yang mencukupi untuk menjadi negara maju bagi mencapai Wawasan 2020.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini bersesuaian dengan konsep....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tun, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak berbalik sedikit kepada soal sekolah rendah dan sekolah menengah tadi, soal yuran dan sebagainya. Yang Berhormat sebut tadi untuk mengenakan kos tertentu tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa khususnya di sekolah-sekolah menengah apatah lagi di sekolah-sekolah asrama penuh di mana pelajar-pelajar yang berpeluang dipilih untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh ini, mereka terpaksa menyediakan sejumlah wang pendaftaran pada hari-hari kemasukan itu satu jumlah yang agak tinggi apatah lagi saya difahamkan hampir seribu lebih seorang umpamanya di Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak di Seremban, seribu lebih seorang bagi seorang anak penoreh getah dalam kawasan Pokok Sena. Dia dapat tawaran, dia terpaksa meminjam daripada orang-orang kampung, daripada rakan-rakan, dia bertemu dengan wakil rakyat, kita pun bagi sikit dan sebagainya, nak menggambarkan bagaimana susah dan sukar orang kampung bila dapat peluang tapi masalahnya dia tidak boleh, dia sukar untuk menyediakan kos tersebut dan ini satu perkara yang sangat membebankan termasuklah yuran

pendaftaran PIBG dan sebagainya sehingga saya hendak sebut pada Yang Berhormat pada tahun sudah ada seorang daripada kawasan saya yang dapat tawaran bukan sudah tahun 1998, dapat tawaran untuk memasuki sekolah berasrama penuh oleh kerana tak cukup peruntukan kewangan akhirnya ibu bapanya membatalkan hasrat dan peluang tersebut. Ini yang sedang berlaku.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat telah bawa perkara ini ke pengetahuan kami tapi perlu saya ingat di sini, tahukah Yang Berhormat bahawa sesetengah bayaran itu termasuk, kalaulah kita tolak itu semua termasuk baju dia, kasut dia, beg dia dan sebagainya dan kalau ini katalah kita tidak cari satu jalan untuk dapat satu barang yang murah bagaimana. Jadi soalnya sekarang tadi Yang Berhormat telah bangkitkan hanya seorang oleh kerana dia tidak dapat masuk sekolah asrama. Pada masa itu Yang Berhormat sudahpun mewakili kawasan itu?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya belum lagi. Tahun 1998 dan saya nak sebut di sini Tun,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti dulu. Yang Berhormat bagi jalan atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak, saya perlu bagi sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Nak bagi jalan atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini maklumat, ...

Tuan Yang di-Pertua: Nak bagi jalan atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak, tak, soalan tadi belum, saya akan...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Masa itu saya belum lagi sebagai ahli Parlimen Pokok Sena, masa itu Ahli Parlimen duduk sebelah sana, mungkin dia tak tahu buat kerjakah, makan gaji butakah wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, terima kasih, terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya nak sebut di sini bahawa ini tidak termasuk pakaian, tidak termasuk pakaian, ini resit yang ada kepada saya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak termasuk pakaian dan saya nak sebut bahawa nama pelajar, anak penoreh getah yang apa nama, yang ditawarkan

untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara Beseri, Arau Perlis, dia daripada Sekolah Kebangsaan Pokok Sena, dia mendapat apa nama, bernama Hasnizawati binti Hassan dari Kampung Bukit, Jalan Naka, Pokok Sena. Pekerjaan ayah dia ialah penoreh getah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia ditawarkan tetapi oleh kerana penyediaan wang yang tidak mencukupi terpaksa membatalkan. Sebab itu saya nak sebut di sini ialah apa salahnya...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Untuk mereka-mereka yang terpilih di sekolah menengah berasrama penuh ini diberikan pelepasan kerana mereka ini merupakan satu aset yang sangat berharga untuk negara, satu aset yang sangat berharga.... [*Pembesar suara dipadankan*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. Setiausaha Parlimen, kalau sekiranya tak mahu bagi jalan kepada sesiapa tolonglah bagitahu ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak apa Tuan Yang di-Pertua, kita beri peluang, kita memang sebelah Barisan Nasional, kita memang sentiasa terbuka bukan macam sebelah pembangkang, bila kita nak tanya, dia langsung tak bagi jalan. Jadi inilah perangai pembangkang berbanding dengan.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tambah sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, tak boleh, nanti dulu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak perlu, tak perlu, saya tak bagi jalan.

Dr. Tan Seng Giaw:dengan subjek yang samalah.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti benar dulu atau tidak? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, benar atau tidak Kepong bangun?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang setuju bahawa memang itu yuran untuk sekolah rendah dan sekolah menengah tidak adalah kepada teorinya tapi pada praktisnya cuba Tuan Yang di-Pertua secara ringkasnya iaitu buku rampaian di sekolah-sekolah rendah. Buku rampaian ada di sini ada sembilan jenis termasuk komputer dan secara singkatnya Tuan Yang di-Pertua ada satu buku yang dikeluarkan untuk itu membantu atau memberi sumbangan kepada GAPEN iaitu Gabungan

Pendidikan Kelompok Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (GAPEN) satu buku yang berharga RM3 dan kemudian Tuan Yang di-Pertua ada yuran dan kutipan bagi setiap murid misalnya ada enam jenis di sini untuk sukatan RM1, untuk insurans takaful RM1.50, cuba bayangkan, setiap murid terpaksa membayar RM1.50 sebab kerana takut ada kemalangan di sekolah setiap tahun dan ini saya pun tidak tahu mengapa ada itu perjanjian daripada Kementerian Pendidikan dengan itu takaful sahaja. Tidak ada itu insurans yang lain, ini satu monopoli pula dalam yuran dan kutipan kita dan kemudian ada yuran khas untuk itu perpustakaan, ada yuran kertas peperiksaan.....

Tuan Mokhtar bin Radin: Ini tanya soalan ke berucapkah ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, nak tambah tokok tambah ...

Tuan Mokhtar bin Radin: Ha, tambah sudahlah. *[Ketawa]* Apa nak tambah banyak-banyak.

Dr. Tan Seng Giaw: Kinabatangan menjadi Cinabatangankah? Masalah besar, masalah besar dan keselamatan pun ada mengenai itu bayar kepada itu keselamatan RM5 dan kemudian ada itu lain-lain tambahan yuran RM5 lagi di sini ada yuran dan kutipan enam jenis dan kemudian buku rampaian kadang kala ada itu undang di sebalik batu pula di dalam itu buku rampaian kita dan inilah yang saya cakap embun itu jantan di atas daun.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun saya jawab pada masa-masa yang lampau mengenai dengan itu dan saya telah pun jelaskan perkara tadi kita tetap prihatin dan apa yang telah dibangkit oleh saya tadi, oleh Yang Berhormat, dua-dua Yang Berhormat tadi mengenai dengan yuran-yuran kecil tadi sebenarnya boleh kita kata yuran ataupun apa yang kita nak pakaikan tetapi adalah sumbangan kecil. Bagi mereka yang tidak mampu misalnya Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan mengenai bahawa pelajar itu tidak dapat menyertai sekolah MRSMkah? Ya, jadi kita ada bermacam-macam tabung, dia boleh mohon pada mana-mana tabung, mungkin mereka tidak dapat makluman lebih-lebih lagi pula pihak pembangkang selalu benda-benda macam ni dia suka putar-putar belitkan jadi maka jadilah isu politik dan PAS selalu suka mempolitikkan isu ini termasuk DAP

suka mempolitikkan bukan hendak beri cadangan pada kita dan sebagainya. Jadi saya berharap perkara itu sudah kita selesaikan kalaulah [*Disampuk*] kalau dikenakan yuran yang begitu tinggi kita akan tetap mengambil perhatian, kita tetap akan memberi arahan supaya tidak melebihi paras-paras tertentu. Itu bergantung kepada sekolah dan bagi mereka yang tidak mampu, mereka tidak perlu bayar. Jadi ini kita ada bermacam-macam tabung, kita telah usahakan tetapi pihak pembangkang suka mempolitikkan isu-isu kecil seperti ini. Biarlah saya teruskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan ini bersesuaian dengan konsep ke ekonomi yang memerlukan ramai pekerja berpengetahuan terutama dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan, robotik, elektronik, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang-bidang bio-teknologi termasuk bio-sains, kejuruteraan genetik dan farmasi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan sikit pasal istilah....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi mencapai matlamat tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa minat dan pembinaan asas sains yang kukuh di peringkat rendah dan menengah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Batu adalah penting.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hendak minta penjelasan, bukan apa, Yang Berhormat sebut tadi ini saya pun tak tahu bahasa apa, Bahasa Malaysia - teknologi ke, 'teknoloji' ke, 'teknologi' ke? Dia sebut sini tidak tahu bahasa mana hendak diguna itu?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Itu buang masa saja, Yang Berhormat, kita boleh betulkan apa Yang Berhormat hendak sebutkan.

Dalam mempelbagaikan bidang pengajian, kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan agar Universiti Malaysia Sabah (UMS) Cawangan Kampus Labuan menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan peranan Labuan sebagai pusat kewangan persisir pantai, dengan izin, offshore. Pada masa ini dua buah sekolah atau fakulti diwujudkan di Kampus Antarabangsa UMS Labuan,

iaitu Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Sains Informatik Labuan. Antara program yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Sains Kewangan Antarabangsa, Perbankan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa dan Ekonomi Kewangan Antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Batang Lular telah mencadangkan agar bakat dan kreativiti pelajar digembleng dalam bidang teknikal. Selain daripada merancang dan memantau pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian terhadap aspek aplikasi ilmu dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar melalui mata-mata pelajaran yang diambil termasuklah mata pelajaran yang berorientasikan teknikal. Antara usaha untuk mengasah kreativiti pelajar ialah dengan menggalakkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti sama ada secara individu atau berkumpulan seperti pertandingan reka cipta, pertandingan johan kemahiran, anugerah pereka muda dan pertandingan melukis poster.

Pendemokrasian pendidikan tidak akan bermakna sekiranya hala tuju pendidikan negara untuk mencapai perpaduan kaum diabaikan. Kementerian Pendidikan sedar terdapatnya permintaan terhadap Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C)) malah bantuan terus disalurkan ke sekolah-sekolah tersebut agar tidak terpinggir dari arus perdana pendidikan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, pengajaran bahasa ibunda tidak pernah dihalang sebagaimana yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1996.

Yang Berhormat Kepong sudah keluar, kita belum habis. Tadi dia kata, apa dia pun makan gaji buta juga. Atas dasar persefahaman yang telah dicapai, Kementerian Pendidikan tetap memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi umpamanya dalam menyelesaikan masalah kekurangan guru di SJK(C) pelbagai langkah dan kelonggaran syarat diberi tetapi masih tidak ramai belia yang mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Cina mengambil peluang pendidikan guru yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti pendidikan. Mengenai saranan Yang Berhormat Kota Melaka agar kredibiliti Lembaga Akreditasi Negara atau LAN dipertingkatkan. Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara melalui Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 yang berkuatkuasa 15 Mei 1997 dan bertanggungjawab terhadap penentuan kualiti kursus dan program di IPTS. Badan ini merupakan sebuah

badan berwibawa yang boleh dirujuk berhubung dengan jaminan kualiti pelbagai kursus yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Lembaga Akreditasi Negara juga dapat memberikan unit standard pendidikan yang diperlukan khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Sandakan.

Kualiti seseorang pelajar bukanlah hanya sekadar kecemerlangan pencapaian akademik sahaja. Sebaliknya negara memerlukan graduan yang serba boleh bagi menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah mengenai terdapat pelajar lulusan STPM gagal memasuki universiti kerana kurang baik dalam pencapaian kokurikulum. Untuk[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Boleh saya habiskan, saya bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menetapkan kelayakan masuk ke IPTA adalah berdasarkan 90% markah pencapaian akademik dan 10% markah pencapaian kokurikulum.

Kementerian Pendidikan berpendapat garis panduan yang diguna pakai sekarang adalah adil untuk semua pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, terima kasih dari Yang Berhormat Pendidikan *de facto*. Saya cuma hendak tahu sama ada Yang Berhormat sudah habis jawab soalan hujah-hujah saya sebab saya ucap enam setengah muka surat bila saya ambil bahagian dalam perbahasan, dah habis tak? Kalau belum, saya tunggu. Sudah habis saya punya bahagian. Tak, saya ada ucap enam setengah muka surat dan perkara-perkara yang saya timbulkan ada banyak. Salah satu yang mustahak sekali ialah kekurangan dan bilangan sekolah di SJK(C) itu.

Yang Berhormat Menteri pernah jawab pada 29 Februari 2000 ini bahawa pada masa ini bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah mencukupi dan saya telah memberikan hujah-hujah bahawa memang tidak cukup sebab dari tahun 1976 sehingga tahun 1999 bilangan sekolah telah diturunkan 34 buah dan pada tempoh yang sama jumlah murid telah ditingkatkan sebanyak hampir 50,000. Jadi, macam mana kita dapat kesimpulan bahawa bilangan sekolah ini mencukupi.

Lagi satu, memang saya kata bahawa selama ini pendidikan bahasa ibunda itu menghadapi pelbagai masalah dan punca yang utama ialah bahawa falsafah pendidikan negara itu bersifat asimilasi dan saya tidak faham bagaimana Yang Berhormat boleh menggunakan Akta Pendidikan Tahun 1996 itu sebagai justifikasi sebab sebenarnya itu tidak benar kalau baca dengan baik-baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai dengan sekolah-sekolah SJK(C) tadi, telah pun kita bangkitkan dalam soal jawab. Malah ada soalan-soalan mengenai dengannya tidak sempat dijawab. Kita akan menjawab soalan itu melalui notis. Walau bagaimanapun, apa yang telah dibangkitkan mengenai bahasa ibunda tadi, dalam Akta Pendidikan, ia telah jelas dengan sejelas-jelasnya. Jadi, saya tidak mahu panjangkan perdebatan itu dengan Akta Pendidikan Negara kita sebab kalau kita hendak ini kita terpaksa pergi pulak. Lagipun saya telah jawab di awal-awal tadi mengatakan hanya kita akan menjawab secara spesifik sahaja kerana kita kesuntukan masa. Kalau hendak diberi izin, kita boleh tunggu sampai esok pagi kita boleh bahas lagi apa yang hendak. Saya mintalah dengan Yang Berhormat Kota Melaka tadi, sepertimana apa yang telah jawab dapat diterima dengan baik. Bagi segala detail-detail - kalau Yang Berhormat perlu kita akan sampaikan kemudian.

Tuan Kerk Kim Hock: Ada dua tajuk yang saya telah katakan atau ucap, iaitu berkenaan permohonan dari Sekolah Menengah Persendirian Cina tidak dapat bantuan yang baik dari kerajaan bermakna untuk mendirikan sekolah ini ditolak

Lagi satu, perkara UTM - program tahunan Tahun Baru Cina itu dibatalkan - tidak apa, lagi pun tiga orang pelajar dikeluarkan surat tunjuk sebab, ini semua tidak ada selesai. Jadi, kalau Yang Berhormat selalu kata Yang Berhormat bersikap terbuka, sila bagi jawapan pada hari ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya telah katakan ini kita hanya berbincang dalam sekolah-sekolah di bawah bantuan kerajaan, SJK(C). Saya tidak keluar daripada itu. Jadi, kalau itu hendak dibangkitkan, ya kita boleh bangkitkan kemudian tapi saya sudah kata saya akan jawab secara spesifik. Saya mintalah, kalau masa diberi secara lebih panjang lagi, kita boleh bincang lebih panjang, sebab itu saya hanya bincang secara spesifik sahaja. Saya minta maaf, saya tidak bagi laluan lagi selepas ini.

Cadangan untuk mengadakan peperiksaan khas bagi memasuki program matrikulasi*[Disampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya kecewalah, saya sangat kecewalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat selalu macam itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Bukan itu macam, ini langsung tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Melaka tidak bolehlah macam itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya sudah sebut, saya sudah jawab. Yang Berhormat mahu apa lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Kenapa tak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka sila duduk, ya. Sila duduk. Yang Berhormat, tidak ada satu-satu pertanyaan apa-apa yang dapat jawapan yang boleh memberi puas hati kepada semua orang ya. Ada yang tidak puas, ada yang puas, itulah, begitunya begitu.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat langsung tak jawab.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak seorang lagi itu.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Soalan saya yang mengenai pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam STPM 5A telah dinafikan untuk memasuki Fakulti Perubatan dan Yang Berhormat tadi memaklumkan bahawa kekurangan markah dari segi ko-kurikulumnya. Bagaimanakah Yang Berhormat akan mengimbangkan masalah yang telah dikemukakan oleh Menteri Kesihatan baru-baru ini adalah dilaporkan bahawa Menteri Kesihatan menyeru agar lebih banyak kolej perubatan swasta ditubuhkan untuk membantu kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan tenaga di dalam profesion perubatan ini.

Jika seorang pelajar yang mendapat keputusan 5A atas alasan bahawa ko-kurikulumnya tidak memuaskan dan ini menafikan dia satu peluang untuk menyumbang kepada masalah yang sedang dihadapi oleh negara kita iaitu kekurangan tenaga dari segi perubatan dalam profesion perubatan, bagaimana kita boleh

menyelesaikan masalah ini? Ini adalah amat penting, tambahan pula di dalam pertanyaan saya bertarikh 29 Februari kerana ia telah dijawab secara bertulis kerana tidak dapat dikemukakan di Dewan yang mulia ini, syarat-syarat untuk kemasukan ke dalam program perubatan tidak langsung dinyatakan keperluan syarat kokurikulum tersebut dan jika kita teliti bagaimana untuk mendapatkan 10% kokurikulum tersebut amatlah sukar.

Saya telah nyatakan di dalam perbahasan tersebut tetapi saya harap ini diberi perhatian dan jangan hanya menolak sahaja. Tadi Yang Berhormat kata pendidikan kita adalah satu pelaburan untuk jangka panjang dan jangka yang pendek. Kita menyatakan generasi muda pelajar yang ingin menyumbang kepada negara yang dapat 5A tersebut tetapi dinafikan satu tempat di dalam bidang perubatan yang pada masa yang sama negara mengalami masalah kekurangan tenaga dalam profesion tersebut. Minta penjelasan

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Untuk menyatakan apakah sebab-sebabnya seseorang itu ditolak, kita tidak boleh periksa satu persatu. Walau bagaimanapun, apa yang telah dilakukan oleh pihak pengambilan – Yang Berhormat duduklah sebelum saya hendak jelas lagi Yang Berhormat sudah hendak tanya. Ha, inilah parti pembangkang.

Seorang Ahli: Jawab, jawab, jawab.

Beberapa Ahli: Jawablah!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita ada etika.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat, sekurang-kurangnya saya duduk tetapi kebiasaannya Yang Berhormat langsung tidak – enggan duduk bila

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Siapa kata saya tidak duduk

Puan Fong Po Kuan:bila enggan beri laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:saya begitu tertib. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tidak bagi laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Nanti pula, kalau kita kata tidak tertib, kita kata tidak hormat wanita pula.

Walaupun bagaimanapun, terima kasih saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya ambil perhatian mengenai dengan perkara itu, kita akan membetulkan apakah yang tersilap.

Walau bagaimanapun, akan terus saya nyatakan di sini untuk kemasukan kepada setiap fakulti kita ada mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Itu dipastikan oleh setiap fakulti itu.

Jadi, oleh kerana terlalu begitu ramainya permohonan tadi mereka ada cara-caranya tersendiri. Kadangkala kita faham ada orang yang mendapat lebih daripada point itu tetapi tidak dapat memasuki – ada perkara-perkara itu berlaku. Saya akui ada benda itu berlaku tetapi mereka tetap pegang kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan tetapi walau bagaimanapun, yang hak lain pun diberi peluang juga sekiranya ada tempat. Kita tidak boleh ambil terima semua.

Jadi, saya faham mengenai dengan kakitangan perubatan ataupun profesion kedokteran tadi diperlukan oleh negara, kita tetap senantiasa mengambil perhatian untuk menambahkan lagi para doktor di negara kita melalui latihan di IPTA. Begitu juga kita menggalak dan kita beri beberapa buah kolej perubatan ditubuh dan ini mesti saya beritahu kepada Yang Berhormat. Kita membenarkan beberapa kolej, kita tidak boleh membenarkan sesiapa sahaja yang hendak membuka kolej tetapi kita beri syarat-syarat yang tertentu dan kita telah beri izinkan.

Jadi, saya hendak terangkan, hendak jelaskan lebih lanjut sebab kerana kesuntukan masa. Terima kasih Yang Berhormat.

Cadangan untuk mengadakan peperiksaan khas bagi memasuki Program Matrikulasi telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Yan. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian melaksanakan dua kali ambilan untuk memasuki program tersebut. Ambilan pertama ialah pada bulan Januari dengan menggunakan keputusan Peperiksaan Khusus Program Matrikulasi (PKPM) yang diambil oleh pelajar sehari selepas SPM. Mana-kala ambilan kedua ialah pada bulan Jun melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar IPT melalui UPU dengan menggunakan keputusan SPM terakhir.

Mengenai dengan pembangunan prasarana pendidikan. Seperti biasa isu pembangunan dan penyediaan kemudahan pendidikan sering ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat bagi Selangau telah membangkitkan masalah prasarana di sekolah dan memohon peruntukan untuk menyediakan generator di sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik. Usaha sedang dilakukan untuk

menyediakan peruntukan bagi tujuan pembekalan jana kuasa ke sekolah-sekolah yang belum lagi dibekalkan.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang juga mengadakan Program Pembekalan Bekalan Elektrik di sekolah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Mengenai pelaksanaan Konsep Payung yang mempunyai skop kerja untuk pembaikan dan penyelenggaraan, dengan izin, repair and maintenance termasuk gantian, dengan izin, replacement, untuk makluman Yang Berhormat bagi Batang Sadong. Penyeliaan projek bukan sahaja dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan tetapi juga Jabatan Kerja Raya (JKR). Peruntukan untuk tujuan tersebut masih di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan pembayaran kepada syarikat induk yang menandatangani kontrak hanya dilaksanakan apabila kerja disahkan siap oleh JKR dan Jabatan Pendidikan.

Oleh yang demikian, melalui kontrak tersebut peruntukan tidak boleh disalurkan terus kepada syarikat payung berkenaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Selangau. Setakat ini berdasarkan penilaian oleh JKR dan JPN kaedah yang diamalkan sekarang tidak menghadapi sebarang masalah.

Berkaitan cadangan Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai kesesuaian pemilihan lokasi dalam pembinaan sekolah. Perancangan teliti sememangnya dibuat agar kemudahan sekolah ditempatkan berdekatan tempat tinggal pelajar. Sekiranya sekolah tidak dapat dibina di kawasan tertentu oleh faktor-faktor seperti taburan penduduk, kemudahan asrama disediakan di sekolah-sekolah berhampiran agar pelajar terbabit tidak perlu menghadapi masalah berulang alik ke sekolah. Langkah ini juga adalah satu cara untuk mengelakkan keciciran pelajar sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Kementerian sedar mengenai masalah pelajar sekolah menengah yang menumpang di dua buah sekolah rendah di kawasan Beluran. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Beluran, kerajaan memang mempunyai cadangan untuk membina SMK Balaban Jaya dan SMK Simpangan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Dakwaan Yang Berhormat bagi Bandau dan Yang Berhormat bagi Baram berhubung pengabaian sektor pendidikan luar bandar adalah kurang tepat. Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pendidikan dilaksanakan secara berterusan tanpa mengira lokasi sekolah. Kerajaan telah memperuntukkan RM59 juta untuk membekalkan makanan tambahan di bawah Program Makanan Tambahan dan Projek Susu Sekolah.

Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan mutu kesihatan pelajar. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah membelanjakan sebanyak RM236.78 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga tahun 1999 bagi 6,464 projek sekolah di seluruh negara untuk menyediakan kemudahan persekolahan seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari 375 buah sekolah yang telah siap dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, 210 buah sekolah adalah di luar bandar. Kerajaan sedang merancang untuk membina 967 buah sekolah rendah dan 719 buah sekolah menengah lagi. Kebanyakannya di luar bandar, maknanya 60% kesemuanya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang ambil perhatian, janganlah semasa berkempen cuba tidak menyatakan perkara-perkara yang telah saya nyatakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka berdiri Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tenanglah, saya tidak mahu gaduh hari ini. Saya penat dan sakit. Cuma satu soalan, tadi daripada angka yang telah disebutkan tadi, berapa di antaranya ialah pembinaan sekolah SJKC (Cina)? Baik-baik ya, kalau tidak saya potong RM10 dari gaji Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Buat masa ini saya tidak ada detailnya, saya tidak dapat berikan penjelasan itu disebabkan oleh kita perlukan detail itu. Saya terus terang, saya tidak boleh beri jawapan secara off hand, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, hendak potong RM10 pula. Itulah kerja DAP.

Berhubung cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Sepang agar mengkaji semula grant per kapita (PCG) sedia ada

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebelum Yang Berhormat beralih kepada grant dan saya bila Kota Melaka bangun, Setiausaha Agung DAP bangun, saya hendak dia hendak membantah kita buat sekolah ke luar bandar, kalau dia bantah apa reaksi orang PAS di sana, tetapi tidak apalah, dia membela sekolah Tionghua, kita tidak menghalang hak mereka, tetapi yang sebenarnya MCA sudah banyak memperjuangkan dahulu lagi, dia baru ini hendak memperjuangkan sekolah rendah Cina ini.

Saya minta penjelasan sedikit, berbalik kepada soalan tadi, ada mengumumkan pembinaan sekolah, kita syabas dan penghargaan kepada kerajaan, kementerian banyak membina sekolah termasuk sekolah luar bandar, di antara bila membina sekolah, sudah semestinya juga kita membina kawasan riadah, padang bola, tempat sukan. Saya baru balik dari kawasan saya hujung minggu, seorang anak tingkatan lima jatuh dihempap oleh tiang gol bola, ia meninggal. Saya sempat melawat ke rumah ibu bapa beliau dan saya minta penjelasan sedikit dalam kita merancang untuk kawasan atau kemudahan sekolah ini. Dari segi

Seorang Ahli Pembangkang: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa sebelum Yang Berhormat pergi baik saya balik ke kawasan saya dahulu.

Kalau Yang Berhormat datang boleh beritahu saya setakat ayam hutan itu bolehlah saya sediakan seekor dua. Tetapi bila Yang Berhormat berceramah biar saya kutip duit itu, sebab saya tahu bila PAS ceramah mesti kutip duit 60% daripada penceramah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sebab itu saya kaya. Mari kita tukar kereta.
[Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya dengar cerita ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat biar, biar, teruskan Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya teruskan, sebab apa dari segi pendapatan Ahli Parlimen PAS ini lebih besar pendapatan daripada

ceramah-ceramah dan pendapatan sebagai elaun Ahli Parlimen. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena hendak minta apa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Eh, kenapa tanya saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 36(6) ini. Ini sangkaan jahat ini. Fitnah ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak menuduh mana-mana pihak. Saya tidak kata Yang Berhormat sendiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak mengatakan bahawa ada Ahli Parlimen PAS ceramah dapat duit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi betul atau tidak bila ceramah PAS kutip wang?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kutip wang betul, kita tidak pernah ambil 60%. Kita tidak pernah ambil.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, berapa peratus Yang Berhormat ambil?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita tidak pernah ambil.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau tidak 60% berapa peratus Yang Berhormat ambil.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita tidak pernah ambil, saya kata.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada mana! Kawan saya di kawasan saya pun ada juga orang PAS yang beritahu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah buat macam ini Yang Berhormat. Duduklah, duduklah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini satu fitnah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia beri jalan atau tidak? Yang Berhormat tidak boleh begitu, sebab dia ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan minta jalan kepada saya. Minta jalan kepada saya buat apa?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Untuk membetulkan kenyataan dia bahawa dia membuat satu fitnah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah macam itu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan di sanalah. [*sambil menunjuk kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan, jangan kaitkan dengan soal

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini apabila saya bangun, saya bercakap hak sayalah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, duduk, duduk. Rompin, minta penjelasan terus kepada Menteri yang berkenaan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:merah telinga dah [*Ketawa*].

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, tidak... [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inilah PAS ini, bila dia kutuk kita, dia kata kita, tetapi bila kita usik sedikit sudah merah telinga dah. Ini saya hendak tanya Yang Berhormat ini, bila kita bangunkan sekolah sudah semestinya ada – syabaslah kepada kerajaan, bukan sahaja sekolah, bila rumah-rumah guru pun diletakkan bersama, sekarang surau pun dibina bersama, alhamdulillah, kepada usaha kerajaan.

Tetapi hendak bertanya sedikit tentang kemudahan alat-alat untuk sukan macam tiang gol ini. Sudah dua orang yang meninggal ini, sebab tiang gol itu bila dia bergantung itu, dia boleh terbalik dan juga banyak yang kita dengar baru-baru ini juga ada budak yang kepalanya pecah kerana terkena batu 'short part' itu, bagaimana kementerian, adakah Dato' boleh jelaskan sedikit bagaimana adakah kementerian boleh memberikan jaminan sedikit, arahan telah dibuat sebagai contoh kepada sekolah-sekolah supaya lebih berhati-hati mengawasi anak-anak kita, sekolah yang menggunakan alat-alat sukan seperti tiang gol. Tiang gol itu mungkin hendak diadakan satu reka bentuk yang baru supaya tidak cepat terbalik atau mudah terbalik dan juga supaya mengawasi juga penggunaan alat sukan yang lain yang boleh

memberikan satu mudarat yang membahayakan kepada anak-anak kita. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, ya, terima kasih Yang Berhormat, memang kita sedari perkara itu dan saya bagi pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan takziah kepada keluarga murid yang telah meninggal disebabkan kerana dihempap oleh tiang gol dan saya telah mendapat laporan ini, kita mengambil tindakan serta merta. Kementerian Pendidikan memang mengambil tindakan dengan serta merta, malah saya dapat laporan ini [*sambil menunjukkan laporan*] daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Rompin dan saya sedia ada, kalau saya hendak baca begitu panjang, begitu banyak sangat.

Jadi, yang kena itu ialah namanya Julie bin Sari Othman, tingkatan lima, Sekolah Menengah Muazzam Shah, bangsa Indonesia, tempat tinggalnya, Desa Kenanga, Muazzam Shah.

Walau bagaimanapun, sama ada dia bangsa Indonesia atau bangsa Malaysia, kita tetap mengambil

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Untuk makluman, saya rasa anak murid itu dia kad pengenalan biru.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, dia asal.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi dia orang Malaysia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, orang Malaysia. Jadi, walau bagaimanapun, arahan telah dikeluarkan serta merta dan tindakan telah diambil oleh pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Rompin dan saya ucap syabas kepada pegawai yang berkenaan, saya rasa bangga juga pegawai di kawasan Ahli Yang Berhormat itu mengambil perhatian yang berat mengenai dengan kes ini dengan membawa ke hospital dan sebagainya. Sebenarnya, penuntut ini meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital. Kita ada laporan itu dan kita tetap bersimpati dengan keadaan ini.

Walau bagaimanapun, saya tetap akan beri jaminan, kalau diizinkan Allah, supaya perkara-perkara ini tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang. Ini dianggap sebagai nahas, memang ini kecuaiannya di mana tiang gol itu tak sempat dipasang lagi sekerunya dan sebagainya, murid-murid tadi telah naik dan bergayut di

atas itu. Walau bagaimanapun, arahan telah dikeluarkan kepada semua sekolah supaya diperkemaskan segala alat-alat sukan yang terdapat di sekolah-sekolah.

Walaupun bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat janganlah bimbang, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya atas kes ini.

Puan Chong Eng: Minta penjelasan.

Tuan Hji Mahfuz bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Hji Mahfuz bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Terhadap kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin tadi yang menyebut bahawa Ahli-ahli Parlimen daripada PAS ini mengambil 60% daripada kutipan derma ceramah-ceramah PAS. Ini satu fitnah yang saya mencadangkan supaya melalui Usul ini 26(1)(p) ini supaya Ahli Yang Berhormat bagi Rompin ini dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan.

Tuan Muhamad bin Sabu: Bergurau, berguraulah, tetapi perkara yang macam itu janganlah. Saya sanggup tukar jadi chairman syarikat tuan-tuan, ambil tempat saya ceramah, kutip duit. Saya ambil satu chairman Airod misalnya. [Ketawa] Bergurau, berguraulah, tetapi janganlah buat macam itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, Yang Berhormat ambil atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, duduklah Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Muhamad bin Sabu: Tidak!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan ini, adakah benar atau tidak?

Tuan Muhamad bin Sabu: Kalau begitu, inilah tuduhan UMNO di kampung-kampung dan akhirnya orang simpati kepada kita.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Benar atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah!

Tuan Muhamad bin Sabu: Tidak benar! Bohong! Tipu! Dusta! Tarik baliklah senang. Janganlah buat macam itu, kita kawan. Kami tidak ambil 60%.

Kalau 60% saya kutipan RM5,000, 60% kaya dah saya sekarang, tetapi saya sanggup jadi Chairman Airod. Ambil tempat saya jadi penceramah. Boleh?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kita dengar tuduhan orang!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk!

Tuan Muhamad bin Sabu: Tuduhan orang ini dibuat dalam Parlimen, jangan main-main. Kalau tidak kami dah kaya. Jadi, janganlah buat macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Kuala Kedah. Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ahli Yang Berhormat bagi Rompin dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan kecuali jika dia sedia menarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya sedia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingin bertanya adakah benar atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita sudah jawab tidak!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya benar atau tidak? Sebab ini saya dengar ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, tidak!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dengarlah dahulu, berilah peluang saya beri penjelasan. Saya mendengar tuduhan di kawasan saya, sebab

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya sudah kata tidak.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dengarlah, beri saya beri penjelasan!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya mengatakan tidak! Yang Berhormat tidak boleh berdasarkan kepada hearsay.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betullah, tetapi berilah saya beri penjelasan dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Mesti ada prove.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betullah, saya mendengar, sebab apa bila dia kutip -

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat mendengar, tetapi saya di Dewan ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah saya buat penjelasan dahulu Yang Berhormat. Beri saya jelas!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengemukakan....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Biarkan saya buat penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...apa nama...penjelasan kepada Peraturan Mesyuarat iaitu Perkara 26 (1)(p) ini iaitu satu usul untuk menghadapkan Yang Berhormat bagi Rompin ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa usulnya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...kecuali, saya mengatakan kecuali kalau Yang Berhormat sedia menarik balik, ini fitnah...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha betullah.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya katakan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: saya hendak bertanya adakah...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sudah menyebut ini adalah satu fitnah....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dengarlah....Heeeei!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:penipu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:bagilah peluang saya bercakap. Saya mendengar ini tuduhan orang, kalau Yang Berhormat kata tidak benar saya akan tarik, benar atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya katakan tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha tidak, okay saya tarik balik kalau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha okay, dah tarik balik. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Habis dah cerita. *[Tepuk]* Ha, Yang Berhormat kalau tak...kalau.....sebab ini kita dengar.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Okaylah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.... sebab apa tiap-tiap penceramah PAS dia ada tukang kutip dah duit ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha dah, dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Habis dah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, betul atau tidak kalau ada kutipan dibuat?

Tuan Mohamad bin Sabu: Kutipan.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kutipan derma dibuat oleh pihak cawangan, oleh pihak kawasan, kita tidak mengambil, ini satu tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha ada, sudah, sudah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta sekali lagi secara jelas.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha ini,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:supaya Yang Berhormat bagi Rompin supaya tarik balik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita dengar ini, kita dengar...

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:... ramai orang mengatakan memang ada kutip.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Memang betul, Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah tarik balik.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya, saya hendak minta penjelasan juga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Pokok Sena dengan Rompin, duduklah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ha ini sebab dia pembohong dekat dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidaklah, kalau dia sudah tarik balik cukuplah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:dia kata tak ada kutip, betul tak ada kutip?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada kutip tidak? Ada kutipan dibuat? *[Beberapa Ahli menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bukan saya yang mengutip, pihak penganjur yang mengutip.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Orang lain adakah tidak? Ini pembohong ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya dengar dulu, saya dengar...

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ini pembohong, dalam Dewan jangan pembohong, memang ada komisen untuk penceramah PAS, Yang Berhormat betul tak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini Dewan, ini bukan pembohong. Yang Berhormat bagi Rompin mengatakan, menuduh bahawa penceramah PAS mendapat 60%, ini satu pembohongan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ada memang ada, banyak dengan sikit sajalah yang dipertikaikan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya katakan tidak!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu sen pun tak ambil?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Satu sen pun tak ambil?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita kata tidak!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Kuala Kedah pun tak pernah ambil?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduk semualah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekarang kita tukar...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada ambil ke tidak? Yang Berhormat ada ambil tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya kata tidak ambil!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kutipan tidak diambil?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kutipan dikutip oleh pihak penganjur.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kutipan ada dibuat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kutipan dibuat oleh pihak penganjur, bukan dibuat oleh pihak penceramah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tapi Yang Berhormat tak ambil?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tetapi disebut tadi kepada penceramah!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu sen pun Yang Berhormat tak ambil?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ambil!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu sen pun tak ambil?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Satu sen kita tidak ambil.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, kita check!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk semua!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila check!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita akan semak adakah benar kutipan penceramah-penceramah tak ambil.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila check!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab kita tahu penceramah ambil.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila check dan kalau ada bukti sila hadapkan kami ke mahkamah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita check!

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang...

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ceramah BN tak ada kutip.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena, Kuala Kedah, Hulu Terengganu, duduklah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Mohamad bin Sabu: BN tak payah kutip, mereka dapat projek!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Ada kutip tak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Rompin masih lagi membuat tuduhan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kutip untuk partilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau buat macam ini, macam mana saya hendak buat keputusan?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak, dia bercakap terla lu melampau!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 26(1)(p)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dah semua berdiri.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Yang Berhormat Rompin masih lagi membuat pertuduhan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduklah, duduklah dulu. Duduk, duduk, duduk. *[Yang Berhormat bagi Rompin, Pokok Sena dan Kuala Kedah duduk]* Saya dah dengar tadi Rompin dah tarik balik. Saya pakai yang itulah. Jadi saya minta apabila Rompin dah tarik balik, Rompin jangan sentuh lagilah perkara itu dan teruslah kepada minta penjelasan kepada

kementerian. Jadi, kita teirmalah tarik balik dan begitu juga Pokok Sena dan lain-lainnya, kita tak usah sentuh lagilah. Jadi, itu keputusan yang saya buat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Dato', saya tarik balik mengatakan mereka tak dapat 60% tetapi saya tak tarik balik mengatakan dia buat kutipan. Dia tetap buat kutipan dan ada....[*Disampuk*]...Dengarlah, habiskan dulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, jangan, jangan berdalih-dalihlah. Benda ini berpanjangan lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tarik balik 60% tapi dia tetap buat kutipan, ini kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah Rompin, dia mengaku dia kata dia tidak mengambil, ada buat kutipan tetapi bukan dia yang buat kutipan. Dah jelas! Jadi, mengatakan dia mengambil 60% dan Yang Berhormat tarik balik, tarik balik sudahlah! Janganlah banyak lagi pergi bercabang ke sana ke mari. Kalau minta penjelasan kepada Menteri, silalah minta penjelasan kepada Menteri, itu keputusan saya. Ha, Menteri hendak jelaskan? Menteri, sila. Tak nak jelas apa pun, jawab apa yang nak jawab. [*Ketawa*]

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Saya pun dah tak tahu dah. Saya minta teruskan. Ada yang kata kutip, ada yang kata ambil tetapi peratus tak betul, yang mana satu betul....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:tapi memanglah itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana yang betul itu terus saja Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya, kita terus yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, terus, terus.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Kita terus yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jangan mengeruhkan suasana lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sepang agar mengkaji semula gran per kapita (PCG) sedia ada iaitu RM15 sehingga RM45 kajian telah dibuat pada tahun 1996 didapati sebanyak RM500 juta diperlukan untuk meningkatkan nilai PCG semasa. Namun demikian, disebabkan kegawatan ekonomi yang lalu permohonan tersebut tidak dapat dipenuhi. Sehubungan itu, kementerian telah mengemukakan semula permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu-isu pendidikan Islam. Yang Berhormat Padang Terap telah menggesa agar pendidikan agama yang dipertingkatkan dan bukan hanya menekankan aspek Fardu Ain sahaja. Sebenarnya sejak kurikulum pendidikan Islam diperkenalkan dalam Sistem Pendidikan Negara, kedua-dua aspek Fardu Ain dan Fardu Kifayah telah dijadikan asas dalam kurikulum pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Sesuai dengan keperluan semasa, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan kepada kedua-dua peringkat sukatan mata pelajaran berkenaan. Begitu juga dengan latihan guru-guru pendidikan Islam dari masa ke semasa, mereka diberi kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan profesionalisme sebagaimana disyorkan oleh Yang Berhormat Tebrau.

Persoalan sama ada kerajaan bercadang mengambil alih sekolah menengah agama rakyat (SMAR) telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baling. Dalam hubungan ini Kementerian Pendidikan cuba menggunakan pendekatan secara bermesyuarah kerana sensitiviti masyarakat perlu dijaga. Kementerian tiada halangan jika pihak pengurusan sekolah tersebut menyerahkan secara sukarela kepada kerajaan. Perkara ini melibatkan beberapa implikasi khususnya dari segi pemilikan tanah kerana kebanyakan SMAR didirikan di atas tanah wakaf dan juga di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walaupun SMAR bukan sekolah kerajaan, Kementerian Pendidikan menyedari kekurangan prasarana dan juga guru terlatih di sekolah-sekolah tersebut seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat. Atas dasar keprihatinan dan demi kepentingan pelajar, kerajaan akan terus membantu sekolah-sekolah tersebut dan tidak timbul isu menganaktirikan SMAR sebagaimana yang didakwa. Pada masa ini bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada SMAR ialah bantuan buku teks, bantuan pembangunan yang diberikan secara berkala berdasarkan permintaan dan

gran per kapita pada kadar RM90 bagi menengah rendah dan aRM120 bagi menengah atas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, isu sama ada pelajar boleh menggunakan sijil agama (STU) untuk memasuki Universiti Al-Azhar telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah daripada kurikulum Maahad Al-Buuz As Islamiah di Azhar yang telah pun diguna pakai sekarang oleh sekolah-sekolah menengah agama rakyat (SMAR) dan sekolah menengah negeri (SMAN). Tujuan STAM adalah untuk menyelaraskan kurikulum agama di semua sekolah tersebut. Sehubungan itu hanya STAM digunakan sebagai sijil kelayakan untuk memasuki Universiti Al-Azhar mulai tahun 2001 mengikut perjanjian antara pihak Universiti Al-Azhar dengan Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu-isu berkaitan pengurusan pendidikan. Yang Berhormat Kepong – dia pun dah tak ada....telah membangkitkan isu kegagalan program pendidikan akibat dasar yang tidak konsisten walaupun mendapat peruntukan besar dengan memberi contoh Projek Sampoa. Untuk makluman Program Pendidikan Sampoa telah dilaksanakan pada tahun 1995. Kementerian telah membelanjakan RM1.5 juta untuk membekalkan alat sampoa kepada 6,919 buah sekolah rendah. Di samping itu, kementerian juga telah melatih 200 orang guru sumber dalam penggunaan sampoa di seluruh negara.

Pada tahun 1998 pula, Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan RM153 ribu untuk melatih 200 guru lagi dan 32 pensyarah untuk menggunakan sampoa. Hasil dari tinjauan memang diakui, program pendidikan sampoa tidak dijalankan di setengah-setengah sekolah. Kementerian Pendidikan akan terus memantau keberkesanan penggunaan sampoa di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Dungun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat bagi Seputeh. Silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya ingin tanya tentang trend pihak pengurusan di universiti tempatan sekarang seperti apa yang berlaku dalam UTM dan UKM di mana *authority* universiti, mereka – setelah ‘bercampurtangan’ dalam kegiatan aktiviti para pelajar

seperti apa yang berlaku di UTM ialah mereka hendak adakan Mingguan Haluan Siswa, dipantau oleh pihak universiti dan juga di UKM pula pemilihan di kampus itu pun juga ditegaskan. Jadi, apakah pendirian Kementerian Pendidikan terhadap isu seperti ini yang mana nampaknya kebebasan pelajar di kampus mereka telah pun disekatkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan itu saya sudah bincang mengenai universiti dan sekarang saya masuk itu – kalau saya hendak tukar alih sana sini saya rasa kita akan makan masa lagi banyak. Jadi, saya berharap soalan itu boleh kita timbul masa soal jawab sekali lagi kalau diadakan dan saya mohon maaf kerana tidak dapat saya sampaikan hajat Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun saya akan cuba juga jawab. Kita tetap, iaitu Yang Berhormat Melaka sudah geleng kepala, saya hendak buat macam mana. Kalau kita minta masa lebih.

Yang Berhormat Dungun telah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka berdiri.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Baercakap tanpa pembesar suara]*....DAP akan buat usul potongan RM10 dari gaji Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebab beliau tidak jawab....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa Yang Berhormat cakap ini ye?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: Langsung tidak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Kota Melaka. Hendak buat usul apa itu, hak Yang Berhormatlah. Duduk, duduk. *[Disampuk]* Okay, sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat 'Melaka', itulah kerja dia potong orang sana, itu belum jadi kerajaan lagi tu, sudah hendak potong dah. Banyak hendak potong. *[Disampuk]* Sudahlah duduklah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Usul tidak percaya, tidak faham kata gaji, itulah tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Masih tidak faham tu. Bacadulu. Apa maksud usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat Kota Melaka. Cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Langsung tidak mahu jawab – buat penat-penat sahaja. Tidak pernah pun dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lain Ministry jawab bagi pihak Menteri atau Timbalan Menteri. Cuma Menteri Pendidikan buat. No standard.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Dia ada hak Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Eh! Apa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia ada hak Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *No standard*, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah macam itu.

Tuan Kerk Kim Hock: *But it's true isn't it?*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Eh! *Come on* Yang Berhormat, apa ni? Ini terpulang kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini Parlimen.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini pun Parlimen, dia ada peraturan dia Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Parlimen ini bukan DAP punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat tidak kira siapalah. Duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita semua punya. *You must have that* korum juga.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Duduklah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: You tida ada ikut peraturan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia ingat dia boleh gemparkan Dewan you bangun seorangkah?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak apa ni?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini apa ini. Ingat you bangun Kota Melaka boleh gemparkah? Ala

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, duduk dulu Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada malu, kita sanggup, saya tadi bercakap dia kata, kalau salah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, duduk, duduk. Kota Melaka.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap-sekejap

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada malu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Rompin

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak payah, saya boleh bayar sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada *woo, what woo?*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mereka kutip duit – ada buat kutipan. *[Ketawa]* Mungkin peratusnya berbeza, saya tidak tahulah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, Rompin duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa bezanya. Tetapi Yang Berhormat cuba hendak konon hendak ikut macam Lim Kit Siang. *Sorrylah brother.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduk. Iktik peraturan 98, perkataan Menteri hendaklah difahamkan termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Jadi, Setiausaha Parlimen memang dia berhak menjawab kementerian yang terlibat, jadi memanglah ini mengikut peraturan, boleh. Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit tambahan, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak penjelasan dari Menteri atau kepada siapa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak pasal peraturan, sebetulnya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: bilamana saya nampak, saya ada duduk di sini daripada pagi tadi, saya lihat seakan-akan Dewan ini tidak mengikut peraturan. Ada di antara ahli-ahli khususnya pihak pembangkang dia boleh cakap dia

bangun tanpa keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua. Kita harap mengikut peraturan, peradapan kita ada, kita seorang peguam, kita seorang yang terdidik, tidak boleh memaparkan perbuatan yang baik.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat kita semua Ahli Yang Berhormat dan ada peraturan. Maka ikutlah peraturan.

Tuan Kerk Kim Hock: Mereka tidak ikut, apa kita ikut peraturan? Tidak boleh dia orang berucap dia tidak mahu jawab. Apa prinsip itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila. Itu ada hak Menteri dia nak jawab. Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, jawapannya telah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tadi mengenai kedudukan Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, jadi janganlah mengadakan apa-apa prasangka, dengan izin, please don't look down upon me as a Setiausaha Parlimen. *[Disampuk]* Ya! betul.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk. Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa lagi Yang Berhormat hendak? Kita mahu terus begini. Inilah kerja Yang Berhormat parti pembangkang, mahu ganggu sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan ucapan ini.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat Dungun – saya beri jalan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:mendakwa terdapatnya arahan. Ha itu sudah silap sudah. Maaf saya. Tadi kita bangkitkan mengenai dengan isu kegagalan program pendidikan. Maaf saya. Ini Yang Berhormat Dungun membangkitkan – itu sudah jadi sudah – tengok you – inilah Yang Berhormat ini suka ganggu orang ini – ini Melaka ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat Dungun telah mendakwa terdapatnya arahan yang melarang wakil-wakil rakyat merasmi sebarang majlis rasmi sekolah seperti mesyuarat PIBG selepas PAS memerintah Terengganu. Mengikut siasatan Kementerian Pendidikan perkara tersebut adalah tidak benar. Surat yang dihantar oleh Jabatan Pendidikan Terengganu bertarikh 20 Januari 2000 kepada semua pengetua, guru besar, di Terengganu hanya merupakan pekeliling bertarikh 31 Julai 1995 yang diedarkan semula kepada semua sekolah mengenai perkara jemputan orang kenamaan ke upacara perasmian di sekolah, institusi pendidikan dan PIBG. Kandungan pekeliling tersebut ialah untuk memaklumkan kepada pihak sekolah bahawa semua sekolah institusi pendidikan dan PIBG yang ingin menjemput pembesar-pembesar dan orang kenamaan negeri, persekutuan ke upacara pembukaan dan perasmian aktiviti-aktiviti anjuran sekolah dan mesyuarat agung PIBG hendaklah mendapat keizinan dan kelulusan dari Pengarah Pendidikan Terengganu sebagai pendaftar sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Dalam dunia yang kian mencabar tidak ada tempat sama ada di bumi Malaysia atau di mana-mana sahaja bagi orang yang berfikiran sempit berpendirian chauvinist atau dibelenggui dengan idola. Demi masa depan bangsa dan negara kita seluruh rakyat Malaysia mestilah bersatu dan bersedia menangani segala cabaran-cabaran yang menghadapi kita. Integrasi nasional asas pertama untuk survival bangsa Malaysia akan terancam jika terdapat pemimpin-pemimpin yang berfikiran sempit dan *dirty minded*, dengan izin.

Dalam masyarakat yang berbilang kaum dan budaya adalah menyedihkan, seperti mana yang kita lihat waktu perdebatan ini beberapa hari yang lalu masih ada orang yang terpukau, keliru dan dihantui oleh prasangka diri sendiri. Tidak ada kelucahan atau pendirian *sexist* dalam ucapan “masuk sikit”. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita dapat circular ini. Ini oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Tidak perlu baca, sudah dia ada, bukan kita buta huruf. Seperti yang dituduh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang, lebih-lebih lagi ahli dari Kota Melaka, kita harus sedar perkataan-perkataan yang kita guna kebanyakannya adalah *poly semantic*, dengan izin, bukan *mono semantic*.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun, hendak berikan laluanakah?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bolehkah saya habiskan dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun sudah suntuk, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bolehkah saya habiskan?

Puan Chong Eng: Akan beri penjelasan? Akan beri laluan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap lagi, kita habiskan dulu. Kita mesti peka dan faham erti perkataan-perkataan atau konsep yang digunakan di dalam kelompok atau etnik yang berlainan. Dengan izin, adalah *dirty minded* untuk terus terkam membuat kesimpulan dan menjangka motif buruk bila saja mendengar sesuatu perkataan atau konsep digunakan. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin...

Puan Chong Eng: Sudah habis? Minta penjelasan. Tadi sudah janji.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri... eh...bukan Timbalan Menteri lagi, Setiausaha Kementerian, dalam Kementerian Pendidikan pula yang sudah buat sesuatu, yang dibuat keputusan oleh Tuan Yang di-Pertua memutuskan bahawa perkataan itu adalah tidak sesuai tetapi hendak belakan lagi. Adakah ini contoh yang baik kepada pelajar-pelajar? Sekiranya Yang Berhormat di sana tidak mengirakan itu ada maksud *sexist*, boleh tanya Yang Berhormat bagi Ampang Jaya. Yang Berhormat bagi Ampang Jaya dalam satu statement, kenyataan dalam surat khabar mengatakan sekiranya Ipoh Timur ada

mengeluarkan phrase macam itu maka MCA akan mengambil tindakan sekeras-kerasnya. Apakah sekarang Yang Berhormat dari sana yang hendak membelakan sekiranya Tuan Yang di-Pertua saya berpendapat bahawa semua ahli - bukan semua ahli - tetapi Ahli Yang Berhormat yang tidak faham kod amalan mencegah gangguan seksual perlu diberi satu kursus.....

Tuan Moktar bin Radin: Ini penjelasankah atau ucapkah? Ini dari Bukit Mertajam ini mahu ucapkah atau penjelasankah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dan juga Larut yang ...

Tuan Moktar bin Radin: Kalau buat penjelasan tidak payahlah panjang lebar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak kemukakan soalan atau hendak berucap?
Tuan Moktar bin Radin: Kalau tidak ada soalan, duduklah!

Puan Chong Eng: Itu bukan kerja awak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Puan Chong Eng: Yang mana?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order 36(6).
Sangkaan jahat, kenapa sebut nama saya..

Puan Chong Eng: Terhadap siapa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kenapa sebut Larut?

Puan Chong Eng: Larut tadi kerana tadi memang Larut yang mengeluarkan.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebut apa? Sebut apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen faham apa dikatakan tadi.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebut apa, cakap!

Puan Chong Eng: Saya akan cakap, duduk.

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan sebut-sebut Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen teruskan jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sudah habis?

Puan Chong Eng: Maka saya hendak bertanya

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Maaf, saya terpaksa sambung.

Puan Chong Eng: Saya hendak tanya Yang Berhormat, Di mana kah pendirian sekarang Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat berlainan pendirian dengan Yang Berhormat bagi Ampang Jaya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa.....

Raja Dato' Ahmd Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order Tuan Yang di-Pertua, tadi sebut Larut. Saya hendak tahu sebab apa? 36(6) sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah sila duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, tarik balik jangan sebut Larut.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jelaskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan minta penjelasan, sebut Larut kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup..

Puan Chong Eng: Kerana Yang Berhormat dari Larut juga mesti menyertai kursus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua, tarik balik, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena.

Puan Chong Eng: Saya tidak akan tarik balik kerana memang perlu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila sambung ucapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya bawa ini sebagai contoh kerana nama saya disebut dalam ini - Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. Saya mahu beritahu Yang Berhormat, sila Yang Berhormat baca *Hansard* itu, apa penjelasan saya mengapa saya diheret masuk dalam ini. Saya tidak pernah mengata, Saya tidak pernah kata "masuk sedikit" atau apa. Saya cuma

bagi penjelasan sesudah itu mengapa saya dibabitkan. Begitu juga Yang Berhormat telah bangkitkan supaya saya diberi kursus. Saya rasa Yang Berhormat patut diberi kursus. Mintalah penjelasan itu daripada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Dato' Fadzil Noor. Dia boleh baca-baca doa sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah hendak ucap?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, saya hendak bangkit ini kerana nama saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa ...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab dia kata seolah-olah saya tidak menghormati kaum wanita. Masya-Allah. Ibu saya wanita. Apakah saya tidak menghormati wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak beri laluan, duduk, mesti ada adab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, Bukit Mertajam.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya tidak ada adab, tidak ada tertib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Bukit Mertajam, ikutlah peraturan. Saya rasa kerana kita tidak mempunyai masa yang cukup, jadi saya tidak membenarkan sesiapa bertanya untuk penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan ini saya hendak kaitkan dengan penjelasan, ini berkenaan dengan pendidikan dan juga kedudukan saya sebagai Setiausaha Parlimen dan disebut di sini mengenai dengan, saya terpaksa mempertahankan Kementerian Pendidikan. Saya tidak boleh benarkan orang-orang yang seperti ini membuat ungkapan macam ini. Ini dikatakan orang yang tidak mempunyai adab dan tertib dan orang macam ini adalah buta budaya. Itu yang hendak saya bangkitkan. Kalau hendak tahu apa erti 'buta budaya' sila ambil kursus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya tidak boleh beri laluan lagi. Sekejap lagi, sekejap sahaja. Saya habis dulu.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti sekejap, sedikit sahaja tidak boleh gaduh ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap sahaja, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya fikir tidak payah beri laluan di bawah Peraturan 37(2).

Tuan Kerk Kim Hock: Kita bukan gaduh, kita mahu jelaskan sahaja. Yang pertama ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Ucapan saya perbahasan tidak dijawab. Surat pensendirian ini pula dia pergi jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak ada perkara lain untuk dijawab, saya fikir boleh berhenti setakat inilah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan tetapi diganggukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih dan saya tidak beri jalan lagi kepada sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah katakan bahawa saya katakan sekali lagi, adalah *dirty minded*, dengan izin, untuk terus terkam membuat kesimpulan dan menjangka motif buruk bila sahaja mendengar sesuatu perkataan atau konsep digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin sikap seperti ini adalah sikap '*tro glodyte*', bukan sikap manusia abad yang ke-21.

Kinabatangan seperti juga - mungkin dia tidak tahu itu, konsep itu, sekejap lagi saya boleh terangkan apa dia - Kinabatangan seperti juga Bukit Berapit, Batang

Berjantai, Batang Air, Batang Melaka, Lana Bulu, Menggatal tidak ada kelucahan atau pendirian sexist dalam ini semua, melainkan orang yang membuat tuduhan itu sendiri yang melihat atau mempunyai konteks lucah atau sexist.

Malah lebih daripada itu.....

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu tajuk yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini telah pun diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, yang ini tidak perlu dibangkitkan lagi. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Setiausaha Parlimen.....

Puan Chong Eng: Mereka men 'challenge' apa yang diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Kerk Kim Hock: You are the greater.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta semua duduk, cukup.

Tuan Moktar bin Radin: Duduk, duduk, apa kau tidak tahu peraturankah, mahu jadi samsengkah, mari pergi luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Parlimen tau Yang Berhormat, patuhi peraturan. Jadi saya minta Setiausaha Parlimen tolonglah beralih ke tajuk yang lain.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Malah lebih daripada itu merekalah yang mempersendakan atau memperkecilkan faham dan sensitiviti budaya penduduk tempatan. Apakah salahnya Yang Berhormat bagi Kinabatangan dengan budaya Sabah....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Point of order 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada Peraturan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Point of order 43, mengenai peranan dan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua. Pada masa saya menyentuh perkara ini dalam ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua mengatakan beliau telah memutuskan perkara ini dan tidak ingin dibangkitkan semula kecuali melalui usul. Jadi Tuan Yang di-Pertua,

saya memohon supaya keputusan itu dikekalkan dan keputusan Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini dijelaskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya sebagaimana yang telah saya katakan, alih ke tajuk lain.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mengambil itu sebagai contoh, kerana saya hendak tunjukkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah, itu sudah cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:bahawa soal pendidikan budaya ini penting Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya bangkit. Jadi soalnya saya takut-takut sebab kita bercakap mengenai.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada lainkah untuk dijawab?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perdebatan dalam Dewan ini hendaknya janganlah dipesongkan atau tarafnya rendah oleh tuduhan yang melulu atau dengan membangkitkan isu-isu yang remeh-temeh seperti yang dilakukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pembangkang.

Saya sekali lagi hendak saya katakan di sini, maaf saya - itulah bila ganggu kita banyak kertas-kertas sudah hilang, mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, sabarlah, Yang Berhormat janganlah merungut-rungut, saya pun cuba juga dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, perdebatan dalam Dewan ini hendaknya, tadi saya telah sebutkan bahawa janganlah bangkitkan isu-isu remeh seperti yang dilakukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang. Bolehlah kita sifatkan orang yang bangkitkan isu-isu remeh seperti ini sebagai ketandusan dan bankrap isu-isu yang berat.

Dengan demikian saya sekali lagi tetap menyatakan bahawa setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat saya jelaskan kali ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan

kepada semua rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan.

Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

6.45 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan Negara 2000 yang sedikit sebanyak telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, Lumut dan Wangsa Maju menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan begitu mengambil berat dan prihatin di atas masalah keselamatan dan pertahanan negara termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan dan hal ehwal anggota tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pertahanan sememangnya serius dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang ancaman luar. Dalam hal yang demikian ATM dari masa ke semasa sentiasa mempertingkatkan operasinya mengawal sempadan negara dari dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pendatang asing tanpa izin (PATI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan PATI ini sebenarnya telah pun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 2 Mac yang lalu. Dalam jawapan tersebut telah saya tegaskan terdapat beberapa operasi yang sedang dilaksanakan oleh Anggota Tentera Laut Diraja Malaysia bagi mengawasi perairan negara terutamanya di negeri Sabah dan oleh anggota-anggota tentera darat di negeri-negeri seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Semenjak operasi dijalankan, seramai 13,212 PATI telah diberkas oleh ATM sepanjang pantai negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak 1 Januari 1997.

Walau bagaimanapun, sukalah saya ulangkan di sini bahawa usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dalam usaha membanteras kemasukan PATI ke negeri Sabah tersebut hanyalah merupakan bantuan kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara khusus untuk menangkap dan menghantar pulang pendatang asing tanpa izin berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang bidang kuasa sama ada untuk menangkap atau menghantar pulang pendatang asing tanpa izin, bantuan yang diberikan oleh anggota ATM berkenaan sebenarnya hanyalah merupakan tugas tambahan yang dilaksanakan tanpa menjejaskan dengan izin, 'core business ATM'.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Lumut dan Wangsa Maju telah mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan serta perkhidmatan anggota dan pesara ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, kerajaan sememangnya mengambil aspek keanehan perkhidmatan apabila mengkaji aspek gaji, elaun serta lain-lain syarat perkhidmatan ATM. Sememangnya Kementerian Pertahanan pada masa ini sedang mengambil langkah yang lebih positif untuk mengkaji semula beberapa aspek yang berkaitan dengan perkhidmatan dan kebajikan anggota ATM agar kualiti hidup mereka dapat dipertingkatkan mengikut keperluan semasa.

Sehubungan itu menyentuh mengenai urusan mempercepatkan kenaikan gaji dan elaun anggota ATM seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lumut dan merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju agar Kementerian Pertahanan mengkaji semula kadar pencen kepada golongan bekas tentera yang kurang upaya, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa perkara ini sedang di peringkat akhir kajian dan kertas kajian berkaitan akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri tidak lama lagi.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat bagi Lumut turut mencadangkan agar tempoh perkhidmatan anggota ATM berpangkat rendah iaitu lain-lain pangkat dipanjangkan. Biarlah saya jelaskan di sini bahawa anggota lain-lain pangkat yang telah berkhidmat selama 12 tahun sebenarnya masih boleh memohon untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka sehingga ke 15 tahun dan seterusnya kepada 21 tahun iaitu sehingga mereka berusia 50 tahun. Sekiranya mereka masih

berminat untuk berkhidmat dengan ATM, permohonan bolehlah dibuat semasa mereka masih berada dalam perkhidmatan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengubah tempoh perkhidmatan anggota lain-lain pangkat yang berkenaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah faktor yang menyebabkan ramai bilangan anggota tentera yang apabila sudah sampai 12 tahun, dia tidak lanjutkan tempoh itu, apakah faktor – adakah kerana faktor boring atau faktor gaji yang tidak begitu baik untuk mereka.

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa faktor, dia bukan satu faktor sahaja dan perkara ini memang dalam perhatian kementerian supaya kita dapat menjadikan perkhidmatan ATM lebih menarik lagi kerana alam ketenteraan ini berbeza dan agak mencabar dan pada mereka yang tidak tabah, mungkin menganggap ini sebagai satu tekanan berbanding dengan pekerjaan di bidang-bidang yang lain. Sebab itu agak ramai yang juga memohon untuk keluar daripada ATM.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata ada berbagai-bagai faktor itu. Saya hendak tahu apa berbagai-bagai faktor itu?

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Faktor yang umumnya sebab tekanan dari segi bidang kerja seperti tahap disiplin, seperti risiko kepada diri sendiri lebih tinggi daripada pekerjaan yang lain dan juga faktor tarikan sektor swasta lebih lumayan daripada apa yang dapat ditawarkan oleh ATM.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [*Bangun*]

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ahli Yang Berhormat Lumut ada

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Mungkin saya boleh jelaskan sedikit ada berbagai-bagai, satu penjelasanlah, berbagai-bagai syarat sebelum seorang anggota tentera itu bersara. Satu daripadanya adalah syarat-syarat perkhidmatan ialah mereka masuk dalam skim *Short Service*

Commission iaitu 9 tahun atau 12 tahun, mereka dapat *option* untuk keluar daripada tentera dan juga yang lain selepas 21 tahun iaitu skim *Regular Service*. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Lumut ada mencadangkan agar diadakan Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi dengan izin, *Personal Financial Management* kepada bakal pesara ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PERHEBAT sememangnya ada menawarkan program pembangunan usahawan yang memberi pendedahan kepada cara-cara pengurusan kewangan peribadi dengan izin *Personal Financial Management* kepada bakal dan bekas pesara ATM.

Ini adalah selaras dengan keperluan bagi para pesara yang mengikuti kursus-kursus berbentuk keusahawanan memandangkan aspek kewangan ini adalah penting dalam menjalankan apa jua jenis perusahaan. Selain dari itu, terdapat juga khidmat nasihat diberikan kepada mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan menjadi usahawan baru yang berjaya. Namun begitu, Kementerian Pertahanan menerusi PERHEBAT akan meneliti dan mempertimbangkan keperluan bagi mengadakan beberapa kursus khas berkaitan pengurusan kewangan bagi memantapkan lagi kefahaman para peserta sekiranya diperlukan.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju pula telah mengutarakan agar anggota ATM yang akan bersara ditempatkan dalam syarikat swasta....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Tadi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat menyebut mengatakan bahawa ATM dan PERHEBAT akan membanyakkan lagi kursus-kursus pengurusan kewangan dan juga kursus-kursus yang lain. Saya melihat berdasarkan kepada beberapa sumber maklumat daripada rakan-rakan daripada Persatuan Bekas Perajurit, mereka menyebut bahawa ini soal modal, apabila kursus itu diberikan kemudian monitoring ataupun pemantauan daripada pihak kementerian ataupun PERHEBAT kepada mereka sudah tidak ada. Dia tidak tinjau dah apa berlaku selepas daripada dia bersara dan mereka sedang mengalami masalah modal yang tidak mencukupi untuk mereka menjalankan keusahawanan mereka. Walaupun kursus telah mereka perolehi secara yang baik dan sebagainya tetapi itulah masalah yang dihadapi oleh mereka.

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita bukan sahaja memberi kursus tetapi ada

bagi pinjaman kepada bakal-bakal pesara ATM dan mereka boleh meminta bantuan secara pakej daripada PERHEBAT dan ini kita telah lakukan.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju pula telah mengutarakan agar anggota ATM yang akan bersara ditempatkan dalam syarikat swasta yang sehaluan dengan tugas dan kepakaran yang mereka miliki semasa dalam perkhidmatan ATM. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pertahanan sememangnya mengambil berat mengenai perkara ini. PERHEBAT adalah merupakan satu-satunya institusi yang bertanggungjawab melatih dan memberikan pelbagai jenis pendedahan kepada bakal pesara ATM bagi menjamin masa depan mereka apabila bersara kelak.

Selain dari itu adalah menjadi tanggungjawab PERHEBAT untuk menjalankan pemantauan bagi memastikan mereka yang telah diberi latihan akan memperoleh pekerjaan di syarikat-syarikat swasta atau menjadi seorang usahawan. Sehubungan itu PERHEBAT telah menyusun beberapa program yang berkaitan seperti Program Pendaftaran Penempatan Pekerjaan dan Pembangunan Sumber Manusia bagi memenuhi tujuan tersebut. Bagi memastikan para pelatih mempunyai kemahiran yang selari dengan keperluan masa kini, PERHEBAT telah merangka dan menawarkan pelbagai jenis kursus kemahiran yang bermutu tinggi dan diiktiraf oleh kerajaan serta badan-badan profesional yang lain.

Kursus-kursus berkenaan adalah berdasarkan kepada keperluan industri dengan izin, *industry driven* yang berorientasikan teknikal, vokasional dan keusahawanan. Oleh itu, apabila bakal pesara ATM ini meninggalkan perkhidmatan kelak, mereka boleh berdikari kerana mempunyai kemahiran yang dapat dimanfaatkan untuk meneruskan kelangsungan hidup sebagai orang awam dan mampu menyara keluarga masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kebanyakan daripada para pesara ATM telah pun menyertai sama ada agensi kerajaan ataupun swasta selepas mengikuti kursus-kursus yang disediakan oleh PERHEBAT.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju mengenai cadangan beliau agar 30% daripada kontrak perniagaan yang terdapat di Kementerian Pertahanan diberikan kepada usahawan bekas tentera, sukalah saya menjelaskan di sini ditetapkan bahawa keutamaan sememangnya diberikan kepada pemohon yang memenuhi kriteria dan layak mendapat satu-satu kontrak yang

ditawarkan. Sehubungan dengan ini, para usahawan bekas tentera akan diberi keutamaan sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju iaitu 70% daripada para pegawai dan kakitangan PERHEBAT diambil dari kalangan bekas anggota ATM dan ahli keluarga mereka yang berkelayakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah menjadi dasar PERHEBAT untuk memberikan peluang yang sebaik mungkin kepada anggota tentera untuk berkhidmat dengan PERHEBAT. Namun demikian ada jenis-jenis jawatan tertentu yang menuntut kepada kelayakan dan pengalaman yang sewajarnya seperti menjadi pensyarah dan sebagainya. Ini adalah penting kita tentukan supaya mutu perkhidmatan yang dapat ditawarkan oleh PERHEBAT itu dapat memenuhi keperluan PERHEBAT diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan ini sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas yang telah dapat saya kupaskan sebentar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sila.

6.57 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Selangau dan Jelutong di atas beberapa soalan kepada kementerian ini.

Pertama, izinkan saya menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Selangau berkenaan dengan cadangan supaya FELDA melabur dan memajukan sektor pertanian iaitu dalam usaha memajukan tanah pusaka bumiputera Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, permohonan tanah rancangan FELDA di Sarawak bermula pada tahun 1986. Sehingga kini terdapat lima skim rancangan FELDA dan luas kawasan yang telah dimajukan ialah 8,191 hektar yang ditanam dengan tanaman kelapa sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak lagi terlibat secara langsung di dalam membangunkan tanah pusaka bumiputera di negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telah pun menubuhkan sebuah agensi iaitu SELCRA atau nama penuhnya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi membangunkan tanah pusaka bumiputera negeri itu.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah meluluskan peruntukan pinjaman di bawah Rancangan Malaysia Ketuju kepada SELCRA untuk membolehkan agensi itu memajukan tanah NCR di Sarawak. Setakat ini, SELCRA telah memajukan tanah NCR dengan kelapa sawit seluas 41,765 hektar, teh seluas 188 hektar dan getah seluas 1,053 hektar. Ini melibatkan tuan tanah seramai 12,523 orang. Bagi tempoh 1984 hingga 1989, sejumlah RM70.5 juta dividen telah dibayar kepada tuan-tuan tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri.....

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Purata pendapatan peserta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, masa sudah suntuk. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 petang.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan

Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman,

D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin*

Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ranli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Rangkaian Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kia ndee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Do mo (Batang Sadong)

- “ Datuk Seri Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zakeha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Bil. 17

Isnin

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 15 Mac 2000 – Tiada Persidangan
(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 25)

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2000 *dan*
Usul Anggaran Pembangunan 2000.

Jawapan oleh Kementerian:

- Kementerian Pertanian
(Halaman 25)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna
(Halaman 77)

..../ii

-ii-**Jawapan oleh Kementerian:**

- Kementerian Penerangan
(Halaman 90)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
(Halaman 94)
- Kementerian Sumber Manusia
(Halaman 107)
- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
(Halaman 120)
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
(Halaman 125)
- Kementerian Pendidikan
(Halaman 137)
- Kementerian Pertahanan
(Halaman 189)
- Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
(Halaman 194)

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat
(Halaman 146)

